

**DOKUMEN LAPORAN INI BELUM DISEMAK**

**PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 27**

**Rabu**

**12 Disember 2007**

---

**K A N D U N G A N**

**PENGUMUMAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**

- Tambahan Hari Mesyuarat (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan 2008 (Halaman 36)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
14. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
15. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
16. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
17. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
18. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
19. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
20. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis)
21. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
22. “ Tuan Khoo Soo Seng (Johor)
23. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
24. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
25. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
26. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
27. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
28. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
29. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
30. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
33. “ Puan Mumtaz binti Md Nawli (Kelantan)

34. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy (Dilantik)
35. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
36. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
37. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
38. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
39. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
40. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
41. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
42. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
43. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
49. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
52. “ Dato’ Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
53. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
57. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
58. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
59. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
60. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
61. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
62. ” Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
63. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
64. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

**DEWAN NEGARA**

**Setiausaha Dewan Negara**  
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Roosme binti Hamzah

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**  
Mund. Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS  
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kamisah binti Sayuti  
Sarimah binti Amran  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri  
Nur Hidayah binti Janudin

Nurul Shahida binti Haji Ahmad  
Siti Khadijah binti Md Nor  
Nooruanizam binti Nasir  
Hafizah binti Abu Samah

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****RABU, 12 Disember 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA****TAMBAHAN HARI MESYUARAT**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan bahawa supaya Mesyuarat Dewan Negara yang sedang bersidang sekarang ditambah selama satu hari lagi iaitu pada 24 Disember 2007. Pertambahan ini diperlukan bagi membolehkan rang undang-undang dan urusan kerajaan yang lain dapat diselesaikan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 10(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Dato' Ismail Kassim.

1. **Dato' Ismail Kassim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sama ada kerajaan telah atau belum melaksanakan proses peningkatan keupayaan sistem bagasi di KLIA memandangkan masih terdapat masalah besar di dalam pengendalian sistem ini yang sering kali menyebabkan kelewatan dan kehilangan barangan penumpang, terutama di waktu-waktu yang terdapat banyak penerbangan keluar masuk ke negara ini menerusi KLIA.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan masih belum melaksanakan peningkatan keupayaan sistem bagasi di KLIA. Kementerian Pengangkutan bercadang projek ini diberi pertimbangan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kesembilan. Sementara itu kerajaan melalui Malaysian Airport Holding Bhd. telah mengambil beberapa langkah tambahan untuk mengatasi masalah kehilangan barang-barang penumpang seperti berikut:

- (i) menubuhkan unit petugas khas yang dianggotai oleh 230 orang kakitangan keselamatan dan diketuai oleh seorang pegawai cawangan

khas PDRM yang mempunyai rangkaian risikan dalam kawasan larangan KLIA; dan

- (ii) pemasangan sebanyak 53 unit CCTV tambahan menjadikan jumlah CCTV kepada 200 unit di dalam kawasan sistem pengendalian bagasi yang disambung ke pusat kawalan keselamatan bagasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah-langkah yang telah diambil tersebut, masalah kehilangan barangan penumpang yang berlaku telah dapat dikurangkan kepada 153 aduan sehingga Oktober 2007 daripada 255 aduan pada tahun 2005.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Ismail Kassim, selepas itu Dato' Lee Sing Chooi.

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Berdasarkan kepada keadaan ataupun situasi semasa yang terdapat di KLIA dalam semuanya, dan ketika kita mengendalikan bagasi ini, kita melihat seolah-olah Malaysian Airport telah memberikan *rights* kepada satu syarikat yang mengendalikan kakitangan-kakitangan yang tidak terlatih di mana kebanyakan kakitangan yang mengendalikan bagasi ini adalah mereka yang diimport daripada luar negara.

Jadi sudah tentu, kalau terdapat kekurangan *supervise* ataupun kekurangan kawalan dengan izin, terhadap perkara ini, kita lihat ianya boleh menyebabkan walaupun sistem yang sedia ada itu *excellent*, baik, yang terancang seperti mana yang ada di Singapura dan sebagainya, ketidakcekapan servis yang menyebabkan kelewatan yang berlaku pada bagasi ini. Jadi apakah tindakan yang membolehkan pihak kementerian mengatasi masalah ini dengan kadar yang segera?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan Yang Berhormat tadi. Memang masalah *pilferage* ini satu masalah yang harus ditangani oleh Malaysia Airport Bhd. dan baru-baru ini kerajaan telah menyediakan satu plan keselamatan baru untuk KLIA, untuk menentukan bahawa masalah-masalah ini dapat dikurangkan sehingga Malaysian Airport Bhd, Malaysian Airlines telah pun.... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Sasaran bahawa ia akan mengatur segala langkah keselamatan untuk *zero pilferage*.

Memang ada andaian bahawa masalah-masalah *pilferage* ini adalah dilakukan oleh pekerja-pekerja asing. Dari segi [*Gangguan sistem pembesar suara*] Kita melihat pada tahun ini, ada 31 tangkapan yang dibuat dalam kawasan-kawasan *pilferage* ini, dan 31 orang yang ditangkap itu adalah pekerja tempatan. Jadi anggapan bahawa masalah-masalah ini ditimbulkan oleh pekerja asing adalah tidak benar. Pekerja-pekerja asing juga dihadkan kepada kawasan-kawasan yang bukan kawasan.... [*Gangguan sistem pembesar suara*]

Kita memang ada *standard operating procedure* untuk menentukan segala tindakan yang diambil adalah untuk keselamatan. Oleh yang demikian, maka kita percaya bahawa kita di KLIA mengendalikan 12 juta bagasi setahun. Jadi *pilferage* kita, rekod kita adalah kurang 0.1%. Jadi

kita anggap ia satu angka yang baik dan walau bagaimanapun kita memang berusaha untuk meningkatkan taraf keselamatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Lee Sing Chooi.

▪ 1010

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. KLIA telah memenangi beberapa anugerah antarabangsa dalam beberapa perkara.

Soalan tambahan saya, 0.1% itu adakah memuaskan? Saya nak tahu juga dalam pemantauan pengendalian sistem bagasi, apakah KPI untuk sistem memantau pengendalian bagasi ini? Begitu juga, apakah *ranking* kita, KLIA dalam prestasi pengendalian bagasi kalau dibandingkan dengan lapangan terbang antarabangsa di rantau ini, akah kita lebih baik atau tidak? Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai soalan pertama, sama ada kita berpuas hati dengan apa yang telah saya sebut tadi, memang kita tidak puas hati. Sebab itu kementerian telah pun mengarahkan Malaysian Airports Berhad dengan MAS dengan pejabat polis untuk merangka satu 'kad bank' keselamatan untuk menentukan bahawa KLIA kita dapat mencapai *zero pilferage*.

Kedua, mengenai KPI kita. Sasarannya adalah *the first baggage*, dengan izin, tiba di tempat ketibaan *baggage* dalam masa 20 minit dan *baggage* yang terakhir sampai pada masa 40 minit.. [*Gangguan sistem pembesar suara*] KPI yang kita dapat.

Mengenai *ranking* saya tidak ada angka sini, jadi apabila saya dapat angka nanti saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

2. **Tuan Ir. Hiang A Li** minta Menteri Pelajaran menyatakan, mengapa kerajaan masih belum dapat melaksanakan sesi persekolahan satu sesi sahaja, kerana ianya telah membawa pelbagai masalah kepada ibu bapa yang terpaksa mengambil anak-anak dari sekolah yang berbeza-beza sesi dan mengapa sekolah-sekolah menggunakan buku-buku teks yang berbeza-beza mengikut negeri, dan apakah ada penyelarasan terhadap perkara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Datin Paduka Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran Malaysia memang berhasrat untuk menjadikan semua sekolah di negara ini sebagai sekolah satu sesi, dengan pelaksanaan persekolahan satu sesi ini murid-murid dapat peruntukan masa yang lebih untuk melaksanakan aktiviti akademik dan kokurikulum.

Di samping itu *contact time* antara guru dan murid dapat dipertingkatkan dan ini membantu proses pembelajaran serta proses pembentukan manusia yang seimbang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kementerian Pelajaran memang menyedari terdapat beberapa masalah serta kekangan dalam melaksanakan sekolah satu sesi. Antaranya;

- (i) peruntukan yang tinggi untuk menambah bilangan bilik darjah;
- (ii) masalah pengambilan tanah untuk membina bangunan tambahan terutama di kawasan bandar;
- (iii) kawasan sekolah yang terlalu kecil yang tidak boleh menampung bilangan murid yang ramai; dan
- (iv) masalah yang dihadapi kepada murid yang mengikuti sekolah agama yang dikelolakan oleh kerajaan negeri.

Bagi mengatasi masalah tersebut Kementerian Pelajaran telah melaksanakan langkah-langkah berikut;

- (i) mengenal pasti sekolah-sekolah yang mempunyai enrolmen yang besar untuk dikaji bagi menambah bilangan bilik darjah;
- (ii) membina sekolah baru yang boleh menampung bilangan bilik murid dalam satu sesi khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan; dan
- (iii) menyemak semula kurikulum Pendidikan Islam serta memperkukuhkan lagi kurikulum tersebut untuk menarik ibu bapa mengutamakan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah kerajaan.

Di samping itu dalam Pelan Induk Perancangan Pendidikan iaitu PIPP 2006 hingga 2010. Kementerian Pelajaran telah merancang untuk mengurangkan bilangan sekolah dua sesi dengan menambah bilangan bilik darjah, sekolah dan guru secara berperingkat-peringkat dan diharapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini Kementerian Pelajaran dapat meningkatkan bilangan sekolah satu sesi kepada 90% bagi sekolah rendah dan 70% bagi sekolah menengah.

Sebagai jawapan untuk soalan bahagian yang kedua, Kementerian Pelajaran melaksanakan dasar penentuan judul buku teks dan zon pagedaran ke sekolah-sekolah seperti yang telah diputuskan dalam perbincangan khas bahagian buku teks dengan Menteri Pelajaran Pendidikan bertarikh 24 Ogos 1988.

Justifikasi pelaksanaan dasar penentuan judul buku teks dan zon pagedaran ke sekolah-sekolah adalah untuk mengelakkan berlakunya monopoli. Di samping itu pelaksanaan dasar ini juga boleh mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan program penerbitan buku teks Kementerian Pelajaran sekiranya penerbit tunggal yang mendapat tender, jatuh bankrap dan tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna.

Untuk makluman, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memantapkan mutu buku teks bagi memastikan kandungan setiap buku teks menepati Standard Sukatan Pelajaran (SSP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) seperti yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li selepas itu Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung.



**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kerajaan masih menghadapi masalah bilik darjah dan guru untuk melaksanakan sesi persekolahan satu sesi, mengapakah kerajaan masih berhasrat untuk melaksanakan satu program 35 orang murid satu kelas. Adakah ini menjadikan satu kerumitan yang lebih serius pada masa akan datang? Terima kasih.

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, pokok soalan ini adalah sekolah satu sesi tetapi jawapan yang ditimbulkan itu adalah berkenaan saiz kelas. Mengikut kajian Kementerian Pelajaran buat masa ini secara purata bilangan pelajar dalam satu kelas adalah dalam lingkungan 35 orang. Memandangkan kebanyakan sekolah-sekolah kita di kawasan luar bandar, pedalaman di mana enrolmen tidaklah begitu tinggi.

Namun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini 89 sekolah-sekolah rendah yang melaksanakan secara satu sesi adalah 89% berbanding dengan sasaran kita iaitu 90%. Jadi kita hampir telah menepati dengan sasaran kita.

Manakala sekolah-sekolah menengah yang dijalankan sebagai satu sesi adalah 63% berbanding dengan sasaran 70% dan secara berperingkat tertakluk kepada belanjawan Kementerian Pelajaran kita akan menambahkan bilangan sekolah yang dijalankan sebagai satu sesi. Terima kasih.

**Tuan Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Bajet 2008 kerajaan telah bersetuju semua murid layak mendapat pinjaman buku teks secara percuma. Akan tetapi, mengikut pengalaman sebelum ini terdapat sekolah-sekolah yang berada di kawasan luar bandar ataupun di kawasan pedalaman gagal mendapat bekalan buku teks sebelum sesi persekolahan bermula.

Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kementerian boleh memastikan semua sekolah di seluruh negara boleh menerima buku teks yang lengkap sebelum sesi persekolahan 2008 bermula terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian peka dan prihatin tentang dasar yang telah diumumkan iaitu semua pelajar akan menerima buku teks yang percuma dan semua persiapan telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Buat masa ini kita tidak menganggap akan menghadapi apa-apa kesukaran untuk mematuhi bahawa semua pelajar akan dapatkan buku teks sebelum sesi persekolahan. Terima kasih.

**3. Tuan Ahmad bin Husin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, syarat-syarat kelayakan bagi syarikat-syarikat yang memohon Sijil Kelulusan syarikat membekal dan mengurus (*out-sourcing*) pekerja asing dan syarat-syarat yang dikenakan oleh kementerian kepada syarikat-syarikat membekal dan mengurus (*out-sourcing*) pekerja asing ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat yang memohon kelulusan membekal dan mengurus (*out-sourcing*) pekerja asing adalah seperti berikut, syarat-syarat pengeluaran lesen;

- (i) syarikat tersebut hendaklah sebuah syarikat sendirian berhad dengan modal berbayar syarikat tidak kurang daripada RM100,000 dan diikuti syarikat dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia;

▪ **1020**

- (ii) syarikat bersetuju meletakkan *deposit bank guarantee* atau *insurance guarantee* sebagai jaminan kepada kerajaan. Deposit atau *guarantee* ini akan disita jika syarikat didapati menyalahgunakan syarat-syarat kelulusan. Deposit atau *bank guarantee* dan *insurance guarantee* yang dikenakan adalah sebanyak RM500 bagi setiap pekerja asing yang diluluskan untuk dibawa masuk. Selain itu, kementerian turut mengenakan beberapa syarat kepada syarikat-syarikat pembekal dan lulus *outsourcing* pekerja asing yang mana mereka bertanggung jawab untuk menguruskan kemasukan pekerja asing Malaysia termasuk melakukan perkara-perkara berikut:-
  - (i) membayar levi kepada kerajaan;
  - (ii) membuktikan setiap pekerja asing yang dibawa masuk telah menjalani kursus induksi di negara sumber;
  - (iii) pekerja asing memasuki negara ini diwajibkan menggunakan sistem biometrik;
  - (iv) memastikan setiap pekerja asing yang dibawa masuk mempunyai pekerjaan pada setiap hari dan bulan. Manamana pekerja asing tidak bekerja, mereka hendaklah membayar gaji minimum RM400.00 sebulan;
  - (v) memastikan pekerja asing tersebut menjalani pemeriksaan perubatan sebelum mereka dikeluarkan dengan pas lawatan. Membayar gaji pada hari terakhir bulan berkenaan, elaun-elaun lain yang dibenarkan oleh undang-undang seperti yang telah dipersetujui dalam kontrak pekerjaan hendaklah dibayar; dan
  - (vi) gaji mesti dibayar menggunakan sistem biometrik yang dihubungkan dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk tujuan pemantauan dan menyediakan kemudahan

penginapan dan pengangkutan dan perkara-perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berhak membatalkan kelulusan yang diberikan kepada syarikat pada bila-bila masa apabila syarikat didapati gagal mematuhi atau melanggar mana-mana syarat yang dinyatakan. Sehingga November 2007 sebanyak 239 buah syarikat *outsourcing* pekerja asing telah diluluskan dan berdaftar secara sah dengan kementerian ini. Sekianlah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Ahmad bin Husin, Datuk Dr. Lee Chong Meng dan Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang menjawab soalan. Kita berharap menteri datang sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hari ini Mesyuarat *Post Cabinet* Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Ya, nasib baik.... [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Malaysia Kini, serangan bertalu-talu, bertubi-tubi macam *scud* kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. *Bloggers* ini cukup minat. Dengan izin, saya baca satu, dua benda yang telah ditimbulkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya...

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Kemudian, soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Secara ringkas, dan selepas itu pergi soalan tambahan.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Ringkas, insya-Allah, terima kasih. Dengan izin, "*Freeze on Bangladeshi, blame rest on Ravi's shoulder. Bangladeshis' hunger strike enter day four.*" Just tajuk sahaja. "*Two hundreds Bangladeshi workers left in the lurch.*" "*No greener pasture for migrant workers.*" "*US put Malaysia on trafficking blacklist.*". Itu sahaja. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, ha, ini baru soalan.... [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan dengan kelulusan khas dan kriteria serta kaedah yang digunakan untuk sesuatu kelulusan bagi membawa masuk pekerja Bangladesh dan lain-lain.

Soalan kedua, apakah tindakan yang boleh diambil kepada syarikat-syarikat yang menyalahgunakan dan meraih kemewahan segera di atas penyalahgunaan kelulusan khas yang diberikan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk pengambilan atau kemasukan pekerja asing dari negara Bangladesh hendaklah dipohon kepada kementerian ini dan kementerian ini akan meneliti atau mengkaji secara baik-baik, untuk memastikan bahawa kemasukan pekerja asing Bangladesh boleh dapat pekerjaan di negara kita.

Yang dikatakan kelulusan khas adalah kuasa Yang Berhormat Menteri Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana dalam sektor-sektor yang tertentu memerlukan pekerja asing khususnya pekerja asing dari Bangladesh. Jadi Yang Berhormat Menteri kementerian ini ada kuasa untuk meluluskan.

Inilah satu kelulusan yang boleh dikatakan khas dan setakat ini kemasukan pekerja asing dari negara Bangladesh di peringkat *outsourcing* dari negara Bangladesh oleh syarikat *outsourcing* adalah 323,176 dan mereka pun telah bekerja di negara kita. Di mana syarikat-syarikat *outsourcing* yang telah menyalahgunakan permit atau di mana telah melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kementerian ini, lesen syarikat ini akan dibatalkan. Jadi sehingga ini, terdapat dua buah syarikat telah dibatalkan lesen. Sekianlah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Lee Chong Meng.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya dasar sahaja. Tetapi bila kita turun padang, bermacam-macam dia punya masalah timbul. Sudahlah Bangladesh yang dikatakan oleh Yang Berhormat ini berkahwin dengan orang tempatan, jadi isu sosial. Jadi pekerja asing tanpa izin telah jadi isu sosial di negara kita dan kita lihat mereka berniaga di pusat penjaja, di *market*. Lagipun di Petaling Street satu destinasi pelancongan yang terkenal di dunia. Mereka bukan rakyat Malaysia dan mereka tidak cinta negara kita kerana mereka tidak ada *sense of belonging* dengan izin, dan sentiasa merosakkan imej negara kita. Bergaduh dengan pelancong asing, memakai perkataan yang tidak elok tentang pelancong asing dan pelancong asing sentiasa kompelin kepada mereka.

Jadi saya hendak tahu, kementerian selain daripada dasar yang diwujudkan, mestilah ada satu *solution*, penyelesaian yang sewajarnya untuk mengurangkan kemasukan pekerja asing tanpa izin dan walaupun ada permit, mereka selalu melanjutkan pendudukan di negara kita kerana mereka cuba hendak *tackle* perempuan tempatan untuk melanjutkan kehidupan yang selesa di Malaysia. Perempuan-perempuan di Malaysia selalu kena tipu. Di Jalan Alor saya nampak, banyak orang perempuan Melayu, kena tipu. Dia cakap ini Bangladesh banyak *handsome*.... [Ketawa] Hindustani *movie handsome*, ada misai.

▪ 1030

Saya harap kementerian ambil tindakan yang keras untuk melindungi penduduk sekitar. Soalannya ialah, bila hendak ambil tindakan yang keras untuk melindungi industri pelancongan kita. Sekian, terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pekerja asing yang bekerja di negara ini tidak dibenarkan tak boleh kahwin dengan orang tempatan. Kalau mereka telah berkahwin dengan orang tempatan mereka akan ditangkap dan dihantar balik ke negara asal dan mana-mana pekerja asing seperti mana yang dikatakan,

*Bangladeshi* di mana bekerja di pusat penjaja dan pusat-pusat perniagaan bermakna mereka telah salah guna permit mereka. Jadi apabila mereka ditangkap akan didakwa di mahkamah dan selepas itu mereka akan dihantar balik ke negara asal dan tidak boleh masuk negara kita lagi kerana mereka sudah jadi *blacklisted person*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi inilah kita mengambil langkah-langkah yang serius atau langkah-langkah yang sewajarnya terhadap pekerja asing yang salah guna permit mereka.

Di samping Ops Tegas iaitu operasi bersepadu telah pun dijalankan tapi bukan di pusat perniagaan tapi di tempat-tempat lain di mana kita dapat maklumat bahawa ada ramai pekerja asing yang tidak sah atau pekerja asing yang telah menyalahgunakan permit. Jadi kita akan menangkap mereka dan mendakwa mereka di mahkamah. Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengetahui mana-mana ada pekerja asing yang tidak sah atau mana-mana tempat ada pekerja asing yang salah guna permit, bolehlah maklumkan kepada pihak Imigresen atau anggota RELA. Sekian, terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, kita lihat banyak agen yang telah menyeleweng dan kita dengar penjelasan daripada Yang Berhormat tadi hanya dua sahaja diambil tindakan. Soalan tambahan saya kenapa, adakah kementerian tidak bercadang untuk memberi kelulusan terus kepada syarikat-syarikat atau majikan untuk membawa pekerja-pekerja asing daripada melalui agen yang banyak menyeleweng. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak majikan boleh mohon atau boleh mengambil pekerja asing melalui permohonan di pusat kelulusan setempat, Imigresen iaitu di mana pihak majikan tidak perlu melalui *outsourcing company*. Mereka boleh terus memohon supaya mereka boleh dapat atau mengambil pekerja asing dari sumber negara yang ditetapkan oleh kementerian ini.

4. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan tandas awam dan keadaannya yang kotor dan tidak berkualiti.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sememangnya prihatin dengan masalah kekurangan tandas awam di negara ini. Kementerian ini melalui Jawatankuasa Induk Kebersihan Tandas Kebangsaan atau *National Toilet Cleaner Committee* (NTCC) dengan izin, telah mencadangkan supaya semua PBT menyediakan satu pelan induk pembangunan tandas awam. Semua PBT digalakkan mengenal pasti lokasi-lokasi yang kekurangan tandas awam seterusnya PBT akan disediakan peruntukan tahunan untuk membina tandas awam baru.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan masalah kebersihan tandas awam yang kurang memuaskan, kementerian ini telah mengadakan pelbagai program dalam meningkatkan

kesedaran masyarakat terhadap kebersihan tandas awam. Antara program yang telah dilaksanakan ialah Ekspo dan Forum Tandas Kebangsaan atau NATEF iaitu *National Toilet Expo and Forum*, dengan izin, dan dengan reka bentuk tandas awam, program menaik taraf kemudahan tandas awam dengan kerjasama syarikat pengeluar barangan tandas dan pemilik-pemilik kedai makan dan NGO.

Selain daripada itu juga, pada tahun ini kementerian saya telah mengadakan penilaian terhadap kebersihan tandas di premis-premis makan berlesen di seluruh negara kita. Hasil daripada audit tersebut sebanyak 10,607 buah tandas telah dilakukan pemeriksaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,082 atau 19.6% buah tandas dikategorikan sebagai bersih. Manakala sebanyak 511 atau 4.8% buah tandas dinilai sebagai kotor dan sebanyak 8,014 buah tandas dinilai sebagai sederhana bersih. Kementerian saya ini akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan lain, pihak NGO dan syarikat swasta bagi melaksanakan pelbagai kempen dalam meningkatkan tahap kesejahteraan awam dan kemudahan tandas awam di negara kita. Sekian.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya terlebih dahulu saya mengalu-alukan sahabat saya Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir yang baru pulang melawat saudara-maranya di Gujarat dan mereka berbangga beliau adalah Ahli di *Upper House*.

Tuan Yang di-Pertua, isunya di sini ialah yang pertama amat kurang, yang kedua kotor dan kadang-kadang tandas awam ini tidak ada langsung di tempat-tempat yang penting yang menjadi tumpuan pelancong dan orang ramai. Kalau ada pun, sibuk jual tisu. Soalan tambahan saya ialah jika benar bahawa PBT ataupun dewan bandar raya akan diwajibkan membina bangunan baru untuk tandas awam bilakah ia akan dilaksanakan sebab kita tidak mahu hanya disebut berulang kali tetapi tidak ada pembinaannya dan apakah SOP yang akan digunakan terutamanya biarlah bangunan itu banyak tandas dan ada kemudahan-kemudahan lain dan ada *maintenance*. Terima kasih.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator, kita tidak dapat nafikan kekurangan tandas dan semakin kotor. Ini adalah *facts*, dengan izin, tapi seperti yang saya katakan tadi program sudah dijalankan. Sampai sekarang saya haraplah kempen ini bukan boleh diselesaikan dalam masa satu dua tahun kerana ini dengan dua perkara iaitu kewangan, *maintenance* dengan izin, dan kesedaran sivik. Kementerian saya telah laksanakan dan akan laksanakan atau rancangan program itu. Kita mulai reka bentuk. Reka bentuk perlu mesra alam sekitar. Seperti di negara Korea, reka bentuknya itu bangunan tandas awam. *Appearance*, dengan izin, bukan tradisi punya. Ini akan mengikat *beautification* di tempat-tempat taman atau di jalan.

**■1040**

Kedua ialah konsep terbuka untuk membolehkan peredaran udara dan mengelakkan berlaku kejadian yang tidak diinginkan. Ini bukan semua *close-up*. Ini hanya supaya tiada orang boleh tengok *you doing your business in the toilet* dengan izin, tetapi untuk *circulation* udaranya. Tambah pula kami menggalakkan semua majikan memberi mesej, tunjukkan pekerja jaga tandas awam kerana ini ada dua faktor, dua hasil. Hasil kedua ialah akan mengurangkan aktiviti-aktiviti *vices* dengan, izin seperti *sniffing glue* dan lain-lain, tambah pula memastikan tandas sentiasa bersih.

Kita prihatin kerana melalui *survey*, masa wanita gunakan paip tandas lebih kurang 1.5 kali ganda dari lelaki dengan kita telah menasihati pemilik tandas semasa mereka membina tandas awam yang baru, kubikel untuk perempuan perlu mencukupi. Di samping itu kubikel untuk lelaki dan *urinal* itu ada satu *ratio*. Tambah pula di negara kita sudah ditubuhkan satu *SIRIM standard toilet* sudah ada keluar buku. Kalau Yang Berhormat berminat, saya boleh kirim satu bukulah kepada Yang Berhormat untuk makluman. Sekian.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran pemimpin NGO dari kawasan Gombak. Semua penyokong kuat Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan pegawai-pegawai kementerian termasuk Timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen telah menghadiri mesyuarat, seminar, lawatan tentang sistem pengendalian tandas di luar negara seperti Korea disebut oleh Timbalan Menteri tadi. Soalan tambahan saya, apakah sistem atau cadangan yang terbaik yang dipelajari di luar negara, bersesuaian untuk dilaksanakan di negara kita? Terima kasih.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Hasil lawatan luar negara, kami nampaknya ada dua perkara kita boleh belajar. Seperti di negara Jepun, tandas awam di Jepun sangat bersih. Tidak banyak orang bersihkan, tidak nampak banyak pekerja pembersihan tandas awam. Kami tanya kenapa, kerana negara Jepun mereka telah mencapai satu tahap yang tinggi dengan kempen kesedaran sivik dengan satu moto atau slogan. Slogannya ialah, "*Clean For The Next User*", dengan izin. So ini ialah satu perkara di Malaysia, cubalah iaitu mungkin semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator pun boleh memainkan satu peranan untuk menggalakkan, meningkatkan kesedaran sivik.

Tambah pula dengan *behavior* pengguna. Di negara ini, kita semua tahu ini ialah ada dua jenis tandas. Satu ialah tandas cangkung atau *squatting* dan tandas duduk. Pengguna mereka tidak peduli, dia *squat* di atas tandas duduk, *sometimes* pecahkan tandas *cover*. Ini kita perlu supaya semua tandas awam kita akan sediakan dua jenis tandas, tandas cangkung dan tandas duduk. Haraplah siapa yang sudah biasa guna tandas, dia guna itulah, jangan campur.

Ini ialah satu kesedaran sivik yang begitu asas tetapi masih ramai orang mereka mempunyai satu *attitude* tidak peduli.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maksud Yang Berhormat tadi sama ada tandas itu baik ataupun tidak baik bergantung pada bagaimana kita menggunakan tandas itu. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Tandas ini saya fikir begini, kerana kita punya *habit* itu di dalam negara kita khasnya orang dari kampung. Mungkin dia sudah biasa tandas *squatting* punya, dengan izin. So mereka masuk di bandar tidak apalah mereka guna itu. So ini adalah satu *hurdle* dengan izin, kita perlu lompat kerana seperti di Jepun mereka telah mencapai tahap yang tinggi iaitu, *clean for the next user*. Saya mahu tanya, mengapa pengguna tandas awam di negara kita mempunyai kesedaran sivik begitu tidak tinggi.

Walaupun ini ialah gambaran asasnya kerana kempen kebersihan tandas awam kerana tandas, berapa ribuan tahun di komuniti Asia adalah tempat yang kumpul *human waste*. Itu dia imej tandas ialah *messy, dirty and smelly*. Ini kerana sosial status tandas sangat rendah di *society* kita di Asia, termasuk Malaysia, kerana itu sekarang kita mahu berubah. Berubah kita mulai reka bentuk dan pembeli tandas jangan kompromi kos bina tandas. Tandas seperti sama penting dengan *master bedroom, dining room* dan dapur. Contohnya berapa kali kita perlu guna tandas satu hari? Rata-rata minimum enam kali kalau *you* sihatlah. Kalau tidak sihat mungkin 10, 12 kali. Ini ialah satu fikiran. Kita perlu meningkatkan *sosial status* tandas di rumah, di *office* atau di tempat makan. Ini adalah kesedaran kita perlu. So sekarang, kempen ini kita jalankan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya bagi laluan kepada Puan Mumtaz?

**Puan Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan mempunyai spesifikasi ketahanan singki dan mangkuk tandas yang dibekalkan kepada kerajaan dan PBT memandangkan kebanyakan singki dan mangkuk tandas itu mudah rosak walaupun baru sahaja dipasang oleh kontraktor. Yang kedua, apakah standard pemeliharaan tandas ISO yang diguna pakai oleh negara, dan negara manakah yang dijadikan model oleh kerajaan dalam usaha memberi pendidikan tentang kesedaran tandas dan kebersihan? Terima kasih.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih. Seperti saya katakan, kemudahan-kemudahan tandas awam ini ada disebut di dalam buku SIRIM secara lebih teliti tetapi kalau saya baca ia panjang. Kalau mahu saya boleh hantar ini secara bertulis kepada Yang Berhormat.



**■1050**

Memang saya setuju kempen ini kita perlu mulakan di sekolah. Kalau kita kira semua, jumlah tandas sekolah rendah, sekolah menengah di negara kita mungkin sangat tinggi dan sangat banyak. NTCC dengan kerajaan dan Kementerian Pelajaran, sudah mencadangkan mewujudkan satu kelab. Kalau satu kelab dinamakan Kelab Kebersihan Tandas pun tidak bagus. Kemudian saya telah tubuhkan satu NGO iaitu Kesatuan Kebersihan Tandas Malaysia. Bukan, 'Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia' atau *in English* ialah *Quality Restroom Association* Malaysia iaitu QRAM iaitu kami mencadangkan kerajaan, QRAM dan kementerian lain khasnya Kementerian Pelajaran di sekolah, kita akan wujudkan satu Kelab Junior QRAM seperti Chelsea, dia ada Junior Chelsea atau Lions Club, dia mempunyai Leo Club supaya mereka pada umur muda sudah isikan kesejahteraan, kepentingan menjaga kebersihan tandas.

Ini ialah satu program kami telah jalankan tapi akan diluaskan aktiviti. Tentang kontraktor dan lain itu, kami pun mempunyai satu *action plan*., Sekarang sedang dijalankan dengan kerajaan sama 144 PBT seluruh negara, kita menggalakkan semua pemilik tandas di *premises* yang berlesen jalankan tiga perkara:

- (i) perbaiki semua *appliance* yang sudah rosak, *basic* nya atau asasnya. Itu satu, supaya ini semua berfungsi; dan
- (ii) hanya guna tandas untuk fungsi tandas, bukan cuci mangkuk atau *cutting meat* dan *vegetable* di dalam tandas atau gunakan seperti satu stor. Kalau *you* pergi tengok, banyak kedai kopi, mereka guna tandas sebagai stor atau cuci mangkuk di dalam dan tunjukkan satu rajah memastikan tandas yang bersih. Kalau Amerika Syarikat boleh jalankan itu seperti di McDonald atau di KFC, mengapakah Malaysia tidak boleh? Kita perlu mempunyai satu semangat Malaysia Boleh untuk menjaga kebersihan tandas awam.

Sekian, terima kasih.

5. **Tuan M. Munusamy** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah perbezaan di antara program Kolej Komuniti dan program MLVK dan adakah kementerian merancang untuk memperkenalkan program MLVK yang mempunyai '*career path*' yang nyata sampai ke peringkat ijazah sebagai sebahagian daripada program Kolej Komuniti.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan di antara program Kolej Komuniti dan program MLVK ialah program MLVK berasaskan latihan kemahiran ataupun dengan izin *skill training* dan program Kolej Komuniti adalah berasaskan pendidikan dan latihan yang bersifat *broad based*. Dari segi kandungan, program pengajian di Kolej Komuniti adalah bersifat *curriculum modular* dengan nisbah 25% teori, 75% praktikal ataupun amali.

Program pengajian Kolej Komuniti yang ditawarkan pada peringkat sijil adalah selama dua tahun ataupun empat semester manakala program diploma hanya ditawarkan kepada lepasan sijil Kolej Komuniti yang mana tambahan tempoh pengajian selama setahun setengah ataupun tiga semester sebaliknya program MLVK bergantung pada tahap-tahap tertentu. Program pengajian Kolej Komuniti yang ditawarkan adalah mengikut kluster pekerjaan seperti kluster pembinaan, kluster pertanian, kluster perniagaan, kluster teknologi ICT, kluster reka bentuk, kluster hospitaliti dan kluster pelancongan manakala kursus-kursus MLVK adalah di bawah NASDA ataupun dalam erti kata sebenar, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan tahun 2006. Pada masa ini pihak Kolej Komuniti tidak bercadang untuk membenarkan MLVK kerana Kolej Komuniti juga mempunyai *career path* yang nyata sehingga peringkat ijazah.

Kolej Komuniti telah melaksanakan program pengajian diploma Kolej Komuniti menggunakan *work based learning* selaras dengan penjenamaan semua Kolej Komuniti yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kepala Batas pada 1 Februari 2007 yang lalu. Program diploma yang menggunakan pendekatan *work based learning*, dengan izin, dilaksanakan dengan kolaborasi 33 buah syarikat termasuk syarikat daripada GLC. Program ini memfokuskan latihan praktikal sehingga 70% di mana pelajar akan ditempatkan di tempat kerja selama setahun. Latihan praktikal ini adalah sebahagian daripada program pengajian dan pelajar akan mengikuti pengajian semester akhir di Kolej Komuniti masing-masing selepas itu. Dengan ini, pelajar dapat menguasai segala kemahiran dan keterampilan yang diperlukan oleh pihak industri. Terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Beberapa tahun dahulu, program MLVK dijalankan secara luas di hampir semua institusi pengajian swasta. Terdapat juga kebanyakan institusi yang menyalahgunakan subsidi dan bantuan yang diberi oleh pihak kerajaan sehingga membebankan para ibu bapa dan juga para pelajar apabila kolej-kolej ini menggulung tikar. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mengawasi dan mengubahsuai kursus ini mengikut kehendak pasaran karier di negara ini seperti yang dibuat oleh kolej-kolej komuniti yang mana diperkenalkan sistem kluster?

Kedua, adakah kementerian menjalankan promosi bagi menggalakkan ramai pelajar yang memerlukan program ini untuk mengikuti kursus dan usaha untuk menukar *mindset* bahawa program ini adalah pilihan yang paling sesuai bagi mereka ini dan tidak dilihat dengan stigma kursus bagi *failures*? Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk program MLVK, ia dikendalikan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Program Kolej Komuniti dikendalikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun, baru-baru ini kita telah pun membentangkan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia yang mana ia menyelaraskan dan menyelenggarakan beberapa mandat ataupun program sehingga mereka

layak untuk mendapatkan ijazah sekalipun melalui beberapa tahap. Bagi maksud jawapan Yang Berhormat, MLVK sendiri sebenarnya mempunyai tiga tahap kemahiran selepas mereka berada di sekolah menengah. Manakala di Kolej Komuniti, kita menggunakan lepasan SPM ataupun Sijil Pelajaran Malaysia untuk mereka mengambil peringkat sijil ataupun selepas itu ke peringkat diploma.

Walau bagaimanapun, kita mendapati perubahan *mindset* pelajar-pelajar pada hari ini, terbukti mereka meminati untuk masuk ke peringkat Kolej Komuniti kerana pada hari ini kita mempunyai 37 Kolej Komuniti yang telah dibangunkan dan 20 buah Kolej Komuniti bertaraf kampus cawangan ataupun peringkat cawangan yang mana sebagai bukti, untuk kemasukan tahun ini, 14, 011 pelajar sepenuh masa telah pun *enroll* dalam Kolej Komuniti. Selama Kolej Komuniti ditubuhkan, kursus pendek yang telah pun dianjurkan pada tahun 2002 hingga 2007, 232,500 orang telah pun mengikuti kursus pendek dengan mereka dapat menambah keupayaan diri dan pengetahuan dan melalui Kolej Komuniti sendiri, kita dengan ada 37 Kolej Komuniti, 21 kursus peringkat sijil telah pun ditawarkan kepada 13,646 orang sepenuh masa dan untuk program diploma yang baru dikenalkan, lima kursus diploma untuk 365 orang. Ini menunjukkan bahawa keyakinan pelajar-pelajar untuk melalui *career path* mereka sebenarnya terbuka luas dewasa ini kerana akses untuk mereka melanjutkan ke pengajian tinggi sama ada melalui Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Sumber Manusia malahan Kementerian Pelajaran melalui Vokasional dan Teknikal. Sebenarnya adalah usaha kerajaan untuk memastikan akses pelajar-pelajar daripada peringkat bawah hinggalah mereka mendapat pendidikan tertinggi yang sebolehnya. Terima kasih.

6. **Dato' Wong Siong Hwee** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, pengurusan alam sekitar adalah penting untuk mandiri (*survival*) negara di mana satu daripada komponen penting ialah pengurusan hutan. Nyatakan apakah tindakan yang telah diambil agar hutan di negara ini diuruskan dengan satu sistem pengurusan yang lebih baik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua kerajaan sememangnya memandang serius khususnya dalam memastikan keluasan Hutan Simpan Kekal, HSK sentiasa dikekalkan bagi menjamin keperluan ekonomi sosial dan juga alam sekitar. Sehubungan itu pengusaha hasilan hutan di dalam kawasan hutan simpan kekal perlu menepati kaedah Pengurusan Hutan Secara Berkekalan atau *Sustainable Forest Managements* atau SFM, dengan izin dan amalan pemeliharaan dan pengurusan hutan yang menitik beratkan aspek-aspek ekologi dan alam sekitar telah digubal untuk menjamin perkhidmatan dan penghasilan yang berkekalan.

Pada masa ini sistem pengurusan hutan yang dipraktikkan adalah Sistem Pengurusan Memilih atau *Selective Management System*, atau SMS, iaitu sistem yang paling dinamik yang

dilaksanakan dalam pengurusan hutan tropika dan nyata ianya telah mula dipraktikkan sejak tahun 1978. Sistem ini juga disokong melalui pemilihan rejim-rejim Pengurusan Had Batas Tebangan berdasarkan kepada data-data inventori hutan sebelum tebangan bagi menjamin yang tinggal yang mencukupi bagi pusingan tebangan akan datang di samping mengekalkan keseimbangan ekologi dan alam sekitar. Secara amnya SMS merupakan satu sistem pengurusan hutan di mana pokok-pokok yang sudah matang dan telah memenuhi ciri-ciri yang ditentukan ditebang. Dengan adanya sistem ini kawasan Hutan Simpan Kekal akan terus terjamin dan dipertahankan di samping berupaya mejana hasil secara berterusan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Wong Siong Hwee.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, apakah kedudukan akhir tentang persijilan hutan di negara kita dan kedudukan pengurusan hutan kita berbanding dengan negara-negara lain. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah pensijilan hutan bagi negara kita adalah di tahap yang terbaik dan berbanding dengan pengurusan hutan-hutan yang lain di negara-negara lain adalah juga yang terbaik. Ini di dalam pengurusan hutan-hutan simpan kekal. Jadi ada perbezaan di antara hutan-hutan simpan kekal yang diurus tadbir pengurusannya oleh kerajaan persekutuan berlainan dengan pengurusan hutan-hutan tanah-tanah kerajaan yang di bawah undang-undang perhutanan peringkat negeri-negeri. Maksudnya diurus tadbir oleh negeri-negeri itu sendiri dan apa yang berlaku kebanyakannya ialah pengurus pentadbiran hutan negeri-negeri tersebut yang kebiasaannya melanggar dari segi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara yang ditubuhkan di bawah Majlis Tanah Negara.

Ini berlaku banyak di negeri-negeri seperti negeri Kelantan terutama sekali. Apabila pengurusan hutan negeri tersebut dilakukan secara tidak begitu teratur seperti mengeluarkan hutan-hutan simpan kekal untuk dijadikan tapak-tapak perlombongan ataupun tapak-tapak penanaman sayur dan sebagainya. Ini adalah pengurusan hutan secara tidak betul tetapi oleh kerana pengurusan hutan ini berada di dalam kuasa bidang tugas negeri maka pihak Persekutuan hanya dapat menasihati mereka supaya melakukan pengurusan secara berkekalan dan pengurusan yang secara teratur tetapi kadang-kadang itulah ada kerajaan-kerajaan negeri yang tidak mendengar kata Persekutuan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampak Hajah Wan Ramlah ada bangun ya? Silakan.

**Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, setakat ini bolehkah pihak kementerian nyatakan jumlah hutan simpanan dan keluasan yang telah diwartakan serta nyatakan sudah berapa ramai penceroboh hutan telah dikenakan tindakan undang-undang. Terima kasih.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, jumlah keluasan Hutan Simpan Kekal yang kita wartakan di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia adalah 4,711,264 hektar. Ini soalan dua hari lepas telah dijawab dan dari segi jumlah tangkapan, saya tidak ada butiran terperinci tetapi bolehlah kita bagi kepada Yang Berhormat mungkin sejak daripada tahun 1990 ataupun tahun-tahun kebelakangan ini sebab kita tidak rekod tangkapan sejak daripada sebelum merdeka dan sebagainya, tapi kita akan bagilah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi notis ya? Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Dr. Lee Chong Meng.

7. **Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, bilakah kementerian bercadang untuk mengenakan caj kesesakan atau *congestion fees*, bagi kenderaan-kenderaan yang ingin memasuki pusat Badar Raya Kuala Lumpur termasuk bas, lori dan teksi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memohon kebenaran untuk menjawab soalan ini sekali dengan pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Majjol bin Mahap. Ia sepatutnya dijawab pada hari Khamis iaitu 13 hari bulan Disember 2007 iaitu besok kerana kedua-dua soalan adalah berkaitan dengan isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Disetujukan.

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat DBKL sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengadakan satu bengkel berkenaan dengan caj kesesakan lalu lintas atau *congestion charge* pada 19 hari bulan Mac 2007. Tujuannya untuk mendapat pandangan dan maklum balas berkenaan isu ini. Bengkel disertai oleh wakil-wakil daripada persatuan penduduk, Ahli-ahli Parlimen, NGO-NGO, badan-badan profesional dan ahli-ahli perniagaan. Setakat ini DBKL belum membuat sebarang keputusan atau ketetapan untuk melaksanakan skim *congestion pricing* di dalam Bandar Raya Kuala Lumpur. Perkara ini masih di peringkat kajian sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Lee Chong Meng.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dan selepas itu Yang Berhormat Majjol bin Mahap

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Pandangan saya ke atas kesesakan bagi kenderaan-kenderaan memasuki pusat bandar raya tidaklah praktikal. Kita tidak semestinya hendak ikut *Singapore*. *Singapore* memakai sistem ini tetapi tidak beberapa berjaya, jadi janganlah ikut dia.

Soalnya keluasan kawasan Wilayah hanya lebih kurang 228 kilometer persegi dan penduduk hanya 2.5 juta orang tetapi kenderaan di Wilayah adalah lebih kurang dua juta. Kalau kita hendak hadkan tetapi kita tidak hadkan jualan kereta baru, jadi masalah ini tidak akan diselesaikan. Adakah kementerian berhasrat untuk melarang kemasukan kenderaan melebihi 10

tahun kerana kereta lama sentiasa rosak di tengah-tengah jalan dan isu menjadi satu isu untuk menyesakkan lalu lintas. Lagi pun baru-baru ini Datuk Bandar telah mengumumkan bahawa semua sekolah-sekolah di pusat bandar perlu di pindah keluar.

Saya hendak tahu, sekolah-sekolah yang di pusat bandar bukan jadi satu isu menyesakkan lalu lintas kerana ada penduduk-penduduk di Kuala Lumpur, pusat bandar hendak pergi sekolah. Kalau semua sekolah di pindah keluar jadi semua keluarga-keluarga akan hantar anak dia ke sekolah luar dan ini akan menyesakkan lalu lintas lagi. Saya harap Yang Berhormat boleh menjelaskan tentang dasar yang belum diputuskan dan janganlah ikut Singapura. Kita Malaysia Boleh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pandangan yang dikemukakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee Chong Meng. Sebenarnya ada pembetulan sikit. Keluasan Kuala Lumpur sebenarnya adalah 243 *square* kilometer. Lagi di dalam bengkel yang diadakan oleh DBKL, pandangan dan semua maklum balas telah diterima dan peserta-peserta bengkel sudah kemukakan pandangan mereka iaitu pelaksanaan ini hanya boleh di terima setelah atau sekiranya sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur adalah lebih efisien, itu satu pandangan.

■1110

Lagi pun jikalau DBKL ada berhasrat untuk menjalankan *congestion pricing* di Kuala Lumpur, ia mesti mendapat persetujuan dari Kementerian Wilayah Persekutuan terlebih dahulu. Kemudian Kementerian Wilayah Persekutuan kena kemukakan pandangan ini ke satu Jawatankuasa Kabinet yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri. Nampaknya ini bukan satu dasar yang senang nak dilaksanakan, semua pandangan akan diambil kira. Buat sementara ini, hanya dalam peringkat kajian di peringkat DBKL sahaja. Nampaknya tak akan dijalankan buat masa sekarang.

Mengenai sekolah, pemindahan sekolah ini memang di dalam Bajet dikemukakan oleh Datuk Bandar. Dia yang akan dibincangkan dengan Kementerian Pelajaran mengenai kesesuaian sekolah di pusat bandar. Memang kalau nak diambil kira, pemindahan sekolah ini memang kena ambil kira dalam segala aspek, bukan hanya dari satu segi sahaja ia diambil kira. Bagi saya kesesakan lalu lintas hanya salah satu faktor untuk pemindahan sekolah. Memang kita tak akan mengambil kira hanya dari segi kesesakan lalu lintas sahaja. Oleh itu untuk pemindahan sekolah, memang agak sensitif. Pihak kementerian akan mengambil kira dari pihak-pihak lain termasuk pemimpin-pemimpin masyarakat juga pakar-pakar pendidikan yang lain. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Maijol Mahap.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih. Saya tidak menetap di Kuala Lumpur tetapi saya selalu masuk dan keluar ke Kuala Lumpur. Saya perhatikan bahawa kesesakan di Kuala Lumpur juga berlaku kerana tindak tanduk pemandu teksi yang enggan masuk ke lorong *pickup point* di

hadapan kompleks-kompleks membeli belah dan cenderung mengambil penumpang, menunggu penumpang dan meletakkan kenderaan di luar *pickup point* itu di tepi jalan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Jadi apakah kementerian sedar dan apakah tindakan yang dibuat oleh kementerian mengenai hal ini?

**Tuan Yew Teong Look:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan kegunaan teksi, DBKL sekarang telah ada satu jawatankuasa di mana kita sedang buat satu kajian tentang tempat-tempat dikira tempat kesesakan lalu lintas yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di bandar raya. DBKL telah mengenal pasti ada sepuluh tempat yang paling sesak di Kuala Lumpur ini, dan ada perancangan untuk meningkatkan untuk mengurangkan kesesakan di tempat-tempat tertentu. Lagi pun DBKL akan melaksanakan balik lorong khas untuk teksi dan bas yang akan dikuatkuasakan. Setakat ini memang lorong bas dan teksi sedia ada, cuma penguatkuasaan kita akan tingkatkan lagi supaya ia benar-benar diguna oleh teksi dan bas supaya sedikit sebanyak dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Chiw Tiang Chai.

8. **Tuan Chiw Tiang Chai** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, bilakah kementerian merancang untuk menubuhkan Kolej Komuniti di semua kawasan Parlimen memandangkan dengan tiadanya institusi pengajian tinggi ataupun kemahiran di kawasan-kawasan ini, lantas menjejaskan pembangunan modal insan di kalangan warganya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk membina kolej komuniti di semua kawasan Parlimen. Ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 8 September 2004. Walau bagaimanapun, kementerian dari semasa ke semasa akan sentiasa menimbang keperluan penubuhan kolej komuniti bagi kawasan Parlimen yang memerlukannya serta terdapat permintaan yang tinggi daripada penduduk tempatan untuk menyertai program yang ditawarkan termasuk Program Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Penubuhan kolej komuniti juga adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan. Pada masa sekarang, penubuhan 20 buah IPTA, 32 buah universiti dan kolej universiti swasta, 21 buah politeknik, 37 buah kolej komuniti dan lebih 500 IPTS di seluruh negara termasuk IPT yang menyediakan Program Pengajian Jarak Jauh dan juga Pengajian Maya dapat membantu menyediakan peluang pengajian tinggi kepada semua rakyat Malaysia yang berkelayakan tanpa mengira lokasi dan sekali gus dapat membangunkan modal insan di kalangan rakyat Malaysia.

**Tuan Chiw Tiang Chai:** Terima kasih. Walaupun pihak kementerian tidak membuka kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen tetapi adakah pihak kementerian merancang untuk

menawarkan sebahagian program malahan satu atau dua kursus bergantung kepada minat masyarakat tempatan di sesuatu kawasan tersebut. Ini adalah pendapat adalah sangat penting dan usaha kerajaan membuka akses belia kepada pendidikan tinggi. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Pendirian kerajaan ialah kita menyediakan seberapa banyak tempat untuk rakyat Malaysia melanjutkan pengajian untuk mereka mendapatkan penambahan ilmu dan juga kemahiran. Cadangan Yang Berhormat sebenarnya telah pun kementerian laksanakan kerana di beberapa tempat yang mana kolej komuniti tidak dibina secara induk, kami di kementerian telah pun membuka di peringkat cawangan dan di peringkat cawangan inilah di mana kursus-kursus pendek ditawarkan. Kursus-kursus pendek ini adalah berkaitan dengan permohonan Ahli-ahli Parlimen ataupun pemimpin-pemimpin tempatan yang memohon kepada kementerian. Setakat ini, kita mempunyai perancangan untuk membuka lebih daripada 20 buah cawangan kolej komuniti yang di mana kawasan Parlimennya tidak mempunyai kampus ataupun tidak mempunyai kolej komuniti induk.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah perbezaan ataupun kelebihan MLVK dari segi mempunyai kemudahan, yuran, *employability* dengan izin, berbanding dengan IPTS-IPTS yang sebanyak 500 buah itu. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebut tadi, MLVK bukanlah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi tetapi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kita ada lebih 500 IPTS yang beroperasi di negara kita walau bagaimanapun MLVK ini menawarkan program-program sijil pada tahap kemahiran satu, kemahiran dua dan kemahiran tiga yang mana mereka mendapat bukan sahaja pendidikan tetapi juga mendapat elaun untuk mereka memperoleh sijil-sijil kemahiran. Berbanding dengan IPTS yang ada dalam negara kita dan kolej komuniti, kita juga menawarkan program-program peringkat sijil dan di peringkat kolej komuniti, mereka dibiayai ataupun mendapat pinjaman daripada tabung pinjaman Kementerian Pengajian Tinggi sendiri untuk peringkat sijil di kolej komuniti. Manakala program-program di peringkat diploma, kita menawarkan pinjaman di peringkat PTPTN yang mana mereka memohon mengikut kemampuan keluarga semasa mereka mohon.

Peringkat kolej komuniti sebenarnya peringkat sijil sangatlah murah. Yuran pengajian sahaja untuk setiap semester hanyalah RM200 berbanding dengan IPTS. Pelbagai yuran yang perlu dibayar semasa pendaftaran hanyalah tambahan RM210, maknanya semua sekali kalau masuk kali pertama RM410, setiap semester RM200, satu yuran yang paling murah. Dengan adanya pinjaman dari tabung pinjaman Kementerian Pengajian Tinggi, makin memudahkan lagi proses pembelajaran pelajar-pelajar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Nordiana.



9. **Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta Menteri Pelajaran menyatakan, wujud pembayaran-pembayaran lain yang perlu dibayar oleh ibu bapa pelajar selain pembayaran yuran persekolahan dan yuran peperiksaan yang dinyatakan dalam pembentangan Bajet 2008 dalam usaha kerajaan memberikan pendidikan percuma dan apakah dasar kementerian dalam penetapan pembayaran-pembayaran berkenaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Datin Paduka Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2007 bertarikh 30 Oktober 2007 mengenai pemansuhan yuran khas dan garis panduan sistem pakej bayaran tambahan kepada perkhidmatan dan kemudahan di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Berkuat kuasa 1 Januari 2008, ibu bapa tidak perlu lagi membayar yuran khas sebanyak RM4.50 bagi sekolah rendah dan RM9.00 bagi sekolah menengah. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa aktiviti lain yang penting termasuk beberapa perkhidmatan dan kemudahan tambahan yang diberikan oleh pihak sekolah kepada murid yang memerlukan peruntukan secara khusus.

Sebagai membantu pihak sekolah, Kementerian Pelajaran telah menyenaraikan perkara yang dianggap sebagai perkhidmatan dan kemudahan yang boleh dikenakan bayaran tambahan serta tahunan yang perlu dijelaskan oleh ibu bapa setiap awal sesi persekolahan atau jika difikirkan wajar bila-bila masa pada tahun semasa.

■1120

Bagi memudahkan pengurusan pihak sekolah, Kementerian Pelajaran telah menyediakan sistem pakej bayaran tambahan. Pakej bayaran ini dikategorikan mengikut jenis sekolah, lokasi sekolah, bilangan murid dan status sosial ekonomi masyarakat setempat. Pihak sekolah hendaklah memilih salah satu pakej bayaran dengan mengambil kira persekitaran sekolah, pandangan guru serta PIBG. Justeru itu, pihak sekolah diingatkan akan larangan memungut yuran atau bayaran lain selain daripada yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Nordiana.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian sedar bahawa sebilangan besar ibu bapa tidak memahami kenapa perlu ada bayaran-bayaran lain yang dikenakan kerana kita faham kalau daripada ucapan Yang Amat Berhormat dalam bajet, mengatakan bahawa yuran itu dimansuhkan. Jadi ini bermaksud ianya diberi percuma dari segi pendidikan, tapi senario yang berlaku sekarang ialah, yang diberi percuma itu lebih rendah nilainya daripada bayaran yang dikenakan, samalah lebih kurang macam karnival jual beli sekarang. Beli tiga percuma satu. Jadi apakah tindakan pihak kementerian untuk memberi penerangan kepada ibu bapa di luar sana supaya kekeliruan ini dapat diselesaikan dengan baik. Terima kasih.

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, yuran itu telah dimansuhkan tetapi bayaran untuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh sekolah

masih ada, dan aktiviti-aktiviti yang saya maksudkan terdapat ada enam kategori iaitu bayaran untuk:

- (i) kokurikulum;
- (ii) kertas ujian dalaman;
- (iii) sukan tahunan sekolah;
- (iv) kegiatan pendidikan Islam untuk murid beragama Islam atau pendidikan moral untuk bukan beragama Islam;
- (v) skim perlindungan diri; dan
- (vi) MSSM iaitu Majlis Sukan-sukan Malaysia.

Pakej yang saya maksudkan tadi adalah tiga pakej. Iaitu Pakej 'A' untuk sekolah yang berada dalam kawasan sosioekonomi tinggi. Di mana majoriti ibu bapa terdiri dari kumpulan peniaga besar ataupun kakitangan awam, kumpulan profesional dan mendapat persetujuan ibu bapa melalui PIBG dan guru sekolah berkenaan. Pakej 'B' pula adalah sekolah yang berada dalam kawasan sosioekonomi sederhana, di mana majoriti ibu bapa terdiri daripada kumpulan peniaga sederhana dan ataupun kakitangan awam kumpulan sokongan dan juga mendapat persetujuan daripada ibu bapa dan juga guru. Pakej 'C' adalah untuk sekolah yang berada dalam kawasan sosioekonomi rendah di mana majoriti ibu bapa terdiri daripada kumpulan peniaga kecil, bekerja sendiri, pekerja ladang dan ataupun kakitangan awam kumpulan sokongan dua, juga meliputi sekolah-sekolah di kawasan pedalaman, sekolah-sekolah kurang murid dan juga perlu mendapatkan persetujuan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Perbezaan yuran dengan bayaran ini ialah yuran adalah dikenakan untuk setiap pelajar tetapi bayaran ini adalah mengikut keluarga ataupun *family*. Bermakna katalah ibu bapa itu ada lebih daripada seorang anak yang belajar, mereka hanya dikenakan sekali. Untuk ibu bapa yang tidak mampu, mereka bolehlah memohon bantuan lain daripada sekolah. Pelajar itu bolehlah membuat permohonan untuk mengambil bahagian dalam KWAPM atau Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, dan sekolah juga boleh meminta tambahan untuk *amount* yang diberikan untuk setiap sekolah bagi maksud pengurusan. Jadi surat pekeliling ini telah pun dihantar kepada semua sekolah dan penjelasan telah pun diberikan di setiap daerah, dan dengan ini kami harap bahawa kekeliruan di antara kalangan ibu bapa dan juga guru dapat dikurangkan. Terima kasih.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Rawisandran.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kepentingan peranan yang dimainkan oleh PIBG untuk menaikkan taraf pendidikan adalah amat penting. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan peruntukan kepada pihak PIBG ini supaya mereka tidak bergantung kepada wang kutipan daripada para ibu bapa ataupun orang awam untuk menjalankan aktiviti mereka?

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, *philosophy* mengadakan PIBG bukan sahaja di Malaysia tetapi di dunia, adalah untuk membantu sekolah dan sebagainya. Peranan PIBG adalah biasanya untuk membantu sekolah dalam perkara-perkara infrastruktur iaitu penambah baik dari segi fizikal. Mana kala perkara berkaitan dengan P&P (Pembelajaran dan Pengajaran) adalah di bawah pengurusan dan pemantauan sekolah. Jadi setakat ini kita tidak ada sistem untuk memberi bayaran kepada PIBG. Namun demikian, kita melalui Majlis Permuafakatan dengan PIBG, kami berhasrat untuk menambah mutu perkhidmatan PIBG kepada sekolah. Terima kasih.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10, dan saya pohon untuk memperbetulkan kesilapan pada soalan kerana perkataan yang tepat di barisan tiga adalah usahawan wanita bukannya usaha wanita. Terima kasih.

10. **Puan Mumtaz binti Md Naw** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, skim bantuan khas serta agensi pelaksana kepada usaha wanita yang telah diperuntukkan dari tahun 2003-2007 mengikut negeri.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Bantuan Khas Perbendaharaan merupakan salah satu jenis bantuan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertujuan untuk melaksanakan program-program pembangunan wanita di peringkat akar umbi. Peruntukan ini disalurkan kepada agensi pelaksanaan iaitu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2003 hingga 2007, sejumlah RM27.8 juta Bantuan Khas Perbendaharaan telah diperuntukkan ke semua negeri yang disalurkan melalui NGO wanita untuk menjalankan program-program kapasiti wanita berdasarkan kepada bidang-bidang keutamaan kementerian seperti berikut: NUR Bahagia – Program Menangani Keganasan Terhadap Wanita, Pengurusan Emosi, Peningkatan Kapasiti Wanita, Program Kepimpinan dan Keusahawanan, *Literacy* Undang-Undang dan Latihan Peningkatan Kemahiran dalam bidang seperti jahitan, kraf tangan, teknologi maklumat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang telah disalurkan kepada NGO Wanita mengikut negeri dari tahun 2003 hingga 2007 ialah:

- (i) Johor – RM1.14 juta,;
- (ii) Kedah - RM0.95 juta,;
- (iii) Kelantan – RM2.45 juta;
- (iv) Melaka – RM0.73 juta;
- (v) Negeri Sembilan – RM0.96 juta;

- (vi) Pahang – RM1.17 juta;
- (vii) Perak – RM1.86 juta;
- (viii) Perlis – RM0.5 juta;
- (ix) Pulau Pinang – RM1.1 juta;
- (x) Sabah – RM1.09 juta;
- (xi) Sarawak – RM1.25 juta;
- (xii) Selangor – RM2.56 juta;
- (xiii) Terengganu – RM1.22 juta;
- (xiv) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – RM9.95 juta; dan
- (xv) Wilayah Persekutuan Labuan – RM0.18 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selain melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK), di setiap negeri, Bantuan Khas Perbendaharaan telah disalurkan berjumlah RM24.86 juta dari tahun 2003 hingga 2007, bagi melaksanakan program-program teras MPWK seperti berikut:

- (i) agenda-agenda Program Kepekaan Agenda NUR Bestari;
- (ii) Program Kepimpinan Wanita;
- (iii) Titian Ilmu;
- (iv) Hari Wanita;
- (v) Jejari Bestari; dan
- (vi) Program Latihan Kemahiran Jahitan dan Kraf Tangan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang telah disalurkan kepada MPWK mengikut negeri dari tahun 2003 hingga 2007 ialah seperti berikut:

- (i) Johor – RM2.49 juta;
- (ii) Kedah – RM2.01 juta,;
- (iii) Kelantan – RM1.55 juta;
- (iv) Melaka – RM0.80 juta;
- (v) Negeri Sembilan – RM0.94 juta;
- (vi) Pahang – RM1.69 juta;
- (vii) Perak – RM2.73 juta;
- (viii) Perlis – RM0.62 juta;
- (ix) Pulau Pinang – RM1.55 juta;
- (x) Sabah – RM2.66 juta;
- (xi) Sarawak – RM2.52 juta;
- (xii) Selangor – RM2.28 juta;
- (xiii) Terengganu – RM1.26 juta;
- (xiv) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – RM1.4 juta; dan
- (xv) Wilayah Persekutuan Labuan – RM0.28 juta.

Sekian, terima kasih.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** [*Bangun*]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

▪ 1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Datin Paduka, kemudian Puan Mumtaz..., Puan Mumtaz dahulu.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah pendekatan strategik yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan bilangan usahawan wanita dalam misi pelaburan negara, dibuat dengan keadaan yang sistematik kerana sekarang ini untuk usahawan wanita menyertai misi pelaburan negara adalah amat rendah kerana mereka menurut merit. Jadi ini adalah tidak menggalakkan kepada usahawan wanita untuk lebih maju, yang pertama. Yang kedua, apakah frasa dan *target* perkembangan kerja@rumah yang telah dilaksanakan oleh kementerian sehingga setakat ini. Terima kasih.

**Datuk G. Palanivel:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tumpuan kementerian, keutamaan kementerian untuk membangunkan usahawan wanita ialah: pertama, membangunkan kapasiti mereka; membangunkan keupayaan mereka; dan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh memperkasakan wanita dari segi ciri-ciri keusahawanan. Dan kementerian juga memberi sasaran yang penting kepada kumpulan sasaran yang terpinggir iaitu wanita miskin khususnya ibu tunggal dan untuk tujuan ini, kita beri geran pelancaran melalui agensi kementerian untuk ibu-ibu tunggal memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Pada tahun 2006, seramai 76 orang ibu tunggal telah mendapat peruntukan sebanyak RM177,150 untuk menguruskan perniagaan-perniagaan kecil.

Dan untuk menjawab soalan kedua, saya tidak tangkap maksud yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, jika Yang Berhormat boleh mengulang semula soalan tersebut, saya boleh jawab.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Soalan saya berbunyi, apakah frasa dan *target* perkembangan kerja@rumah ataupun SOHO iaitu *small-office, home-office* yang telah pun dibuat oleh kementerian.

**Datuk G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu program baru yang dimulakan oleh kementerian iaitu *home office* dan untuk program ini kita memperuntukkan untuk beberapa NGO, untuk memulakan program ini dan salah satu daripada NGO iaitu *Home Makers*. Mereka sudah melaksanakan program di beberapa tempat dan salah satu program yang diuruskan oleh mereka ialah *home@work* dan mereka sudah keluaran satu risalah mengenainya dan saya boleh mengedarkan risalah ini kepada Yang Berhormat atau lain-lain Yang Berhormat yang perlu mengetahui dengan lebih mendalam mengenai aktiviti-aktiviti *home office* yang dijalankan oleh NGO ini, *Home Makers* dan yang kedua, kementerian sendiri telah mengeluarkan baru-baru ini

satu buku panduan bagaimana seorang ibu tunggal atau seorang wanita boleh memulakan *home office* dari rumah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Makna selepas ini ungkapan *Home Minister* itu semakin relevan.

**Datuk G. Palanivel:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datin Paduka Nor Hayati.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telah pun dijawab oleh kementerian tadi. Terima kasih.

11. **Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah dasar tentang penamaan jalan-jalan di Kuala Lumpur. Bolehkah nama-nama jalan ditukar atau disesuaikan mengikut penghormatan yang kita ingin beri ke atas sesuatu nama itu misalnya Jalan P. Ramlee ditukar ke nama yang lain, dan nama P. Ramlee ditempatkan di jalan lain yang lebih melambangkan penghormatan ke atas keagungan seni beliau.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Seksyen 29, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta 133, pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan nama sesuatu jalan yang hendak dikenali dan boleh mengubah nama-nama jalan atau nama-nama bahagian dari sesuatu jalan.

Di Kuala Lumpur, satu jawatankuasa dinamakan Jawatankuasa Penama Jalan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diwujudkan yang mana dianggotai oleh wakil-wakil dari: Lembaga Penasihat DBKL; Kementerian Wilayah Persekutuan; Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; Dewan Bahasa dan Pustaka; Pos Malaysia; Arkib Negara; Persatuan Sejarah; Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan; Jabatan Perancang Bandar; dan Jabatan Hal Ehwal Undang-undang.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam menamakan jalan-jalan awam yang baru atau belum diberi nama. Selain daripada itu, jawatankuasa juga bertanggungjawab menamakan semula jalan-jalan awam sedia ada seperti yang berunsur kolonial, kesukaran sebutan atau jalan yang menggunakan nombor sahaja dan sebagainya. Penggunaan nama dalam bahasa Melayu di dalam pemberian nama jalan amatlah diberi penekanan. Pertukaran nama jalan ke nama lain atau ditukar ke tempat lain, tidak digalakkan kerana akan mendatangkan kesulitan kepada pemilik-pemilik di masa hadapan khususnya dalam urusan surat-menyurat, MyKad, utiliti, penjualan hartanah dan sebagainya. Sekian.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah. Soalan saya, sejak merdeka, kita mempunyai bekas-bekas Perdana Menteri yang telah diberi nama jalan-jalan di Kuala Lumpur seperti Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Tun Razak dan Jalan Tun Hussein. Saya ingin bertanya pihak kementerian, tidakkah pihak kementerian bercadang untuk

menamakan bekas Perdana Menteri kita, Jalan Tun Mahathir yang tidak diwujudkan lagi sehingga hari ini. Terima kasih.

**Tuan Yew Teong Look:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali, kawan baik saya. Memang pandangan Yang Berhormat akan diambil kira oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Ini memang satu pandangan yang baik, tetapi dalam pengetahuan saya, biasanya kita akan menamakan sesuatu jalan atas nama yang..., tokoh-tokoh pemimpin yang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tiada lagi bersama kita.

**Tuan Yew Teong Look:** Betul Tuan Yang di-Pertua. Itulah maksudnya. Memang ini satu pandangan yang baik. Sekian.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tiada lagi bersama kita, jadi tidak perlu disebutkan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** ...Apakah kementerian tidak mahu menimbangkan cadangan yang pernah diberi oleh Ahli-ahli dalam Dewan ini, yang pernah menyarankan agar jalan-jalan di Putrajaya di tukar dari "*precinct*", kepada jalan ataupun lain-lain nama yang bersesuaian dengan budaya kita. Terima kash.

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pernah jawab soalan berkenaan nama-nama jalan di Putrajaya dan berikutan pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara, beberapa tempat di Putrajaya telah ditukarkan ke nama menggunakan bahasa Malaysia. Memang perkataan "*precinct*", ini masih diambil kira oleh kementerian. Seperti saya dimaklumkan bahawa "*precinct*", ini mungkin akan diterima sebagai satu perkataan dalam bahasa Melayu juga, belum tetap lagi. Oleh itu masih dikekalkan menggunakan "*precinct*", ini.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah asas-asas untuk memilih nama jalan. Adakah ia berasaskan kepada ketokohan seseorang itu atau sumbangannya kepada negara dan negeri, atau jasa kepada komuniti juga diambil kira. Sekian terima kasih.

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya menjawab tadi, memang salah satu asas untuk menamakan jalan adalah tokoh-tokoh pemimpin negara seperti. Jalan Tun Razak, Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Tun Tan Sew Sin, Jalan Tun Tan Cheng Lok dan sebagainya. Ini memang salah satu asas menamakan tokoh-tokoh pemimpin termasuk Jalan Tun Sambanthan.

▪ **1140**

Dasar lain atau garis panduan lain adalah nama-nama yang tidak sesuai seperti nama jalan disebut menggunakan nombor sahaja seperti Jalan Nombor 1 atau Jalan Nombor 2. Maknanya kita kena bertukar kepada nama yang lebih sesuai atau kegunaan nama dalam bahasa Inggeris atau nama yang berunsur kolonial. Itu adalah untuk menyesuaikan tentang

keadaan Malaysia. Oleh itu jawatankuasa penamaan jalan ini ada garis panduan. Nampaknya ada sembilan syarat. Agak panjang, saya tidak akan sebut di sini, tetapi secara prinsipnya, memang akan mengambil kira dari segala aspek. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Wan Nordin bin Che Murat. Saya akan cuba tamatkan masa pertanyaan selepas pertanyaan nombor 14. Saya minta supaya dipercepatkan.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mempersembahkan 12, sebagai soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada pula bunga-bunga bahasa.

12. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Perdana Menteri menyatakan, strategi-strategi yang akan diguna pakai oleh kementerian bagi memastikan penglibatan pelabur tempatan di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur kerana ada spekulasi yang menyatakan bahawa pelabur tempatan tidak berminat untuk melabur di dalam projek ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membantu Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan jawapan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri yang berada di Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Seperti semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa koridor pembangunan telah pun dilancarkan oleh pihak kerajaan seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), pada 4 November 2006, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) pada 30 dan 31 Julai 2007, dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) pada 29 dan 30 Oktober yang lalu. Seperti mana yang telah diumumkan oleh kerajaan sebelum ini, walaupun tumpuan utama diberikan untuk menarik pelaburan asing untuk menjayakan koridor-koridor pembangunan ini tetapi kerajaan juga akan memastikan bahawa penyertaan pelabur tempatan tidak akan diabaikan dalam semua koridor tersebut. Ini termasuklah dalam semua bidang atau sektor yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan di setiap koridor pertumbuhan berkenaan.

Pelaksanaan dan pembangunan di setiap koridor pertumbuhan ini dibuat dengan mengambil kira kepentingan semua pelabur tempatan, baik pelabur tempatan bumiputera ataupun pelabur tempatan dari kaum-kaum lain. Walaupun beberapa kelonggaran terpilih telah diberikan kepada pelabur asing di kawasan berkenaan, kerajaan mengguna pakai dasar dan strategi yang seragam serta menyediakan peluang yang sama bagi usahawan atau pelabur tempatan yang ingin terlibat dalam pembangunan di setiap koridor pertumbuhan ini.

Penyertaan pelabur tempatan ini juga adalah terbuka dan tiada perbezaan diamalkan. Peluang mereka tidak akan disekat, malah akan diberi keutamaan supaya mereka juga akan menikmati peluang pelaburan yang sama untuk terbabit dalam pembangunan-pembangunan koridor pertumbuhan berkenaan. Pelabur tempatan ini akan diberikan peluang seluas-luasnya



untuk turut meraih manfaat daripada pembangunan di kawasan koridor-koridor itu dan kerajaan sudah merangka beberapa inisiatif sosioekonomi bagi memenuhi keperluan masyarakat tempatan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, sekarang kalau Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan. Sila Tuan Wan Nordin.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah adakah difikirkan perlu keistimewaan seperti rancangan galakan pelabur-pelabur tempatan diketengahkan untuk menarik lebih ramai pelabur tempatan melibatkan diri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak cukup bagi sama. Ditanya, adakah ada lebih sedikit keistimewaan?

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun merangka pelan induk yang dinamakan Pelan Pembangunan Komprehensif ataupun *Comprehensive Development Plan* (CDP) yang telah dirangka bagi WPI sehingga tahun 2025 dan ini menyenaraikan bahawa asas kepada menjemput pelabur-pelabur tempatan dengan mengagihkan, pengagihan yang adil dan saksama di kalangan pihak yang berkepentingan dan tentu sekali ia berteraskan kepada lima tiang strategik iaitu:

- (i) kedudukan rim antarabangsa, kita beritahu kepada pelabur tempatan;
- (ii) kedudukan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal;
- (iii) pelaburan dalam projek-projek pemangkin;
- (iv) mewujudkan rangka kerja institusi yang kukuh;
- (v) dan mewujudkan satu pihak berkuasa perundangan yang mantap serta memastikan sosioekonomi seimbang bagi penduduk tempatan.

Justeru itu kita yakin bahawa tidak tepatlah kalau mengatakan pelaburan tempatan atau syarikat swasta tempatan tidak berminat untuk melabur di wilayah ekonomi ini kerana ia terlalu awal untuk kita perkatakan kesimpulannya.

13. **Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, bagaimanakah keberkesanan pelaksanaan pengendalian koperasi di sekolah-sekolah menengah memberi faedah kepada para pelajar.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran memberi penekanan menggalakkan penubuhan koperasi di sekolah-sekolah. Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Koperasi dan Koperasi Kebangsaan Malaysia iaitu Angkasa memainkan peranan penting dalam menjayakan program koperasi di sekolah-sekolah.

Koperasi sekolah diperkenalkan dengan tujuan untuk menanam sifat jimat cermat, membangunkan kemahiran usahawan di kalangan pelajar. Aktiviti koperasi sekolah berbentuk pengguna, antaranya seperti mengusahakan kantin sekolah, kedai buku, kedai dobi dan kelas komputer. Sehingga 30 Jun 2007, terdapat sebanyak 1,912 koperasi sekolah dengan keanggotaan seramai 2.1 juta orang, modal syer dan yuran sebanyak RM14.6 juta dan aset bernilai RM135 juta.

Sehubungan itu, Program Pembudayaan Koperasi dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kefahaman di atas nilai-nilai keusahawanan koperasi. Kementerian menggalakkan penubuhan dan mengaktifkan aktiviti keusahawanan koperasi di kedua-dua sekolah rendah dan menengah melalui kerjasama dengan program-program keusahawanan muda.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siw Chun. Minta maaf Dr. Raja Ram dahulu, kemudian Puan Siw Chun, kemudian Senator Pau.

**Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah semua sekolah menengah diwajibkan mengendalikan koperasi di sekolah masing-masing?

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak wajibkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf, tadi itu Senator Datuk Chew.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** ...Kita tidak wajibkan tetapi kita galakkan kerana kita ada kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan kerana kita lihat, kalau pelajar itu melibatkan diri dalam koperasi, pelajar itu dengan sendiri, dia akan lebih memahirkan dirinya terutama dalam mata pelajaran Perakaunan, Simpan Kira dan lain-lain. Juga dia dengan sendirinya membentuk dirinya sebagai anggota yang bekerjasama antara satu pelajar dengan pelajar yang lain.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tujuan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ataupun SKM yang akan diwujudkan menjelang tahun 2008 ini dan sejauh manakah keberkesanan SKM terhadap koperasi-koperasi yang terdapat di sekolah-sekolah? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan kedua itu yang berkaitan secara langsung.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang pertama itu terlalu luas.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab dalam penggal yang lalu Dewan telah meluluskan akta berkenaan. Pertanyaan itu adalah terlalu luas.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Ya. Suruhanjaya Koperasi yang kita telah luluskan di Parlimen ini, ia bertujuan untuk kita menstabilkan koperasi yang ada. Kedua, kita hendak memperkasa dan menguatkuasakan jawatankuasa ataupun penguat kuasa yang ada, perlu

diperhebat dan diberi kuasa penuh untuk memantau koperasi-koperasi yang ada sama ada koperasi awam ataupun koperasi sekolah, supaya koperasi dapat berjalan dengan baik, lancar, mampan dan boleh kita jadikan sektor koperasi ini sebagai sektor ketiga dalam menjana ekonomi negara dan harapan kita apabila kita uruskan di sekolah dan koperasi itu diaudit dengan baik, masa akan datang sudah tentulah kita dapat menjayakan koperasi kita dengan lebih baik dan hebat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Nampaknya Timbalan Menteri begitu menguasai subjek beliau... [*Tepuk*] Datuk Chew Vun Ming.

**Datuk Chew Vun Ming:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah pertubuhan koperasi sekolah sering dikatakan lambat dan tidak begitu memuaskan. Apakah masalah-masalah yang dihadapi dan bagaimana pula kerajaan mengatasinya? Terima kasih.

■1150

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, bukan sahaja koperasi sekolah, koperasi lain-lain pun kita menghadapi masalah dalam pengurusan dan pentadbiran. Ini semua adalah disebabkan faktor kemanusiaan itu sendiri. Sebab itulah dalam SPM, kita memperkuatkan dan memperketat peraturan-peraturan dan kita pinda beberapa seksyen bagi membolehkan kita menjalankan operasi itu dengan lebih baik. Kita lihat koperasi-koperasi di sekolah perlu ada pemantauan dan sudah tentulah kita menjalankan beberapa kursus, latihan dan seminar dan kita beri mereka latihan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti keusahawanan seperti di kantin-kantin sekolah dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memandangkan masa pertanyaan telah dikorbankan tadi dengan beberapa pengumuman, dan memandangkan saya melihat Timbalan Menteri Kewangan telah bergegas masuk dari Dewan Rakyat, saya akan selesaikan pertanyaan hingga nombor 15.

14. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, berapakah jumlah kos pembiayaan yang terlibat bagi menangani isu penagihan dadah dalam tempoh 10 tahun yang lalu sehingga Oktober 2007, dan apakah pandangan dan strategi kerajaan kerana usaha-usaha bagi mengatasi masalah tersebut tidak begitu berjaya malah jumlah penagih dadah kian meningkat setiap detik dan saat.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kos perbelanjaan bagi menangani isu penagihan dadah termasuk kos pengurusan pencegahan dan pemulihan daripada tahun 2001 sehingga Oktober 2007 adalah sebanyak RM791,399,172.80. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha mengatasi masalah penagihan dadah yang diambil oleh kerajaan telah mula menampakkan kesan dan kejayaan yang menggalakkan. Jumlah penagihan dadah dikesan daripada tahun 2001 sehingga 2007 dari

Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) menunjukkan kadar penurunan yang signifikan seperti berikut:

- Tahun 2002 naik 1.06%
- Tahun 2003 naik 16%
- Tahun 2004 naik 4.53%

Setelah pelbagai cara kita laksanakan, kadar penurunan bagi tahun 2005 telah menurun sebanyak 15.16%. Pada tahun 2006 telah turun 30.47% dan daripada Januari sehingga Oktober 2007 telah turun 34.27% iaitu kadar masa yang sama berbanding dengan tahun yang lepas.

Penurunan jumlah penagih ini adalah ekoran daripada strategi baru yang lebih agresif dan dinamik yang dilaksanakan oleh kerajaan, dan menggalakkan masyarakat menerima secara kolektif dalam memerangi masalah dadah melalui pelbagai program ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia bebas dadah menjelang tahun 2015. Pihak kerajaan melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pendidikan pencegahan dadah bagi menangani masalah dadah ini. Program dan aktiviti ini bertujuan menyedarkan masyarakat mengenai seriusnya bahaya dadah. Program-program yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) program pendidikan pencegahan dadah di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah;
- (ii) program pendidikan pencegahan dadah di peringkat institusi pengajian tinggi; dan
- (iii) program pendidikan pencegahan dadah khusus untuk golongan belia, program pendidikan pencegahan dadah kepada ibu bapa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setelah memberitahu Dewan sesuatu yang melegakan tidakkah Yang Berhormat mahu jemput pertanyaan tambahan?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Ya, boleh. Banyak lagi sebenarnya. Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Yaakob Mohammad, Dato' Tajul Urus dan Puan Heng Seai Kie.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang begitu baik. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak PDRM di atas tangkapan-tangkapan besar yang telah dibuat kepada sindiket pengedaran dadah.

Soalan tambahan saya, dadah telah diisytiharkan musuh nombor satu negara dan diperangi terus menerus. Daripada hampir 400 penagih dadah di dalam negara kita, adakah pernah satu kajian secara holistik dibuat oleh kementerian memandangkan 98% daripada penagih dadah tersebut, terdiri daripada kalangan bumiputera dan apakah harapan kementerian untuk mematahkan sindiket rangkaian pembekal pengedar dadah? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dalam soal membanteras dadah ini seperti mana kita buat keputusan baru-baru ini, sebelum ini majlis membanteras dadah di peringkat daerah dipengerusikan oleh pegawai-pegawai daerah. Oleh kerana pegawai-pegawai daerah ini dibebankan dengan tugas dan tanggungjawab yang begitu banyak macam pegawai daerah saya, dia mempunyai 50 lebih jawatankuasa yang dipengerusikan oleh beliau. Oleh kerana itu kita telah mengambil satu keputusan supaya pengerusi membanteras dadah di peringkat daerah ini dipengerusikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli-ahli Parlimen dan keputusan itu telah dibuat dan akan dilaksanakan pada tahun ini.

Mulai dari situ, kita menggalakkan dan kita akan mengadakan satu taklimat kepada semua wakil-wakil rakyat yang menjadi pengerusi di peringkat ini untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka supaya lebih berkesan iaitu dengan melibatkan JKK. JKK akan membuat pemantauan dan membuat *mapping* di peringkat mukim dan kampung dan akan kenal pasti siapa yang terlibat dengan penagihan dadah di kawasan-kawasan yang tertentu. Kita boleh merekodkan secara lebih terperinci dan di sini kita boleh memberi didikan seperti mana yang saya sebutkan tadi dengan pelbagai cara yang telah kita adakan.

Di samping itu, berkenaan dengan penguatkuasaan, memang kita sentiasa menguatkuasakan terutama sekali mengenai penyeludupan dadah ke negara kita. Seperti dadah jenis ATS, kita mula kesan di negara kita ialah pada tahun 1986 iaitu di Sabah, di mana ia di seludup masuk daripada Filipina. Malangnya sekarang ini dadah jenis ATS ini telah diproses dalam negara kita. Banyak tangkapan-tangkapan yang dibuat di Semenyih dan juga di Kulim di mana mereka memproses dadah ini untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat pun begitu menguasai subjek sehingga hendak menceritakan semuanya.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Ini tugas saya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sekarang ini kita berharaplah dengan adanya langkah-langkah yang kita buat, kita akan dapat membanteras dadah ini dan sekurang-kurangnya pada tahun 2015 ini, harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita bebas daripada dadah ini akan dapat kita realisasikan dengan langkah-langkah yang sedang kita ambil ini.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebahagian besar daripada jenayah-jenayah ngeri, kejam dan menakutkan ini dilakukan oleh penagih dadah yang tidak mendapat bekalan. Dalam konteks secara lebih diplomasi, tidakkah kerajaan bercadang untuk memberi suntikan percuma kepada penagih-penagih yang menampilkan diri mendaftar. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Sebenarnya Yang Berhormat, ia banyak *pros and cons* di dalam soal ini. Kadang-kadang niat kerajaan baik seperti bagi pencegahan HIV di mana

kita menyediakan kondom dan sebagainya, tetapi banyak pelbagai pihak membahaskan perkara ini. Walau bagaimanapun, kita ada sistem kita iaitu membekalkan *methadone* kepada penagih-penagih dadah ini yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan. Satu ketika dulu *methadone* ini begitu mahal sekali kerana dimonopoli oleh dua, tiga syarikat sahaja yang membekalkan *methadone* ini ke pusat-pusat atau klinik-klinik yang kita iktiraf. Sekarang ini kita telah mengambil keputusan untuk membenarkan lebih ramai lagi pengimport, dan sekarang ini *methadone* telah begitu murah dan dibekalkan kepada mereka di banyak klinik-klinik yang telah kita kenal pasti. Pada masa akan datang, kita akan menambahkan pusat-pusat ini kerana kita dapati bahawa kesannya adalah baik.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan isu keberkesanan Program Pencegahan dan Pemulihan Penagih Dadah kita dapati bahawa terdapat beberapa institusi NGO keagamaan, yang terbukti cemerlang dan berkesan.

■1200

Soalan tambahan saya ialah, tidakkah kerajaan bercadang untuk mempelajari daripada mereka dan apakah jenis bantuan dan sokongan yang akan atau yang telah pun diberikan oleh kerajaan kepada pertubuhan-pertubuhan yang turut membantu dan bekerjasama dalam usaha yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi sebenarnya sistem yang ada di pusat-pusat serenti di negara kita yang dimiliki oleh kerajaan adalah boleh dikatakan baik, boleh dikatakan hampir kebanyakan mereka 90% saya katakan, apabila mereka di pusat serenti mereka dipulihkan. Mereka tidak lagi menjadi penagih. Yang problemnya apabila mereka keluar, bila keluar selepas pemulihan, hendak berhadapan balik dengan masyarakat, *this is the problem*.

Ramai di antara kita masih tidak boleh menerima penagih-penagih dadah ini. Seperti mereka hendak kerja dan sukar dapat pekerjaan, ibu bapa sendiri tidak boleh terima termasuk masyarakat. Jadi stigma ini memang masalah kepada mereka dan inilah *crucial*, masa yang paling *crucial* untuk seorang penagih dadah untuk dipulihkan. Kalau mereka tidak berjaya di peringkat ini, akhirnya mereka akan jadi penagih *relapse*.

Jadi oleh kerana itu kita amatlah mengharapkan supaya dalam usaha untuk memulihkan penagih dadah ini kita memerlukan semua sokongan daripada masyarakat, terutama sekali daripada ibu bapa sendiri supaya proses ini boleh dibuat dengan baik dan teratur.

Sebenarnya sistem kita tidak ada masalah. Kita boleh dikatakan yang terbaik, antara yang terbaik di dunia ini yang ada di negara kita ini, yang lain-lain pun ada juga. Walau bagaimanapun kita sentiasa memberi sokongan kepada pusat-pusat pemulihan yang dibuat oleh swasta dan NGO yang lain. Kita juga memberi khidmat nasihat dan juga bantuan apabila diperlukan oleh mereka ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Bersandarkan kepada perhitungan seperti saya sebutkan tadi saya jemput Dato' Azian bin Osman untuk pertanyaan terakhir.

15. **Dato' Azian bin Osman** minta Menteri Kewangan menyatakan, tindakan yang akan diambil oleh kerajaan berhubung isu subsidi dan had jumlah sebenar subsidi negara berdasarkan situasi sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi ruang untuk membolehkan saya bercakap pada pagi dan menjawab soalan berhubung dengan isu subsidi. Saya melihat bahawa sudah sahlah bahawa isu subsidi ini adalah isu yang begitu penting di dalam negara kita. Berdasarkan kepada keprihatinan yang begitu mendalam, yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sebenarnya telah mengutarakan banyak soalan mengenai isu yang sama dan telah pun dijawab sebelum ini.

Namun begitu seperti yang kita tahu bahawa jumlah subsidi ini dalam lingkungan RM35 bilion hingga RM40 bilion setahun, adalah satu jumlah yang begitu besar dan yang tidak lestari, tidak *sustainable*. Oleh itu pihak kerajaan sedang membuat kajian yang bersungguh-sungguh bagaimanakah untuk mengkaji semula sistem ini dan membentuk satu sistem baru yang lebih adil dan lebih saksama.

Sistem yang boleh memberi tumpuan kepada golongan yang betul-betul berhak dan layak untuk menerima bantuan, supaya ianya juga dan pelaksanaannya menepati sasaran dan tidak terlalu jauh tersasar sehingga boleh merugikan negara kita dari segi sumber yang boleh digunakan untuk kepentingan-kepentingan lain, yang barang kali lebih mendesak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kebetulan Dewan sedang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dan bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan segala-gala berkenaan perkara ini, memberi peluang pula kepada Yang Berhormat untuk menjawab secara lebih komprehensif dalam perbahasan nanti.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itulah cadangan yang sebak-baiknya. Sebelum saya berhenti, saya ingin mengalu-alukan kehadiran beberapa pelajar dari Melbourne, yang mana seorangnya anak saya dan seorang lagi anak Dato' Johari Baharum yang berbaju kuning.... [*Tepuk*]

Saya rasa sudah tentu Ahli-ahli Yang Berhormat memahami betapa bangganya seorang bapa apabila dapat bercakap di depan anak-anak mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun bertuah kerana dapat memaparkan bahawa kedua-dua begitu menguasai subjek masing-masing. Masa cukup.

**Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[11 Disember 2007]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Puan G. K Loga Chitra Govindasamy untuk menyambung ucapan.

**12.05 tgh.**

**Puan G. K Loga Chitra:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung perbahasan saya. Terima kasih kerana saya telah diberi peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2008.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mencadangkan satu bajet yang mesra rakyat, bertema “Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran”, yang sangat tepat pada masanya.

Perbahasan saya akan merujuk kepada petikan ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bajet ini telah memberi tumpuan kepada tiga strategi utama iaitu :-

- (i) mempertingkatkan daya saing negara;
- (ii) memperkasa pembangunan modal insan; dan
- (iii) menjamin kesejahteraan rakyat.

Strategi pertama mempertingkat daya saing negara iaitu, menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pelaburan swasta. Pelaburan swasta terus menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan telah mempelbagaikan usaha untuk menarik pelaburan asing ke negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-menteri Kabinet sendiri telah mengorak langkah untuk menarik pelaburan ke Malaysia. Penglibatan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri juga membantu dalam usaha ini.

Walau bagaimanapun, pelaburan masuk ke negara ini hendaklah dinikmati oleh semua negeri, kerana limpahan dari pembangunan dan pelaburan ini wujud peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan kepada warga tempatan. Tumpuan pembangunan ke beberapa negeri tertentu akan menyebabkan penghijrahan rakyat dan menimbulkan permasalahan sosial seperti perumahan dan peningkatan jenayah.



Perkara kedua dalam perbahasan saya mengenai strategi pertama adalah meningkatkan daya saing pasaran modal. Kejayaan program transformasi syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC melalui *key performance index* membawa kepada pencapaian memberangsangkan GLC. Modal pasaran 45 syarikat GLC telah meningkat sebanyak RM129 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 61%. Transformasi GLC ini telah menghasilkan banyak faedah kepada pelanggan, pekerja, pembekal, komuniti perniagaan serta kerajaan.

Saya ingin merayu pencapaian cemerlang GLC dikongsi dengan syarikat-syarikat bukan milik bumiputera, dan dikenal pasti oleh dewan-dewan perniagaan masing-masing dan satu perkongsian bijak di antara syarikat bumiputera dan bukan bumiputera akan memperluaskan jaringan syarikat GLC.

Perkara ketiga dalam strategi pertama saya ingin mengemukakan di sini adalah dalam sektor pertanian. Teras utama pembangunan sektor pertanian ialah untuk menjadikan sektor ini salah satu sumber utama pertumbuhan ekonomi negara. Sebanyak RM6.5 bilion diperuntukkan bagi sektor pertanian.

Antara program yang akan dilaksanakan ialah untuk pengeluaran padi, menggalakkan penanaman *floriculture*, herba dan rempah ratus.

#### ■1210

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan...

**Puan G. K Loga Chitra:** Boleh saya habiskan dulu? Sedikit. Saya orang baru. Saya ingin mencadangkan agar kerjasama secara *fast track* dilaksanakan bersama dengan pakar-pakar *ayurveda* dari India untuk mengembangkan industri herba dan rempah ratus. Ini kerana Malaysia mempunyai hubungan baik dengan India dan hubungan ini akan banyak membawa manfaat kepada kedua-dua negara secara dua hala.

Perkara keempat dalam strategi pertama yang saya....

**Dato' Omar bin Faudzar:** [*Bangun*]

**Puan G. K Loga Chitra:** Okey.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat.. [*Disampuk*] Kita sama-sama tengah dok belajar Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa syarikat-syarikat GLC telah mencapai satu kejayaan yang agak memuaskanlah. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat, kalaulah saya ataupun Yang Berhormat ataupun mana-mana Yang Berhormat dalam Dewan ini diberi kontrak ataupun diberi projek oleh kerajaan, kalau katakan projek itu gagal diberi *Variation Orders* iaitu VO, dan sebagainya, adakah syarikat itu akan mendapat keuntungan yang begitu banyak?

Jadi Yang Berhormat tengok syarikat-syarikat GLC dia tidak cari makan di luar, dia cuma cari makan dengan projek-projek kerajaan sahaja. Jadi adakah itu kita boleh mengatakan bahawa pengurusan yang ada dalam syarikat GLC ini adalah satu pengurusan yang bijak,

sedangkan cari makan di dalam di situ sahaja. Jikalau dia sama-sama dengan syarikat swasta yang lain cari makan di luar barulah kita boleh bagi *judgment* kepada pengurusan itu, sama ada dia orang ini betul-betul bijak atau tidak. Sebagai contoh saya ambil syarikat UEM.

**Puan G. K Loga Chitra:** Terima kasih Yang Berhormat untuk pandangan tadi. Ini pandangan saya, saya berpendapat bahawa kalau syarikat bumiputera - kerana cadangan saya ialah syarikat bumiputera dengan bukan bumiputera diberi perkongsian bijak. So, kalau selepas mendapatkan perkongsian itu dan kita dapat kerja-kerja dari kerajaan dan swasta sekali ini akan menguatkan lagi syarikat GLC.

Saya teruskan dengan ucapan saya. Dalam sektor pelancongan Program Tahun Melawat Malaysia 2007 telah berjaya menarik lebih ramai pelancong. Sehingga Jun seramai .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat halakan kesangsian itu kepada silap orang. Kalau Yang Berhormat nak utarakan kepada lain orang mungkin boleh.

**Puan G. K Loga Chitra:** Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Sehingga Jun, seramai 10.7 juta pelancong telah melawat Malaysia berbanding dengan 80.6 juta pelancong dalam tempoh yang sama tahun 2006. Ini adalah satu pencapaian yang cemerlang. Untuk meningkatkan lagi daya tarikan negara sebagai destinasi pelancongan, kerajaan telah memperuntukkan RM858 juta.

Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pelancongan menambah usaha untuk menarik pelancong asing selepas Tahun Melawat Malaysia 2007. Kualiti produk tempatan untuk pelancong hendaklah dipertingkatkan dan barangan berjenama antarabangsa 'Three one' hendaklah dihapuskan dari pasaran Malaysia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendaklah meningkatkan penguatkuasaan untuk membanteras penjualan barang tiruan dan juga DVD serta perisian komputer cetak rompak.

Strategi kedua dalam ucapan Belanjawan 2008 adalah memperkasa pembangunan modal insan. Petikan daripada ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah modal insan berkualiti, adalah antara faktor terpenting dalam memastikan Malaysia mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju. Oleh itu aspek kualiti pendidikan dan latihan terus diberi penekanan.

Perkara pertama dalam perbincangan saya dalam strategi kedua ini adalah memartabatkan profesion perguruan. Untuk meningkatkan peranan pentingnya guru dan memartabatkan profesion perguruan, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah iaitu meningkatkan elaun guru pendidikan, menaikkan kadar guru ganti berkelulusan ijazah, menyediakan elaun lepasan ijazah dan juga bagi lepasan diploma.

Tuan Yang di-Pertua, kadar elaun guru ganti berkelulusan ijazah daripada RM85.00 kepada RM150 sehari menjadikan profesion guru ganti lebih lumayan daripada guru terlatih. Ini

termasuk guru-guru bersara yang akan turut menerima *pension* dan elaun harian, jika diambil sebagai guru ganti.

Kerajaan perlu mengkaji semula isu ini dan saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menimbangkan pewujudan jawatan pembantu guru di sekolah, di dalam usaha untuk memastikan ada tenaga pengajar di sekolah pada tiap masa, dan mengurangkan pengangguran di kalangan siswazah. Pembantu guru boleh dilatih di peringkat sekolah melalui bimbingan guru-guru terlatih. Perkara kedua...

**Dato' Ismail Kassim:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Puan G. K Loga Chitra:** Okey.

**Dato' Ismail Kassim:** Memudahkan cara Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puan GK Loga kerana memberikan laluan kepada saya.

Tadi Yang Berhormat bangkitkan soal modal insan dan fokus bidang perguruan satu profesion yang mulia, satu profesion yang kalau dari segi agama Islamnya ialah profesion yang menyampaikan ilmu. Merupakan di antara perkara-perkara yang terpenting kalau ikut ajaran agama Islam. Dan ketika meninggal dunia ilmu yang dimanfaatkan itu di antara benda-benda yang dapat pahala yang cukup besar.

Apabila Yang Berhormat kaitkan dengan kurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah, saya rasakan profesion ini tidak boleh dibuat pertimbangan begitu, kerana profesion ini kalau hanya menjadi profesion untuk mendapatkan pendapatan, kerana tidak mendapat pekerjaan lain maka bidang perguruan ini, bidang pendidikan ini, bidang pelajaran ini ia akan menuju ke satu arah yang boleh memusnahkan ataupun mengurangkan kualiti dalam kita membentuk modal insan yang benar-benar berkesan, seperti Yang Berhormat bangkitkan dalam hujah Yang Berhormat.

Apa pandangan Yang Berhormat berhubung... [*Gangguan sistem pembesar suara*]...

**Puan G. K Loga Chitra:** Terima kasih Yang Berhormat memberi pandangan itu tadi. Saya akan cuba menjawab. Saya berpendapat bahawa kalau guru itu adalah bersiswazah tinggi, ilmu yang diperoleh itu adalah ilmu yang lebih tinggi, kalau dia boleh membimbing kanak-kanak, murid-murid itu adalah satu, apa yang dikatakan adalah satu pencapaian yang tinggi sekali.

Boleh saya teruskan...

**Dato' Ismail Kassim:** Yang Berhormat, bukan niat saya nak menyusahkan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat beri laluan sekali lagi atau tidak?

**Puan G. K Loga Chitra:** Terima kasih. Perkara yang kedua dalam perbahasan saya, dalam strategi kedua bajet ialah untuk mempertingkatkan program latihan dan kemahiran.

Sejumlah RM2 bilion telah diperuntukkan kepada pelbagai agensi latihan kerajaan untuk meningkatkan bilangan dan kualiti pekerja terlatih selaras dengan keperluan pasaran. Daripada

jumlah tersebut RM480 juta diperuntukkan untuk Program Latihan Giat Mara dan Institut Latihan Perindustrian serta latihan kemahiran di Institut Kemahiran Belia Negara.

Bagi menampung kekurangan pekerja mahir dalam sektor pembinaan, bagi tahun 2008 seramai 50,000 pekerja dalam sektor pembinaan akan dilatih dalam Program Latihan Masterskills dengan kos berjumlah RM100 juta.

#### ■1220

Saya ingin mencadangkan, untuk kemahiran di dalam bidang pembinaan dikhususkan untuk warga tempatan dan diperluaskan ke sekolah-sekolah menengah khususnya untuk melatih pelajar tingkatan empat dan lima yang kurang berminat dalam bidang akademik. Tindakan ini perlu untuk mengurangkan pergantungan negara kepada warga asing.

Seterusnya, strategi ketiga adalah untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Program perumahan untuk rakyat. Satu langkah penting bagi membantu golongan berpendapatan rendah menikmati taraf hidup yang lebih selesa, ialah dengan menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi. Selaras dengan hasrat tersebut, kerajaan akan mempergiatkan lagi program pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana.

Saya ingin mencadangkan agar lokasi kawasan perumahan seumpama ini hendaklah strategik supaya tidak membebankan pemiliknya atau bakal pembeli dari segi pengangkutan dan logistik yang lain seperti kemudahan awam, dewan, hospital, sekolah, tempat ibadat seperti surau, masjid, kuil dan tokong. Syarikat-syarikat kerajaan yang telah diamanahkan seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), mempergiatkan lagi untuk menyiapkan rumah di bawah Program Pemulihan Rumah Terbengkalai, seperti dua hari yang lepas kita telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bahawa terdapat 155 projek rumah yang terbengkalai. So, kami harapkan bahawa projek-projek ini akan dipercepatkan dalam jangka masa yang ditentukan.

Perkara kedua dalam strategi tersebut, yang juga saya ingin berbahas adalah wanita, keluarga dan masyarakat. Petikan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah, "Kekuatan Malaysia turut terbina atas penyertaan wanita dalam pembangunan negara. Status wanita di Malaysia dapat dibanggakan berbanding dengan banyak negara. Wanita terus diberi peluang yang sama untuk menjawat jawatan-jawatan yang penting dan kerajaan akan memastikan bakat dan potensi wanita terus dimanfaatkan sepenuhnya".

Di sini saya ingin mencadangkan agar lebih ramai wanita diberi peluang untuk menerajui GLC, syarikat berkaitan kerajaan. Program pembangunan kapasiti khususnya ibu tunggal dan golongan-golongan miskin hendaklah dipergiatkan dengan memperkenalkan dengan izin, *surviving skill*. Ini akan membantu mereka untuk berdikari selepas menghadiri kursus ataupun program latihan.

Seterusnya dalam Bajet 2008, kerajaan akan menggalakkan kaum ibu untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan bayi. Ini akan memberikan peluang pekerjaan untuk suri rumah di samping membolehkan lebih ramai wanita untuk menyertai pasaran kerja, dan kerajaan akan menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM10 juta bagi membolehkan NGO memberi latihan kepada suri rumah mengenai kaedah penjagaan bayi dan kanak-kanak.

Di sini saya ingin mencadangkan agar pihak berkuasa tempatan juga dapat menyediakan infrastruktur seperti pusat jagaan kanak-kanak di taman perumahan, ataupun rumah-rumah pangsa dan NGO juga dibenarkan untuk mengendalikan aktiviti ini. Seterusnya semenjak kemerdekaan negara pada tahun 1957, pembangunan yang kita capai setakat ini memang membanggakan. Usaha-usaha perlu diambil untuk membantu membangunkan status ekonomi rakyat Malaysia tidak mengira bangsa.

Dasar kerajaan untuk membantu masyarakat bumiputera tidak harus dipertikaikan tetapi tindakan yang lebih komprehensif untuk membantu masyarakat di estet-estet, kawasan setinggan, peladang-peladang, nelayan-nelayan dan masyarakat di luar bandar keseluruhannya dan masyarakat miskin tanpa mengira kaum dipergiatkan. Walaupun kualiti hidup rakyat hari ini telah jauh bertambah baik berbanding dengan 50 tahun lalu dengan pendapatan per kapita telah meningkat sebanyak 26 kali ganda daripada RM790.00 pada tahun 1957 kepada RM20,840.00 pada tahun 2006, kita masih melihat rakyat Malaysia yang mengharapkan bantuan, bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Adakah ini kegagalan sistem penyampaian kerajaan, wakil-wakil rakyat yang tidak peka kepada permasalahan rakyat ataupun pemimpin-pemimpin masyarakat dan politik di peringkat akar umbi yang gagal turun ke padang? Adakah kita boleh katakan sesuatu, negara yang kita tadbir itu tidak ada apa-apa permasalahan? Bolehkah kita mencapai permasalahan sifar? Saya pun tidak tahu jawapan Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai penutup, saya sendiri adalah rakyat Malaysia. Saya telah dilahirkan di Malaysia. Saya adalah warga negara Malaysia. Bapa saya adalah seorang pegawai polis semasa hayat dia. Ramai orang kenal dia sampai hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa mengira kaum, semua orang kenal dia. Dia telah tiada sekarang, dia telah meninggal 20 tahun yang lepas. Dia adalah seorang pegawai polis yang sanggup dan rela untuk negara kita yang kita cintai. Dan saya adalah anak dia, seorang peguam. Semasa peristiwa hitam 1969, saya berumur enam tahun. Jangan kira umur saya sekarang.... *[Ketawa]* Saya masih berfikir, kerana masa perhimpunan haram Hindraf, saya masih berfikir tentang semasa umur saya enam tahun yang dahulu. Itulah Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kerjasama daripada semua lapisan masyarakat hendaklah diteruskan secara rundingan dan bukan secara demonstrasi jalanan. Dengan landasan kukuh yang kita ketahui, kita...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan...

**Puan G. K Loga Chitra:** Boleh saya, sedikit kerana ini sedikit emosi, saya hendak habiskan saya punya emosi sedikit... *[Ketawa]* Saya tidak boleh tangguhkan emosi. Nanti saya jadi *tension* sedikit. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua, ya? Dengan landasan yang kita telah bina, parti politik MIC masyarakat India, kecuali segelintir masyarakat yang kita sedia maklum, saya hendak landasan yang kukuh yang telah dibina tidak dirobohkan. Kita tidak mahu dirobohkan kerana selama 50 tahun kita telah membina landasan itu... *[Ketawa]* Itu telah mengambil jangka masa 5 dekad untuk dibina. Saya rasa itu adalah pihak-pihak yang tertentu, yang tidak bertanggung jawab.

Akhir kata, saya ingin merujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apa beliau bercakap dalam ucapan belanjawan. "Dengan memanfaatkan sepenuh kepelbagaian yang wujud di negara kita, satu kekuatan yang baru agar kita teguh, bersatu bergerak mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju. Masyarakat India melalui MIC di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu telah bersama dengan Barisan Nasional memperjuangkan nasib kaum India. Perjuangan ini akan diteruskan untuk masa hadapan masyarakat India dan juga kesejahteraan masa hadapan negara bagi memastikan keharmonian antara rakyat yang berbilang kaum".

Saya berpendapat bahawa komponen yang terpenting sekali, prinsip yang terpenting sekali yang telah pun terkandung dalam Rukun Negara ialah perpaduan. Perpaduan ialah satu komponen dan prinsip yang asas untuk kami maju ke hadapan.

#### ■1230

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2008. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya tunggu dia bangun, dia tak bangun. Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie. Saya hendak panggil Dato' Dr. Norraesah tapi dia tak bangun. Nanti dia tak mahu bangun saya tersipu-sipu.

#### 12.30 tgh.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama terlibat dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008.

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Perintah 12 Tahun 2007 berkaitan Bajet 2008 telah meringkaskan sejumlah RM176.92 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Dari jumlah peruntukan tersebut, 72.8% adalah untuk perbelanjaan mengurus, dan 27.2% untuk perbelanjaan pembangunan. Jumlah perbelanjaan mengurus yang tinggi ini diperuntukkan oleh kerajaan dengan harapan yang tinggi agar sistem

penyampaian dan perkhidmatan kerajaan terus meningkat bagi membantu pembangunan negara.

Walaupun tahap perkhidmatan jabatan dan agensi kerajaan telah pun meningkat dengan ketaranya, namun masih terdapat ruang-ruang besar untuk diperbaiki. Laporan Audit Negara yang dibentangkan selepas pembentangan Bajet 2008...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon kesempatan bertanya Yang Berhormat hendak ambil masa berapa lama supaya...

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Sekejap, setengah jam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat akan mengakhiri ucapan sebelum pukul 1.00 atau...

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Sebelum, saya rasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum? Biar pun satu minit sebelum pukul 1.00, tetap sebelum pukul 1.00...?

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Rasanyalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, Dato' Dr. Norraesah boleh tunggu.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Laporan Audit Negara yang dibentangkan selepas pembentangan Bajet 2008 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jelas menunjukkan wujudnya kepincangan dalam pengurusan pentadbiran kerajaan dengan penyalahgunaan peruntukan oleh segelintir pegawai yang tidak amanah dan bertanggungjawab. Penyalahgunaan peruntukan demi mendapatkan keuntungan peribadi pegawai amat memalukan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Anggota kerajaan yang dilantik seharusnya mengambil ingatan bahawa jumlah peruntukan yang diberikan adalah merupakan hasil kutipan cukai rakyat yang seharusnya manfaatnya dikecap semula oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil perhatian dari jumlah perbelanjaan mengurus yang diperuntukkan, Kementerian Pelajaran telah diperuntukkan dengan jumlah yang paling besar berbanding lain-lain kementerian. Sejumlah RM26.03 bilion yang diberikan adalah memberi gambaran jelas bahawa kerajaan sedar dan yakin kemajuan negara boleh dicapai dengan rakyatnya yang berilmu pengetahuan.

Saya juga ingin menyentuh dalam hal perbelanjaan pengurusan pendidikan guru. Terdengar kerap kali rungutan ibu bapa pelajar yang menerima aduan dari anak-anak mereka guru tiada di dalam kelas kerana berkursus atau berseminar.

Dalam kes-kes tertentu melibatkan tempoh yang agak panjang. Adalah lebih merugikan sekiranya ketiadaan guru-guru berkursus tanpa dipenuhi dengan guru-guru ganti yang setaraf. Ada kalanya kelas-kelas yang ditinggalkan hanya dijaga oleh pengawas sekolah tanpa mempunyai apa-apa pengisian yang sewajarnya. Adalah disyorkan kursus-kursus bagi penyediaan guru untuk mempertingkatkan kepakaran guru diadakan semasa waktu cuti

persekolahan, agar peruntukan masa mengajar guru tidak terabai dan murid-murid tidak menjadi mangsa terutamanya pelajar yang berada di tahun yang akan menghadapi peperiksaan penting dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Saya juga ingin memohon penjelasan Kementerian Pelajaran, di mana sejak akhir-akhir ini ternampak sedikit kemewahan perbelanjaan yang dilaksanakan pengurusan pendidikan. Mesyuarat, kursus, seminar diadakan di hotel-hotel, di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan. Program-program ini juga tertumpu pada bulan-bulan terakhir tahun kewangan dengan alasan untuk menghabiskan bajet. Apa yang kita bimbangkan ialah kursus atau seminar yang diadakan ini, di tempat-tempat yang sebegini akan mengurangkan kesan bagi mempertingkatkan tahap kepakaran guru kerana *mindset* peserta adalah lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti sampingan seperti membeli-belah dan melancong.

Kementerian seharusnya memberi fokus agar setiap perbelanjaan bagi meningkatkan kepakaran guru akan dicapai pada tahap yang maksimum, kerana ini akan memberi kesan langsung kepada tahap pendidikan negara. Kata pepatah, guru kelas pertama akan melahirkan murid kelas pertama, tetapi guru kelas kedua akan melahirkan murid kelas ketiga...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, laluan.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, saya cuma ingin bertanya apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya seminar-seminar seperti itu dibuat di dalam hutan, di hotel-hotel ataupun di kedai-kedai sahaja?

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Saya tidak bermaksud begitu, tetapi sekarang ini dilihat guru-guru bukan setakat guru, pegawai-pegawai dan kerani juga terlalu mewah hinggakan kerani di Jabatan Pelajaran pun boleh naik *Business Class* sama dengan Senator yang ada pada Dewan hari ini. Jadi itulah yang kita tidak mahu. Kursus itu bagus tapi tempat itu haruslah disesuaikan dengan tempat untuk berkursus.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Saya mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Yang Berhormat selesaikan jawapan itu dahulu.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Lambat tak boleh hendak bercakap....  
[Ketawa] Jangan banyak sangat kacau saya, saya juga budak baru belajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam Peraturan Mesyuarat tak boleh timbul buruk sangka. Jadi kita jangka mereka ini bukan niat hendak kacau, hendak menyerlahkan kebolehan Yang Berhormat.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempertingkatkan tahap pendidikan rakyat, negara masih lagi menghadapi isu-isu utama seperti kemerosotan disiplin pelajar, keciciran pelajar, penglibatan pelajar dalam jenayah, salah laku pelajar dan peningkatan remaja yang berumur antara 13 hingga 17 tahun, yang terlibat dengan



merokok. Sebagaimana hasil kajian *Global Tobacco Survey* dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, di mana 50 orang perokok remaja akan mula merokok setiap hari. Maknanya apabila mereka ini berumur 30 tahun seorang daripada empat orang daripada mereka akan meninggal. Jadi ini amat membimbangkan. Jadi semua isu ini telah dibincangkan dan dibahaskan sepanjang masa sejak negara mencapai kemerdekaan. Hari ini isu-isu ini...

**Tuan Osman bin Bungsu:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Saya minta tak bagi.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Nanti saya habiskan dahululah.... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat beri Yang Berhormat laluan nanti didakwa beliau pilih kasih pula. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Terima kasih. Hari ini isu-isu ini menampakkan seolah-olah semakin kronik dengan negara melalui tempoh 50 tahun merdeka. Semua permasalahan yang diperdebatkan seolah-olah memberi gambaran kegagalan sistem pendidikan negara. Konsep pendidikan adalah bukan hanya untuk melahirkan bijak pandai semata-mata dengan berorientasikan peperiksaan, tetapi pendidikan perlu diterjemahkan bagi melahirkan insan yang bermoral, berdisiplin, berkemampuan menggunakan minda, melihat halangan sebagai cabaran dan peluang, berjiwa besar dan memiliki keyakinan diri yang tinggi.

Semua ini boleh dicapai sekiranya sistem pendidikan yang dilaksanakan akhirnya akan melahirkan pelajar yang membesarkan penciptanya dengan ilmu yang diperoleh. Namun apa yang berlaku kita masih belum selesai mendebatkan persoalan penggunaan bahasa dalam mata pelajaran yang diajar. Ibu bapa kebingungan juga cuba memahami dasar yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan. Murid juga keliru dalam proses pembelajaran disebabkan guru bercelaru kerana tidak bersedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Kita perlu melihat bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa, untuk menjadikan bahasa komunikasi ianya perlu persekitaran yang membolehkan pelajar menggunakan bahasa berkenaan sebanyak yang mungkin.

Kita mampu melahirkan bijak pandai yang mampu berbahasa Inggeris dengan baik melalui sistem pendidikan dahulunya apabila pelajar-pelajar ini dihantar ke luar negara. Persoalan menjaga kedaulatan bahasa Malaysia dan menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu sepatutnya bukan menjadi isu di negara kita.

#### ■1240

Yang harus dipertahankan dan diperjuangkan lagi bagi mendaulatkan bahasa Malaysia adalah hentikan usaha-usaha untuk memelayukan bahasa Inggeris kerana akhirnya ini akan melenyapkan perkataan-perkataan Melayu sebenar dan timbulnya perkataan-perkataan rojak di dalam amalan percakapan generasi sekarang. Peningkatan gejala sosial di kalangan remaja hari ini yang merupakan generasi untuk menentukan kesinambungan pencapaian 50 tahun akan

datang adalah gambaran kepada keberkesanan sistem pendidikan negara kita. Ibu bapa dan masyarakat perlu memainkan peranan yang sama untuk menentukan kualiti generasi yang akan datang kerana mereka juga lahir dari sistem pendidikan yang sama.

Kalau sistem nilai masyarakat tidak mampu dibentuk melalui sistem pendidikan maka nilai masyarakat yang pincang akan berterusan dari satu generasi kepada generasi seterusnya. Saya ingin memetik kata-kata Imam Ghazali dengan izin berbunyi, "*Jika kamu ingin melihat generasi yang akan datang, maka lihatlah generasi hari ini. Kalau rosak generasi hari ini maka rosaklah generasi akan datang*".

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang isu yang hangat di pasaran iaitu sejak akhir-akhir ini ada kumpulan-kumpulan yang bergerak di bawah nama kebebasan bersuara dan hak asasi manusia yang menganjurkan berbagai-bagai perhimpunan haram, membuat tuntutan kepada kerajaan tanpa saluran yang sewajarnya.

Apa yang diperjuangkan oleh kumpulan ini walaupun merupakan perancangan bagi mencapai cita-cita politik sempit, masih mampu mengheret sebahagian rakyat untuk menyokong perjuangan yang tidak berasas ini. Sebahagian besar yang menyertainya adalah di kalangan remaja yang tidak mengerti apa tujuan dan matlamat penganjuran sebagaimana yang berlaku di Batu Burok, Kuala Terengganu beberapa bulan yang lalu. Mereka ini mudah terpedaya dengan cerita-cerita fitnah yang disebarkan kerana tahap pemikiran dan kemampuan untuk menganalisis isu-isu yang diperjuangkan adalah amat rendah.

Mereka berkumpul untuk keseronokan semata-mata dan akhirnya terjebak dengan keganasan yang tercetus semasa perhimpunan. Mereka mudah diperalatkan dan akhirnya mereka menanggung kesan besar dalam kehidupan apabila ditangkap dan didakwa oleh anggota keselamatan. Anggota keselamatan yang bertanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan rakyat mula dilihat sebagai musuh yang perlu ditentang. Melalui proses ini kesan besar di dalam diri mereka nanti, mereka akan berterusan sebagai *antiestablishment*, dengan izin, dengan menidakkan semua agenda pembangunan kerajaan sedangkan sebenarnya mereka telah diperalatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan bukannya agenda politik. Pendidikan adalah *survival* sesuatu bangsa dan negara. Kita tidak perlu berbincang dan berbahas persoalan ini dari kepentingan politik semata-mata sehingga *survival* bangsa dan negara porak-peranda. Generasi akan datang perlu diselamatkan dengan dibekalkan dengan satu sistem pendidikan yang bertunjangkan kepada sejarah bangsa dan negara. Sistem yang mampu melahirkan cerdik pandai yang sentiasa tunduk dan patuh kepada penciptanya. Sistem yang akan melahirkan manusia berhemah tinggi dengan mengenal dosa dan pahala kerana untuk mengubah dunia bermula dengan membentuk manusianya.

Bagi membentuk manusia, ilmu pengetahuan yang diterap harus yang benar berlandaskan ajaran agama yang suci. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi harus memastikan peruntukan besar kerajaan kepada kementerian dibelanjakan dengan berhemah dan penuh tanggungjawab. Setiap program dan perancangan yang dilaksanakan seharusnya memberi kesan positif yang maksimum dalam jangka sederhana dan panjang. Kita mungkin bukan berhadapan dengan kecacatan dasar pendidikan negara, tetapi kepincangan dalam pelaksanaan oleh jentera pentadbiran dan pengurusan.

Kebocoran yang wujud dalam pelaksanaan perancangan dengan sumber kewangan dibelanjakan tanpa memberi impak kepada sistem pendidikan mesti dikenal pasti dan diatasi segera. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Dr. Norraesah. Bila bangun baru saya boleh panggil.

**12.45 tgh.**

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada komunikasi yang tidak begitu baik dalam otak saya pada pagi ini. Saya ingatkan saya akan dipanggil. Itu kesilapan saya, maaf.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana mengizinkan atau memberi peluang bagi saya membahaskan satu Rang Undang-undang Perbekalan 2008 iaitu yang bertemakan "*Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran*".

Tuan Yang di-Pertua, kemakmuran adalah satu perkataan yang harus kita pegang dengan baik di dada dan pemikiran kita. Kemakmuran ialah sesuatu yang sukar dibina dan dibentuk, yang sukar diperolehi tanpa kerja keras, tanpa komitmen, tanpa semangat yang tinggi, tanpa kerelaan untuk membuat pengorbanan untuk membangunkan kemakmuran dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya ingin memasuki di dalam satu perbahasan yang ikhlas, yang jujur, yang tidak bercorak menyapu sampah di bawah karpit, tidak menyapu sampah di bawah permaidani. Permaidani itu amat indah, kalau disapunya sampah di bawahnya indahnya cuma di atas tetapi di bawah buruk dan kotor.

Jadi di sini kalau kita dapat berbahas dengan jelas, dengan jujur, dengan hati yang terbuka maka insya-Allah segala yang kotor dan buruk itu juga kita dapat sapu. Jadi permaidani yang kita pijak itu adalah sesuatu yang cantik, indah dan bersih.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang muda ini sudah pun menyambut kemerdekaan yang ke 50 pada tahun ini. Ianya disambut dalam keadaan yang stabil, kestabilan politik yang dikagumi oleh ramai, kedudukan ekonomi yang kukuh, pembangunan sosioekonomi yang berterusan dan mampan serta kita menghidu udara kewangan yang sihat.

Dalam suasana inilah Perdana Menteri membentangkan Bajet 2008 pada 7 September 2007. Tahun demi tahun kita dapat melihat bahawa kerajaan berupaya membentangkan kepada rakyat bajet dan anggaran belanjawan yang pro pembangunan, yang mesra rakyat, yang mendahului kepentingan dan masa depan rakyat walaupun dalam masa kesempitan dan kecemasan serta kemelesetan ekonomi. Tanggungjawab tidak pernah diabaikan dan kemerdekaan tidak disia-siakan.

Pertumbuhan KDNK seperti yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga diulangi oleh Timbalan Perdana Menteri apabila ia membentangkan rang undang-undang ini ialah pada suku ketiga tahun 2007, pertumbuhan ekonomi sudah meningkat kepada 6.7%, jauh menjangkau sasaran dan jangkauan.

Kita mengharapkan dan tentu sekali kita akan mencapai satu purata pertumbuhan yang akan menetapi jangkauan kita iaitu 6% lebih.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat bahawa pertumbuhan ini dicapai dalam suasana yang agak membimbangkan, sesuatu keadaan yang meresahkan kita oleh sebab Amerika Syarikat pada ketika ini dan juga pada suku tahun yang awal ini menghadapi satu krisis kewangan oleh sebab adanya apa yang dikatakan *Crisis Sub-prime Mortgage* ataupun Krisis Kewangan Sub-prima. Kita selalu mendengar Tuan Yang di-Pertua, dahulu dan juga sekarang kalau Amerika Syarikat bersin, kita demam terus.

Pada kali ini mereka Amerika Syarikat demam panas teruk tetapi kita batuk pun tidak. Ini jelas ketara apabila pasaran ekuiti kita yang selalunya mempunyai impak yang negatif apabila kemelesetan ataupun masalah krisis terjadi di negara-negara maju, kita akan mempunyai impak yang negatif.

#### ■1250

Kali ini kita dapat memperlihatkan kepada dunia bahawa kita dapat mempertahankan segala-gala dugaan dan cubaan dan tsunami kewangan yang melanda negara lain tidak mempunyai impak kepada negara kita. Ini menunjukkan bahawa kedudukan ekonomi kita dari segi fundamentalnya amat kuat sekali. Pembangunan dan kedudukan ekonomi kita adalah sesuatu yang lestari, per kapita *income* sudah pun meningkat. Pertumbuhan ekonomi sudah pun menjangkau satu tahap yang begitu baik sekali. Inflasi terkawal kepada tahap yang rendah.

Rizab kita meningkat sehingga dapat menampung lapan setengah bulan pengimportan kalau tak ada duit langsunglah katakan. *Current account* kita dalam keadaan yang amat positif sekali. *Surplus* kita pun sesuatu yang mengagumkan. *Full employment*, kedudukan *full employment* pekerja penuh di dalam negara kita, pasaran ekuiti yang amat sihat sekali bahkan amat gemuk sekarang sebab indeksnyanya begitu tinggi sekali Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita lihat di dalam bajet, satu daripada strateginya ialah untuk meningkatkan persaingan negara kita. Persaingan saya rasa sudah dapat pun kita pertahankan dan bahkan kita tingkatkan. Kita dapat

bukan sahaja menunjukkan keupayaan untuk menghadapi persaingan tetapi kita benar-benar berdaya tahan dan berdaya maju. *Corporate tax*, ia menunjukkan beberapa tindakan sudah pun diambil di bawah Bajet 2008 untuk mempertingkatkan lagi *business* perdagangan dan perniagaan dalam negara kita.

Saya hendak kita lihat sejenak, fikir sejenak. *Corporate tax* diperturunkan 26% hingga 25% pada tahun 2009. *Corporate tax* yang tinggi, cukai korporat ini dikatakan dahulunya kita mempunyai cukai korporat yang berjumlah 28%. Dikatakan kita tidak akan dapat menghadapi persaingan oleh kerana terlalu tinggi cukai korporat 28%, tetapi kalau kita lihat di dalam masa negara kita memperkenalkan cukai korporat sejumlah 28% yang dikatakan tidak kompetitif itu, jumlah FDI begitu besar sekali masuk ke negara kita.

Pertumbuhan ekonomi begitu pesat sekali. Pemulihan ekonomi selepas teretusnya krisis kewangan 1997 dapat kita selesai dengan lebih cepat sebab kita mempunyai *intelligence* ataupun keupayaan untuk berfikir di luar kotak dengan menolak cadangan daripada IMF. Ini dia nilai yang amat tinggi kita harus berikan kepada pemimpin-pemimpin kita. Berupaya menghadapi krisis dengan memperkenalkan sesuatu yang di luar jangkaan yang tidak terfikir sehinggakan sekarang ini Strauss Kahn iaitu *Director General* atau presiden ketua IMF yang ada sekarang ini. Hasil ataupun akibat daripada teretusnya krisis kewangan 1997, Malaysia telah menjadikan IMF sebagai *irrelevant* dan *redundant*, dengan izin, sebab dengan menolak IMF, kita berjaya memajukan negara kita dan membangunkan negara kita.

Adakah perkara-perkara ini yang sebenarnya menarik pelaburan ke negara kita? Adakah benar segala-gala ini iaitu *corporate tax* yang lebih rendah dan segala insentif yang diberi yang menarik pelaburan ke negara kita?

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dan saya rasa kita semua yakin, sebenarnya tarikan yang utama ialah kestabilan politik. Saya dengan jelas dapat melihat apa yang diajarkan kepada saya oleh pensyarah-pensyarah saya di universiti apabila saya mengambil disiplin Ekonomi dan Ekonomi Pembangunan, ditekankan berkali-kali bahawa faktor yang terpenting sekali dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi ialah kestabilan politik. Ini kita capai, kita sudah pun capai dalam dekad yang begitu lama, 50 tahun ianya tidak merupakan sesuatu yang rapuh, ia tidak merupakan... kita bukan menjadi satu *banana republic* dengan izin, tetapi suatu negara yang dikagumi oleh negara lain dan hendak dicontohi oleh negara-negara membangun yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tadi Yang Berhormat tentang pelabur-pelabur yang datang di Malaysia. Memang kerajaan telah pun berusaha...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tertarik dengan Yang Berhormat atau dengan hujah-hujah Yang Berhormat?... *[Ketawa]*

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tertarik dengan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan hujah-hujah Yang Berhormat atau dengannya?

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, dengan hujah. Tertarik pun tengok oranglah Tuan Yang di-Pertua.... [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya setuju Yang Berhormat tadi iaitu kestabilan politik. Pelabur-pelabur asing datang kerana kestabilan politik kita, tetapi hari ini kita lihat kerajaan telah pun berusaha sedaya upaya untuk menarik pelabur-pelabur asing datang ke Malaysia, begitu juga pelancong-pelancong kita tetapi kalaulah demonstrasi-demonstrasi perhimpunan haram ini menjatuhkan imej negara kita, begitu juga dengan pelancong yang datang. Nak keluar hotel pun tak boleh, takut.

Jadi, usaha-usaha kerajaan ini akan gagal kalau ada segelintir rakyat Malaysia yang tidak bertanggungjawab yang ada di Malaysia ini yang tidak diambil tindakan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih di atas komen itu Yang Berhormat. Sebenarnya paragraf saya yang berikutnya ialah menyentuh tentang khusus tentang soal ini, tapi kalau diizinkan saya teruskan sebenarnya saya akan menyentuh perkara ini.

Jadi saya ulangi macam saya rasa kita tidak dapat menidakkan atau menafikan bahawa kestabilan politik itulah sesuatu yang *crucial*, yang kritikal, yang harus kita jaga, pelihara dengan baik. Kita tidak harus mengizinkan sesiapa merobohkan ataupun mencalarkan apa yang sudah kita bina dengan indah dan baik. Ini saya rasa sudah pun menjawab..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang fundamental, yang asasi.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Yang asasi, yang fundamental, yang menjadi *pillar*, yang menjadi *foundation*, segala-galanya Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya nak bagi pantun sikitlah.

*Indah sungguh burung di awan,*

*Di bawah pula burung merak,*

*Sungguh bertuah kita di Dewan,*

*Mendapat Tuan Yang di-Pertua yang bijak...[Tepuk] ...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila dia karang pantun itu? Tunggu nak tembak saja.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Saya rasa kita selalu teringat tentang ungkapan "*Rome is not built in a day*" dengan izin. Memang Rom tidak akan dibina dalam satu hari tetapi Rom dapat dimusnahkan dalam satu hari. Kalau kita gunakan *missile* sekarang ini dengan *carpet bombing* nya, dalam dua jam pun dapat dimusnahkan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan betapa pentingnya kestabilan politik iaitu yang berasaskan kepada perpaduan kerana negara kita negara yang multi etnik, yang mempunyai banyak kaum, etnik, budaya dan lain-lain tetapi kemuafakatan iaitu suatu perkataan

yang diulangi oleh ramai daripada Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini adalah sesuatu juga yang fundamental.

Permuafakatan dan perpaduan itulah yang menghidupkan kestabilan politik di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya amat rasa marah, ramai yang marah tetapi lebih pada marah ialah rasa sedih oleh kerana ada di kalangan mereka yang hendak memusnahkan apa yang kita bina begitu lama sekali. Apa yang sudah pun membawa kemakmuran kepada negara kita.

Di sini saya rasa kita harus bercakap dengan berterus terang dan kadangkala Tuan Yang di-Pertua, kalau saya nak sebut Hindraf, saya sebut Hindraf. Kalau saya sebut orang India, saya takut ada konotasi perkauman. Kawan-kawan saya pula takut nak menyebut bumiputera kalau kita berbincang dengan soal Dasar Ekonomi Baru umpamanya, takut ia mempunyai konotasi perkauman tapi kita harus bercakap. Kita harus berdialog dan berbincang dan pada hari ini saya ingin membentangkan apa yang saya katakan sesuatu yang akan menafikan pembohongan Hindraf. Saya rasa pembohongan ini dapat diterima dan diserap dengan baik oleh mereka, yang lain itu yang mengikutnya..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung ucapan bila Dewan bermesyuarat semula pada pukul 2.30.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

■1430

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato Dr. Norraesah untuk menyambung ucapan.

**2.31 ptg.**

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambungkan perbahasan saya dengan mengajak kita memikir semula dan menilai semula apa yang di erti katakan dengan kemakmuran dan bersama-sama kita membina negara. Bersama-sama ini maksudnya keseluruhan rakyat. Kemakmuran yang dapat digilap sekarang ini yang jelas ternampak saya ingin huraikan lebih sedikit tentang kedudukan ekonomi kita tadi iaitu pasaran ekuiti yang begitu cemerlang. Sungguh pun negara di Amerika Syarikat menghadapi satu krisis kewangan oleh kerana *subprime mortgage* krisisnya tetapi kita tidak pun tercalar sedikit pun, tidak pun menghadapi apa jua masalah impak yang negatif dan ia terus meningkat.

Ini adalah sebab apa yang dikatakan dengan konsep atau fakta *coupling* dengan izin. Ini bermakna negara Malaysia dan negara-negara Asia yang lain termasuk Malaysia terutamanya Malaysia sudah dapat memisahkan dirinya dan pergantungan daripada kuasa-kuasa besar,

kuasa ekonomi macam Amerika Syarikat. Ini menunjukkan bahawa kita adalah satu negara yang bertahan maju dan bertahan apa jua impak negatif yang datang melanda kita itu. Kita dapat sudah pun membina satu tembok yang kuat untuk menjaga, memelihara keamanan dan juga kekayaan negara kita yang berterus melihat satu pembangunan yang pesat.

Di sini saya ingin memberi berita yang baik kepada sahabat-sahabat saya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa kemasukan dana daripada luar negara ke negara kita yang meningkatkan KLCI kita iaitu indeks pasaran ekuiti kita adalah sejumlah untuk Asia, untuk seluruh Asia Tenggara ialah sejumlah tiga per seratus daripada 1% daripada jumlah kekayaan dunia yang berpindah daripada negara maju ke negara kita. Oleh kerana krisis kewangan berterusan di negara Amerika tentunya jumlah ini akan bertambah kerana aset di negara-negara Asia seperti Malaysia ini adalah merupakan aset terpilih. Jadi melaburlah di pasaran Bursa Malaysia, jangan takut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita berhenti tadi saya tengah bercakap tentang kestabilan politik yang menjadi tunjang segala kejayaan kita yang menjadi asas segala pembangunan di negara kita yang kita kecapai semasa 50 tahun yang lalu. Falsafah politik *unity* di dalam *unity in diversity* iaitu keharmonian yang dicapai *unity* itu di dalam kepelbagaian etnik, budaya dan bahasa adalah sesuatu yang menghidupkan negara kita ini dan ini janganlah mengucar-ngacirkan dan memusnahkan sesuatu yang kita bina.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan ramai di antara kita saya rasakan semua daripada kita adalah sedih dan marah tentang apa yang berlaku baru-baru ini dengan rusuhan jalanan yang tujuannya adalah tujuan politik semata-mata. Saya tidak dapat melihat tujuan yang lain. Ini saya ingin menyatakan bagaimanakah satu kumpulan yang menconteng, yang membusuk, yang mencalarkan nama negara sanggup menamakan diri mereka BERSIH. Mereka inilah yang harus dibersihkan, minda digosok, hati cuci. Orang yang hendak *fix nothing that is broken* seperti yang disebut Yang Berhormat Empiang semalam. Tidak ada yang pecah, tidak ada apa yang rosak apa yang hendak kita hendak *fix*, apa yang kita perbetulkan?

Maka orang yang hendak *fix nothing that is broken*, mestinya orang yang tidak waras, mesti mereka ini adalah orang yang merbahaya. Saya teringat Tuan Yang di-Pertua kepada era Hitler dulu, *tactician* nya, strateginya ialah Joseph Goebbel. Taktik yang dipergunakan oleh mereka yang merusuh jalan ini tidak lain secara taktik yang digunakan oleh Goebbel untuk Hitler. Goebbel berkata Tuan Yang di-Pertua, saya pohon dengan izin "*If u tell a lie bit enough, and keep repeating it, people will eventually come to believe it...*". Itu falsafah Goebbel yang digunakan pakai oleh Hitler. Dengan izin saya sambung "*...The truth is the mortal enemy of the lie*". Dengan itu kebenaran harus dipisahkan, kebenaran harus disembunyikan. Jangan dikentarkan sesuatu yang benar oleh kerana kebenaran itu adalah musuh kepada pembohongan.



Apa yang dilakukan oleh kumpulan Hindraf? Di sini saya ingin memberi satu ketetapan di sini, saya ingin mengajak kawan-kawan saya di sini. Apabila saya menyebut kumpulan Hindraf, saya tidak bermaksud kumpulan ataupun kaum India seluruhnya, hanya Hindraf. John Ashcroft, seorang *psycho political analysis*, analisa, penganalisis *psycho political*, dia mengatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*Scare the people, the peace-loving people with panthoms of lost liberty*”.

Ini yang dikentarkan oleh Hindraf, tetapi kita berjaga-berjaga. Oleh kerana ia akan merosakkan kedamaian, keamanan dan ketenteraman dan memberi satu *ammunition* satu *weapon* untuk musuh-musuh kita. Kita juga membiarkan kawan-kawan kita berhenti sejenak memikir adakah ini benar ataupun tidak.

#### ■1440

Maka Tuan Yang di-Pertua, kalaulah keamanan itu menjadi tunjang segala-galanya berasaskan perpaduan, relakah kita melihat sekumpulan ini yang membuat begitu banyak pembohongan berterusan dibiarkan sahaja mereka ini, bukan saya nyaris kata terus hidup, kalau saya kata terus hidup itu membawa konotasi yang berlainan tetapi meneruskan apa yang mereka hayati selama ini. Kalau kita lihat kepada Perdana Menteri kita ini yang begitu *compassionate*, ia akan diizinkan tetapi mereka ini janganlah keterlaluan dan mempergunakan hati baik Perdana Menteri sebagai satu yang harus dihancurkan. Ia atas kerana *passionate* nya, *compassionate* nya Perdana Menteri kita, baik hatinya, mereka merasakan orang yang lembut ini dapat dipijak atas kepala.

Apa yang saya katakan apa dia pembohongan yang dibuat oleh Hindraf, kita lihat fakta dan statistik. Saya rasa kasihan kepada mereka yang mengikuti ataupun terikut-ikut dengan Hindraf sebab mereka daif dan mempunyai kenyataan yang benar. Jangan pula di antara kita ini juga mengiakan apa yang diyakan oleh Hindraf.

Tuan Yang di-Pertua, 2.7% daripada isi rumah tangga, isi rumah bangsa India hidup di bawah garis kemiskinan. Ini kita tidak boleh tidakkan, memang ia ada tetapi purata kebangsaan nasional ialah 5.7%. Kalau kita lihat dari jumlah *household*, isi rumah kerana Hindraf mengatakan kemiskinan India di bandar itu begitu getir tetapi hanya 11,000 isi rumah yang terjejas ataupun terperangkap dalam kemiskinan bandar. 283,000 isi rumah tangga adalah di luar bandar dan yang malangnya Tuan Yang di-Pertua, yang ini yang selalu menjadi kontroversi dan polemik nya ialah masalah kemiskinan kita ini ada dimensi etnik. Maknanya kemiskinan luar bandar 90% terdiri daripada bumiputera, 30% daripada kemiskinan bandar terdiri daripada orang India, orang Cina dan juga orang Melayu, sama puratanya. Di sesetengah kampung setinggan sememangnya kita akui bangsa India, kaum India merupakan yang termiskin di sesetengah tempat. Jangan kita nafikan ini, ini adalah masalah yang harus kita hadapi bersama dan kita harus menyelesaikan

masalah ini tetapi bukan sahaja masalah orang India, masalah orang Cina, masalah orang Melayu tetapi masalah sejagat.

Kemiskinan adalah sesuatu yang dihadapi oleh semua bangsa dan malangnya *poverty is a rural phenomena*. Kemiskinan adalah satu fenomena luar bandar di mana jauh lebih ramai orang miskin di luar bandar dan malangnya jauh daripada 80% adalah terdiri daripada orang-orang Melayu.

Kalau kita hendak bercakap tentang pembasmian kemiskinan, tentu sekali selalunya dicakapkan tentang pembasmian kemiskinan luar bandar. Sebagai *coincidence* kalau boleh saya sebutkan, ia melibatkan orang-orang Melayu. Jadi ini juga mempunyai satu konotasi perkauman oleh sebab sesetengah orang menggunakan ini sebagai alasan mengatakan bahawa kerajaan itu lebih memilih untuk membantu orang-orang Melayu, tidak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk dimasukkan dalam senarai orang-orang yang miskin, bukanlah satu senarai di *honours list* dengan izin, tak siapa pun nak jadi miskin, tetapi ini dipergunakan untuk menyatakan bahawa kerajaan lebih hendak menyelesaikan masalah orang Melayu, orang bumiputera. Inilah polemik dan kontroversi yang menjadi kontroversi oleh sebab kita tidak melihat dengan sebenarnya kedudukan dan masalah sebenar.

**Dato' Ismail bin Kassim:** Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah di atas laluan yang diberikan kepada saya.

Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat berhubung dengan kedudukan Hindraf ini, adakah ia menggambarkan kekecewaan yang terpalit di bahu pembangkang selepas kita melihat secara telus dan terang iaitu pimpinan-pimpinan utama dalam menggerakkan Hindraf ini adalah ahli sebuah parti politik pembangkang, itu yang pertama.

Yang kedua, adakah jelas menggambarkan yang pembangkang sudah pun merasa mereka akan kalah sebelum pilihan raya umum sebenar yang akan menjelang tidak lama lagi. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak dapat lari daripada menerima persetujuan dengan Yang Berhormat. Oleh sebab *timing* nya, masanya adalah dekat sangat dengan pilihan raya yang ke-12 yang akan datang ini. Pembohongannya amat dahsyat sekali bertujuan untuk meraih simpati daripada rakyat.

Sememangnya adalah masalah-masalah yang lazim yang harus kita atasi di kalangan kaum India, sememangnya tetapi dicampuradukkan dengan perkara-perkara seperti *ethnic cleansing*. Satu tuduhan yang pada saya bukan dahsyat tetapi bodoh oleh sebab kalau sebenarnya kita mempunyai *ethnic cleansing*, satu yang *diabolical* di negara kita ini tentu sekalilah *Human Rights Organization* daripada Bangsa-bangsa Bersatu dah lama dah hentam kita tetapi tidak.

Jadi kalau manusia yang lain, rakyat yang lain tidak mempunyai kenyataan ataupun tidak mempunyai ilmu tentang apa yang ada dalam negara kita, dia tentu sekali akan terikut-ikut. Sahlah ia berlatar belakangkan agenda politik seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, saya amat bersetuju.

Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat saya panjangkan daripada komen itu kepada hujah saya ialah selama ini memanglah kaum India sentiasa memberikan sokongan yang padu kepada Barisan Nasional. Tidak dinafikan, *full hearted* orang kata, 100% mungkin, kalau segelintir sahaja itu tidak kira, tidak masuk dalam peratusan. Jadi sekarang ini, niat dan tujuan dia untuk menggeggar perpaduan orang India terhadap Barisan Nasional. Kalau orang India terasa resah, terasa ragu-ragu tentang apa yang dikatakan oleh Hindraf, ia tentu sekali akan memisahkan sokongan orang India, tak semua pun tetapi kebanyakan mungkin ataupun segolongan yang akan menentukan menang atau kalahnya sebuah pilihan raya di satu-satu tempat. Pembohongan ini adalah sesuatu yang saya rasa harus kita berhentikan dan kenyataan yang betul harus kita sebarkan terutama sekali oleh sahabat-sahabat kita dalam Dewan ini umpamanya dan dalam Dewan Rakyat yang merupakan pasangan kita dalam kerajaan.

Pembohongan yang harus kita ketepikan dan nafikan dan kenyataan yang harus kita sampaikan ialah *ethnic cleansing* ini tidak ada, yang ada *Hitler* sahaja yang tadi saya sebut itu. Di sini, *Tamil language*, bahasa Tamil digunakan dalam *broadcasting* kita, RTM, RTM2. Ahli-ahli Exco terdiri daripada orang-orang India sungguhpun jumlah penduduk orang-orang India di satu-satu kawasan itu kadang kalanya rendah dari 10%, hanya 5%. Saya rasa perubahan kuil itu kita harus sebut sebab ia yang mencetuskan kemarahan orang-orang India. Ini satu orang kata *a place of worship* ini memanglah beremosi kita kalau ia berlaku, tetapi kebenaran itu harus disampaikan. Umpamanya jumlah kuil di Selangor, jauh lebih tinggi jumlahnya daripada jumlah penduduk orang-orang India di Selangor. Jumlah surau pun kalau kita ikut purata jumlah penduduk Melayu Islam adalah jauh lebih rendah.

#### ■1450

Kita harus juga mengatakan bahawa sebutkan di sini bahawa *council* di majlis-majlis perbandaran juga terdiri daripada orang-orang, sahabat-sahabat kita daripada kaum India dan mereka ini yang menjadi *lawyer-lawyer* ini, yang menjadi peguam-peguam ini, dari *Bar Council* dan lain-lain ini. Mereka mendapat kejayaan mereka kerana apa? Ia kerana kemakmuran, kerana keterbukaan negara kita menerima semua orang sekali.

Saya di sini Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa oleh kerana *half-truth* itu dipergunakan dan kadang kalanya pembohongan semata-mata. Jadi ini saya rasa, saya baru-baru ini di London Tuan Yang di-Pertua, untuk menghadiri ...

**Tuan M. Munusamy:** Mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya satu dunia memang tahu bahawa tiada *ethnic cleansing* di

negara ini. Bukan sahaja rakyat Malaysia, rakyat yang terdiri daripada masyarakat India, masyarakat Melayu, masyarakat Cina, tetapi satu dunia tahu bahawa sememangnya tidak ada perbuatan *ethic cleansing* dalam negara ini.

Namun parti pembangkang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, telah membuat satu *ploy*, dengan izin, untuk memecah belah masyarakat India dalam negara ini. Masyarakat India dalam negara ini telah menyokong kerajaan yang dulunya Parti Perikatan dan sekarangnyanya Parti Barisan Nasional. Boleh dikatakan hampir 100%, saya tak kata 100% lah, hampir 100%. Ini telah pun diakui oleh ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan jangan kluatir ini akan diteruskan. Ini akan diteruskan sebab apa yang dikatakan oleh pihak Hindraf ini memang adalah tidak benar.

Seluruh masyarakat India dalam negara ini tahu dan mereka tahu bahawa dalam negara ini, hanya parti Barisan Nasional sahajalah boleh *deliver*, boleh menyampaikan, boleh membantu memajukan masyarakat India dalam negara ini. Oleh itu, tak payahlah bimbang. Saya boleh berkata di sini tak payahlah bimbang, memang masyarakat India akan terus memberi sokongan. *Ploy* ini yang dibuat oleh pihak pembangkang ini tidak akan berjaya.

Saya juga berharap bahawa rakan-rakan kita daripada parti-parti komponen terus akan juga memberi sokongan yang kuat, sokongan yang penuh kepada masyarakat India terutamanya kepada pihak MIC yang memerlukan banyak sokongan pada masa dan ketika ini. Saya boleh berjanji bahawa MIC dan juga pemimpin-pemimpin NGO di negara ini akan terus memberi keterangan yang benar kepada masyarakat supaya mereka tidak dipengaruhi oleh parti pembangkang.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Kita bersyukur Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita mempunyai rakan-rakan dan sahabat-sahabat seperjuangan yang mempunyai *commitment* yang sedemikian rupa. Bukan sahaja soal *commitment* tetapi fikiran yang waras seperti Senator Munusamy kita, Yang Berhormat kita.... [*Tepuk*].

Apa yang kita kluatir ialah tak semua pemikiran orang waras. Saya di London Tuan Yang di-Pertua untuk menghadiri *pre-Bali Climate Change Conference*. Apabila Al-Jazeera menunjukkan gambar mereka yang memberontak, bukan memberontak yang merusuh itu, mereka merasa terkejut. Mereka menyoal macam-macam soalan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan apabila diajukan kepada saya, saya boleh menjawabnya. Saya boleh menangkisnya tetapi anak saya yang pada kala itu menaiki kereta api untuk datang bertemu dengan saya juga disoal dengan agresifnya di dalam kereta api. Jawapannya adalah sesuatu yang mula jadi. Dia menunjuk satu pandangan yang terkejut. "Apa?" *Surprise, an innocent surprise*, dengan izin, dan apabila *innocent* ini jelas ternampak pada wajah mukanya, maka jelas pada mereka yang bertanya itu, "Ah, tak mungkin", katanya. Namun, bagaimana kita

hendak memberitahu berjuta-juta lagi yang melihat gambar yang dipaparkan di dalam televisyen. Itu yang kita kluatir.

Tuan Yang di-Pertua, taktik Goebbels ini kadang-kadangnya berjaya. Ini yang kita kluatir. Jadi saya merasakan di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada sahabat-sahabat seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, tentu sekali kenyataan akan disampaikan dan disalurkan dan insya-Allah tentu sekali kita dapat menjaga keamanan di negara kita ini.

Mereka yang memulakannya ini adalah mereka-mereka yang berpelajaran, yang menggunakan perkataan *ethnic cleansing* umpama dia tidak memahami apa maksudnya pun. Ini menunjukkan bahawa pengajaran yang diterima di sekolah tak mencukupi. Apa yang dipelajari tidak digilap dengan lebih baik oleh diri mereka sendiri, yang menunjuk kedaifan mereka sendiri Tuan Yang di-Pertua. Saya mengharapkan bahawa rakyat-rakyat bukan sahaja rakyat dari bangsa India tetapi orang Melayu, orang bumiputera dan orang Cina tidak terikut-ikut dengan cara ini. Ini harapan saya. Kita semua rasakan oleh kerana negara kita aman, tenteram dan maju dan kita tidak mahu ini tergugat, tentu sekali.

Ini soal *bloggers* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Puad. Ini juga mengancam keamanan kita. Kita beruntung dan saya kagum dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apabila saya membuka *bloggers* ini, *blog-blog* ini, rasa sakit dan rasa marah amat sekali; tetapi dia sabar, tidak bertindak, tidak bereaksi dengan serentak untuk memarahi mereka ataupun terus meminta agar *bloggers* ini register dengan kita.

Saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akur kepada perjanjian yang kita buat apabila kita melancarkan MSC. Di mana kita membuat perakuan tidak akan ada intervensi daripada kerajaan di dalam usaha-usaha MSC iaitu *Multimedia Super Corridor*. Ya, tentu sekali akur tentang janji yang sudah pun dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, *character assassination*, dengan izin, adalah sesuatu yang mudah dilakukan dan orang yang membunuh *character* ini tidak mempunyai risiko yang besar. Apa yang jahatnya *character assassination* melalui *blog* ini dapat dilakukan, pembunuhan karakter itu dapat dilakukan berulang kali. Ini juga adalah satu taktik Goebbels, Joseph Goebbels di mana lama kelamaan ada mereka yang terperangkap dengan hujah-hujah yang dikeluarkan di *blog*.

Jadi saya mengharapkan supaya kerajaan akan mengambil tindakan sekurang-kurangnya seperti apa yang dilakukan oleh negara jiran kita Singapura. Apabila sesuatu *blog* itu membuat kenyataan-kenyataan yang *seditionous* tindakan diambil. Bukan untuk meminta mereka mendaftar, tetapi apabila ia melakukan tindakan yang *seditionous* di situ kita mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi ke soal yang amat penting sekali iaitu soal modal insan. Sebenarnya RMK-9 dan juga Bajet 2008 ini, tumpuannya adalah kepada pembangunan modal insan. Seluruhnya segala-galanya ialah tentang pembangunan modal insan dan inilah satu

perkara yang saya rasakan *the wisdom* yang dilakukan kebijaksanaan kerajaan untuk membangunkan negara ini melalui pembangunan modal insan.

■1500

Mereka yang akhirnya yang akan mengurus segala sumber alam yang ada di negara kita ini adalah mereka sekarang ini yang di bangku sekolah. Tentu sekali kita hendak menjadikan mereka-mereka ini modal insan, bukan beban insan. Peruntukan yang diberi RM30 bilion umpamanya kepada sekolah rendah oleh Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pendidikan Tinggi adalah sesuatu yang wajar. Saya menyokong dengan sepenuhnya pendidikan percuma untuk semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, memartabatkan profesion perguruan, saya rasa akhirnya kita benar-benar mengiktiraf peranan guru. Guru adalah angsa yang akan mengeluarkan telur emas ini. maka angsa ini harus kita pelihara dengan baik. Sungguhpun terdapat peruntukan-peruntukan khas untuk guru, saya rasa masih banyak lagi kita boleh lakukan. Umpamanya kita tahu Tuan Yang di-Pertua, mengikut *traditional wisdom* dengan izin, dalam dunia *business* umpamanya, seseorang korporat itu sebaik pekerja yang diambilnya untuk bekerja. Maka dengan kata-kata yang sama sekolah-sekolah kita itu sebaik guru yang kita ada, yang kita ambil dan harus kita beri pengiktirafan setinggi-tinggi mungkin.

Kalau dahulu Tuan Yang di-Pertua, semasa saya kecil berkahwin dengan guru itu sesuatu yang diidam-idamkan sebab guru diberi tempat yang tertinggi oleh masyarakat. Namun oleh pergolakan, perkembangan dan pembangunan ekonomi, kerjaya itu sudah meluas, maka masing-masing hendak berkahwin dengan akauntan, dengan peguam dan lain-lain. Kerjaya guru itu tidak begitu menarik lagi. Oleh kerana kita menetapkan segala harapan kepada modal insan, maka mereka yang akan membina modal insan yang begitu baik dan negatif yang akan memimpin kita harus diberi perhatian jauh lebih dari apa yang kita berikan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus meningkatkan kualiti guru melalui latihan-latihan yang sudah pun dijanjikan di dalam bajet dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Namun, ada sesuatu yang berkurangan, saya rasa gaji guru masih belum kompetitif. Saya menyarankan supaya gaji guru itu sama tarafkan dengan pegawai-pegawai PTD dan kalau mereka mengadakan mesyuarat-mesyuarat, apa salahnya mereka juga mengadakan mesyuarat di hotel-hotel. Oleh sebab mereka inilah yang akan menjanjikan kepimpinan yang baik kepada negara ini. Maka kita janganlah suruh depa bermesyuarat dalam bilik yang tidak ada penghawa dingin umpamanya, berpeluh-peluh dia. Jadi *the best*, yang terbaik tidak akan mahu menjadi guru. Jadi kita hendak menyediakan satu tarikan dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, guru memainkan peranan yang penting. Integrasi dan pendidikan itu harus dijadikan slogan untuk kita. Sekarang ini saya ingin menyarankan supaya soal perpaduan itu dijadikan satu agenda yang terpenting di sekolah-sekolah. Bermula dengan

sekolah rendah dan juga institusi permata ini. Kita sudah pun mempunyai aliran sungai kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina di mana pergaulan anak-anak dari kaum India dan kaum Cina Tionghoa tidak begitu bergaul dengan bangsa-bangsa lain.

Saya ingin mencadangkan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina umpamanya diadakan satu program *twinning* dengan sekolah-sekolah kebangsaan yang berdekatan. Sekolah-sekolah Tamil dan sekolah kebangsaan yang berdekatan yang dijadikan satu program *twinning* ini akan bertemu berjumpa sekali dalam dua bulan atau sekali dalam satu bulan. Ini untuk difikirkan bersama di mana mereka akan bergaul dalam satu aktiviti yang dikenal pasti.

Pergaulan ini akan mengeratkan lagi persefahaman dan kemuafakatan memahami satu kaum dan satu kaum lain budaya dan bahasa akan dipergunakan dengan baik. Kalau dahulu secara akademik sahaja mereka belajar dengan bahasa Melayu tetapi sekarang ini mereka dapat bertutur dengan baik dengan kawan-kawan di sekolah yang dinamakan sekolah *twinning* tadi. Kalau diadakan sukan seumpamanya kalau diadakan satu teater atau satu pementasan biarlah mereka melakukan bersama. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan satu lagi iaitu diadakan satu *colleague sister* atau *brotherhood*. Maknanya mereka yang berada di sekolah kebangsaan yang kebanyakannya ialah anak-anak Melayu dan sekolah-sekolah Tamil dan Tionghoa kenal pasti siapa yang hendak dijadikan kakak dan adik. Mereka akan setiap bulan akan bertemu akan menulis, sekarang komputer sudah ada, *email* sesama sendiri.

Apabila ada perayaan Hari Raya adik angkat dari sekolah Tamil akan bersama-sama merayakan Hari Raya; dan apabila adanya Deepavali adik angkat atau kakak angkat saya di sekolah kebangsaan pergi menziarahi adik-adik ataupun kakak saya atau abang di sekolah Tamil dan Sekolah Cina. Ini adalah satu cara bagaimana mereka yang terpisah oleh kerana sistem pendidikan yang memisahkan ini dapat bertemu sama-sama memahami sesama sendiri dan saya rasa keakraban antara kaum dan antara etnik ini akan tentu sekali wujud dengan baik dan dengan sihat.

**Tuan M. Munusamy:** Minta laluan.

**Dato' Lee Sing Chooi:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan M. Munusamy dan kemudian Dato' Lee Sing Chooi.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya saya sangat tertarik dengan idea Yang Berhormat bagi mewujudkan atau mengeratkan lagi perpaduan dan persefahaman antara pelajar-pelajar kita, anak-anak muda kita. Saya difahamkan dua hari lalu pihak kerajaan telah menjawab soalan saya berhubung Program RIMUP yang dijalankan secara komplot di sekolah-sekolah, yang mana sekolah-sekolah vernakular dan sekolah-sekolah kebangsaan bersama-sama menjalankan program. Saya rasa

program seperti ini seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi boleh dilanjutkan lagi bukan sahaja tiga bulan atau enam bulan sekali, tetapi sebulan sekali.

Pelajar-pelajar di sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina boleh mendapat lebih peluang untuk bergaul dengan rakan-rakan mereka dari sekolah-sekolah kebangsaan yang terdiri daripada kaum Melayu dan lain-lain kaum. Bukan sahaja itu, saya rasa pihak kementerian juga perlu mengadakan satu program supaya suasana untuk mereka bergaul itu dipergiatkan lagi supaya mereka boleh ada suasana mereka ada peluang, bukan sahaja sukan, tetapi lain-lain aktiviti.

Cadangan *twinning program* bersama satu *colleague sister* atau *brotherhood* itu adalah sangat-sangat digalakkan. Supaya bukan sahaja mereka bertemu pada hari yang di mana mereka menjalankan aktiviti, selepas waktu aktiviti, selepas waktu sekolah mereka juga berpeluang, mereka juga boleh berjumpa dengan seseorang mereka juga boleh bergaul dan banyak aktiviti yang boleh dijalankan oleh mereka.

Saya juga ingin cadangkan satu lagi bukan sahaja pelajar-pelajar tetapi kalau boleh guru-guru dan ibu bapa juga terlibat dalam program seperti ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1510

**Dato' Lee Sing Chooi:** Saya setujulah dengan pandangan Yang Berhormat Dr. tadi. Berkenaan dengan *training* dan kolej yang adik-beradik itu, kakak-adik atau abang-adik angkat itu supaya lebih berinteraksi dan juga kefahaman antara semua generasi-generasi baru ini. Ini saya minta Kementerian Pelajaran ambil berat cadangan ini supaya rancangan RIMUP yang disebut tadi oleh kawan saya tadi dipergiatkan dan juga beri peruntukan yang sewajarnya supaya aktiviti-aktiviti tersebut boleh dirancang dan dijalankan dengan lebih rancak. Idea RIMUP yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semasa Pak Lah menjadi Menteri Pendidikan dahulu, saya harap rancangan ini dapat betul-betul dijalankan, dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Sekarang ini nampaknya keberkesanannya agak lemah dan saya harap Kementerian Pelajaran ambil berat, supaya rancangan ini betul-betul dijalankan dengan lebih memuaskan dan mendatangkan matlamat-matlamat yang diinginkan oleh pemimpin-pemimpin dan juga rakyat Malaysia ini. Saya setujulah dengan yang tadi itu. Bukan sahaja murid, guru-guru dan juga ibu bapa-ibu bapa juga ambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang dan aktiviti-aktiviti ini patut dijalankan sepanjang tahun. Bila cuti, boleh diadakan perkhemahan supaya mereka berada dalam satu khemah, berinteraksi dan juga bergaul supaya lebih bersefahaman. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira bahawa ramai di antara sahabat-sahabat saya, seorang India, seorang Tionghoa memang bersetuju dengan cadangan ini, saya rasa memang adalah satu cadangan yang boleh dilakukan, satu



cadangan yang boleh diimplementasikan dengan segera. Di sini saya bersetuju supaya guru-guru juga berinteraksi sebagai sahabat, bukan sebagai guru dengan guru, tetapi akhirnya akan terjalin satu persahabatan yang akrab yang akan tentu sekali membangunkan suasana yang lebih ceria, suasana yang aman, yang membolehkan hubungan rapat diadakan di antara kaum.

Ini saya rasa Kementerian Pelajaran harus mengambil nota dengan serius tentang apa yang dikatakan oleh kita di sini. Oleh kerana tiga daripada kaum terbesar di negara kita sudah pun bersetuju dengan cadangan *training*. Saya ingin menyarankan supaya *integration plan for unity* ataupun pelan untuk integrasi di sekolah yang sejumlahnya RM25.9 *million* yang sudah pun diperkenalkan dapat ditingkatkan pada bajet yang akan datang supaya program ini dapat dijalankan dengan secara lebih menyeluruh di seluruh negara ini. Perpaduan menjadi tonggak segala-galanya, jadi kita harus mencari apa jua jalan yang ada yang dapat diimplementasikan dengan mudah diadakan dan disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap tentang sesuatu yang sering menjadi kontroversi iaitu pertumbuhan dengan pengagihan yang sudah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad. Ramai di antara kita rakyat Malaysia tidak memahami apa yang dimaksudkan dengan pertumbuhan dan pengagihan itu dan kenapa ianya merupakan satu dasar kebangsaan, satu dasar nasional dan bukan satu dasar perkauman. Oleh kerana selalu kita dengar ialah Dasar Ekonomi Baru ialah untuk bumiputera. Itu sahaja yang kita faham dengan semangat Dasar Ekonomi Baru dengan apa yang dikatakan dengan tindakan *affirmative* itu.

Sebenarnya ianya bertujuan untuk memastikan sejumlah penduduk yang besar iaitu 63% daripada penduduk negara ini adalah bumiputera dan ramai di antara mereka yang masih lagi tidak mencapai taraf pembangunan yang mencukupi kerana jurang perbezaan dalam pendapatan masih lebar. Umpamanya jurang perbezaan di antara Melayu dengan India ialah 1:1.29. Ini bermakna kalau dengan secara mudahnya ialah tiap-tiap RM1 yang saya peroleh, Yang Berhormat Munusamy mendapat RM1.29. Kalau kita masukkan soal *velocity* duit, M1 dan M2 umpamanya dan ianya akan meningkat dengan lebih lagi. Jurang perbezaan di antara Melayu bumiputera dengan Cina ialah 1:1.64.

Sebelum DEB diperkenalkan pada tahun 1971, jurang ini lebih lebar lagi dan *Gini Coefficient* kita iaitu ukuran untuk menentukan jurang perbezaan itu amat besar sekali. Ini tujuannya lagi sekali saya menyebutkan soal *affirmative action* ini, soal pertumbuhan dengan penagihan ini dijadikan satu soal perkauman oleh kerana sejumlah besar yang terlibat dalam mana jurang perbezaan dalam pendapatan itu hendak ditingkatkan, adalah orang-orang bumiputera. Itulah sebabnya.

Jadi kalau kita memahami realiti, memahami fakta, memahami falsafah pertumbuhan dengan pengagihan ini, maka ianya tidak harus menjadi satu fakta yang kita mempertikaikan. Oleh kerana hasil daripada peningkatan jumlah pendapatan sejumlah besar ini yang saya panggil

*critical must* 63% ini, ia akan meningkatkan PPP, *purchasing power parity* yang apa maknanya. Jumlah wang ataupun kuasa membeli satu jumlah penduduk yang besar ini tentu sekali akan mengakibatkan atau menghasilkan *trickle down effect*, *spill over*, apa yang kita panggilkan *spill over effect* itu. Mesti adalah kaitan-kaitannya dengan ekonomi yang sedia ada.

Jadi ini kalau kita faham, kita tidak mempertikaikan; sebab akhirnya yang akan mendapat untung daripada ini adalah mereka yang sudah pun mempunyai kuasa ekonomi, *retail* nya, *wholesale* nya. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara yang saya muliakan, harus kita faham perkara ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Mohon laluan, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya amat tertarik dengan hujah *income disparity* ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkukuhkan lagi hujah betapa pentingnya pendekatan ataupun dasar pertumbuhan dan pengagihan, *growth with equity* ini. Iaitu kalau kita melihat kepada *income disparity* ini, maka jelas sebenarnya bahawa dasar pengagihan ini adalah dasar yang amat diperlukan supaya tidak berlaku jurang antara pelbagai kaum yang kadang-kadang orang salah faham bahawa dasar-dasar *affirmative* ini seolah-olah berlaku penindasan dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bahawa apakah dengan dasar pengagihan ini, jika sekiranya Perdana Menteri pernah menyebut bahawa dia akan berusaha supaya *income disparity* ini ialah *one into one*, bukan lagi 1.6 dan 1.29. Jadi kalau sekiranya Perdana Menteri menyatakan bahawa dia akan memastikan *income disparity* ini ialah *one into one*, apakah Yang Berhormat yakin ini akan tercapai? Apakah Yang Berhormat rasakan akan menimbulkan pula lebih banyak salah sangka sebenarnya. Saya ingin pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat. Tujuan falsafah pertumbuhan dengan pengagihan ini sudah pun diterima pakai oleh World Bank tetapi ia menggunakan penggunaan yang lain. Dia memanggilnya sebagai dengan izin, *broad based development*.

■1520

Kita menggunakannya sebagai pengagihan melalui pertumbuhan. Sememang tujuannya ialah untuk mencapai kesamarataan ataupun keseimbangan sebab di negara yang majmuk seperti negara kita ini kita tidak boleh melihat terlalu banyak dan lebarnya *disparity* di antara kaum oleh kerana ini bukan merupakan sesuatu yang sihat.

Perdana Menteri, sungguhpun dikutuk - di sini perkataannya yang tidak manis 'dikutuk' dan dikritik ramai oleh kerana dasar yang dipegangnya ini tetapi kalau kita melihat erti kata yang sebenarnya untuk mencapai kesamarataan dan dengan itu keamanan dan ketenteraman yang lebih lagi antara kaum, maka kita harus terus memikul dasar ini dan menjadi ia satu kejayaan. Mungkin satu persatu itu adalah sesuatu yang sukar diperoleh tetapi kalau jurang perbezaan,

kalau *Gini Coefficient* itu dapat kita turunkan kepada 0:36 maka tentu sekali kita sudah mencapai satu kejayaan yang mengagumkan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar yang kita guna pakai di Malaysia ini hendak dicontohi oleh pelbagai negara. Semasa saya berada di London, Uganda, *South Africa* tentu sudah sekali mahu mengguna pakai oleh kerana majoriti daripada penduduk di Afrika Selatan terdiri daripada kaum *Blacks* - daripada kaum orang Afrika Selatan, jauh ketinggalan oleh kerana dasar *Apartheid* yang ditinggalkan dahulu. Jadi mereka akan mengguna pakai apa yang kita gunakan di sini.

Kemusykilan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad adalah sesuatu yang harus kita terima sebagai suatu realiti. Untuk mencapai sesuatu kejayaan itu harus ada komitmen yang sebenarnya keikhlasan. Tidak ada ketirisan di dalam pelaksanaan, tidak ada kebocoran - tiris itu sikit kalau bocor itu lebih besar. Kalau ada ini maka segala hajat, segala matlamat, segala objektif yang mulia ini tidak akan dapat kita capai dengan mudah tetapi yakinlah kalau semua penduduk di negara kita ini memahami matlamat di sebalik pertumbuhan dan pengagihan ini tentu sekali kita dapat menjalankannya dengan baik. Pelaksanaan juga akan licin.

Saya bukan bermaksud sahabat-sahabat saya daripada kaum lain; tidak. Bukan saya bermaksud bahawa kaum-kaum etnik sahabat saya akan menentang dasar ini tetapi mereka yang melaksanakan itu yang saya khuatir. Saya rasakan kaum-kaum etnik yang memahami faedah yang akan diperoleh daripada dasar ini tetapi mereka yang melaksanakan ini adakah mereka benar-benar memahami. Kadangkala agenda persendirian itu jauh lebih tinggi daripada agenda nasional kita. Ini yang dikhuatiri.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Berkenaan dengan pertumbuhan dan pengagihan satu yang selalu dipakai adalah gaji atau pendapatan purata. Pada pendapat saya kalau hendak menggunakan gaji atau pendapatan purata kita mesti berhati-hati. Ini kerana gaji purata kalau digunakan dengan tidak baik.

Umpamanya seseorang itu mempunyai gajinya sebanyak RM6,000 sebulan dan seorang lagi RM200 sebulan. *Average* am itu sudah jadi RM3,100. Keluarga yang mendapat RM200 sebulan itu kalau kedua-dua dibandingkan dengan *average* mendapat RM3,000 lebih, nampaknya semua sudah okey. Dengan contoh itu mestilah dijaga apakah sasaran kita untuk menolong mereka yang betul-betul berkehendak. Mereka yang bergaji rendah dan juga keluarga yang berpendapatan rendah kalau kita sasarkan usaha-usaha kerajaan dan usaha-usaha kita ke atas golongan sasar ini maka pendapatan mereka dapat ditingkatkan.

Saya juga bersetuju mengguna pakai *Gini Coefficient*, tetapi ini satu istilah pakar ekonomi, rakyat tidak tahu apa dia *Gini Coefficient*. Kita hendak tengok pengagihan atau pendapatan keluarga yang miskin, yang kurang berada itu supaya seluruh rakyat Malaysia mendapat manfaat semasa kita melangkah 50 tahun yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato'. Sebenarnya dasar pertumbuhan dan pengagihan tidak ada kena mengena dengan mencapai gaji purata. Ini adalah satu mekanisme mikro iaitu dalam pembangunan secara menyeluruhnya jurang perbezaan *parity* itu bukan antara individu dengan individu, tetapi *parity* yang dimaksudkan di sini ialah antara kaum dengan satu kaum yang lain. Ia juga melibatkan jurang perbezaan intra kaum maknanya mereka yang kaya daripada bangsa Cina dengan mereka yang kurang berupaya dalam bangsa Cina.

Ini juga antara matlamat kerajaan dalam pertumbuhan dengan pengagihan. Maknanya jurang perbezaan di antara yang berada di kalangan orang Cina dengan yang tidak di kalangan orang Cina itu juga hendak didekatkan. Bukan kita hendak menyediakan gaji yang purata di antara individu di seluruh penduduk rakyat kita. *Gini Coefficient* ialah *pekali Gini* saya rasa dalam bahasa Malaysiana ialah untuk mengukur jurang perbezaan. Itu sahaja.

Jadi, sekarang ini jurang perbezaan intra kaum, Cina dengan Cina; Melayu dengan Melayu dan *inter* kaum antara Cina dengan Melayu dan Cina dengan India, Melayu dengan India adalah sungguh lebar. Jadi, tujuan pertumbuhan dengan pengagihan ialah untuk mendekatkan jurang ini supaya nikmat pembangunan itu dapat di kecapai dengan sama rata. Sama rata ini bukan maknanya RM1000 dengan RM1000, tetapi jurang itu tidak begitu lebar.

Jadi ketidakpuasan hati sesetengah manusia penduduk dalam negara kita ini tidak akan timbul, sebab untuk mendapatkan *Gini Coefficient* yang 0 itu adalah mustahil, tetapi *Gini Coefficient* yang satu, bermakna Bill Gates seorang sahaja di dunia ini yang ada wang, kita semua tidak ada wang. Jadi, kita hendak mencapai satu tahap pertengahan yang memuaskan hati semua, yang akan menentukan bahawa pembangunan dan apa juga yang di kecapai dalam pembangunan itu akan dirasakan oleh semua. Tidak ada mereka yang terlalu miskin dan tidak mereka yang terlalu kaya. Dengan itulah saya rasa kita adakan pembangunan wilayah koridor yang diperkenalkan baru-baru ini iaitu NCER, ECER dan IDER di Johor Bahru.

Tujuannya ialah untuk membawa program pembangunan dengan secara fizikal. Sekarang ini konsentrasinya hanya di Selangor, Wilayah Persekutuan, Penang dan Johor tetapi kita hendak membawa segala aspek pembangunan kepada wilayah-wilayah yang jauh ke belakang.

#### ■ 1530

Terutama sekali di Pantai Timur, dengan maaf, tapi ini satu kenyataan di Pantai Timur jumlah kemiskinan yang tertinggi sekali adalah di Pantai Timur diketuai oleh Kelantan. Sungguhpun Kelantan merupakan negeri pembangkang, kita masih membawa pembangunan kepada negeri ini, kerana apa? Kita hendakkan semua rakyat menjiwai sama-sama berjuang untuk menentukan bahawa nikmat pembangunan itu dirasakan oleh semua.

Inilah kerajaan yang prihatin, tapi keprihatinan ini tidak dihargai oleh sesetengah orang. Jadi ungkapan kesyukuran itu tiada ini adalah sesuatu kenyataan juga. Walau apa pun, inilah tujuan Pembangunan Wilayah supaya insya-Allah yang miskin itu akan mendapat pekerjaan, bermula dengan pekerjaan daripada apa yang akan dilakukan dan akan dibangunkan di Terengganu, di Kelantan dan di Pahang umpamanya.

Jalan raya yang akan dibina adalah satu komunikasi yang akan membolehkan perkembangan ekonomi dan segala-galanya yang sudah pun dicadangkan di bawah Petronas umpamanya saya rasa cadangan yang terperinci belum lagi dikeluarkan, tapi tentu sekali segala-gala elemen ini akan dimasukkan di dalam *blue print* untuk ECER.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya bercakap sedikit tentang Kementerian Kesihatan. Kementerian Pendidikan Tinggi saya rasa saya sudah kaitkan dengan Kementerian Pelajaran cuma satu sahaja saya khuatir. Universiti Apex ini, bagaimana kita hendak mencapai Universiti Apex? Pada saya *Apex University* itu adalah sesuatu yang harus hidup dengan sendirinya. Mesti ada *sense* ataupun semangat untuk mencapai kejayaan, macam *banking*lah Tuan Yang di-Pertua, ada *tier one*, *tier two* dan *tier tiga* dulu sebelum *consolidation of the banking sector* dengan izin. Sekarang ini universiti itu sendiri untuk mencapai tahap ataupun panggilan pengiktirafan universiti Apex, ia jangan kita kenal pasti sekarang.

Mereka harus berlumba untuk mendapat pengiktirafan Universiti Apex. Ada orang yang mengatakan bahawa, masakan kita dapat mewujudkan Universiti Apex ini walhal di negara Amerika dan United Kingdom ia memakan masa yang begitu lama sebelum ianya menjadi satu universiti institusi yang jaguh. Permulaan harus bermula dengan satu langkah yang pertama. Inilah langkah yang pertama yang saya rasa Kementerian Pengajian Tinggi sudah pun melakukan sesuatu yang harus kita memberi sokongan.

Kementerian Kesihatan, saya terbaca satu laporan daripada WHO yang mengatakan bahawa di dunia ini lebih kurang 60% daripada ubat-ubatan yang dikeluarkan di seluruh dunia ini tidak mesra kanak-kanak. Maknanya, kebanyakan penyakit yang dihadapi oleh kanak-kanak diberikan ubat yang sama seperti yang diberikan kepada si tua macam saya ini. Metabolisme kanak-kanak jauh berlainan daripada kita. Bayangkan yang teruk sekali ialah kanak-kanak yang menghadapi HIV/AIDS. Kombinasi ubat yang mereka harus makan, mereka harus ambil adalah pelbagai, bermacam-macam. Bayangkan ubat ini juga yang diberikan kepada anak-anak kita.

Jadi apakah dasar, apakah cadangan Kementerian Kesihatan untuk menentukan bahawa adanya dikeluarkan ubat-ubat yang mesra kanak-kanak ini. Saya harap adalah pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan. Oleh kerana saya rasakan ini juga adalah satu tindakan untuk menjaga dan membangun modal insan.

Kanak-kanak inilah akan satu hari menjadi pemimpin besar kita. Kalau mereka umpama malaria dan disenteri, ubat yang sama yang diberikan mak-mak dan tok-tok kepada anak-anak,

ini adalah sesuatu yang tidak kena. Jadi adakah cadangan kementerian untuk membolehkan GLC ataupun Pharmaniaga umpama yang ada sekarang ini membuat *research* atau penyelidikan dan mengeluarkan satu jenis ubat, bukan satulah, pelbagai ubat yang diperlukan oleh kanak-kanak.

Saya rasa kita ini lebih sayang kepada yang tua-tua daripada anak-anak. Jadi saya rasakan ini adalah satu yang mungkin kita lepas pandang. Seluruh dunia lepas pandang tentang hal ini kerana yang diberi tekanan oleh FDA umpamanya ialah ubat-ubat yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat besar untuk mereka yang umur 20 tahun ke atas, yang 16 tahun dan 15 tahun ke atas, tetapi yang kanak-kanak 5 tahun ke bawah tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri, saya ingin menyentuh tentang soal *climax change* yang pada kala ini sedang hangat dibahaskan di Bali. Tuan Yang di-Pertua, kadangkang soal perubahan iklim ini kita tidak merasai, sebab kalau naik pun suhu 2% kita tidak rasa. Memang kita dunia panas, tetapi *polar bear* di Kutub Utara yang tidak suka berenang sudah pun berenang sekarang kerana suhu sudah pun meningkat. Ini bukan sahaja sesuatu yang jauh daripada pandangan kita sebab kita tidak merasainya. Kita dalam Dewan yang mulia ini, *air-conditioned* yang begitu kuat sekali sehinggakan terpaksa pakai kot. Padahal ini negara tropika.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan lestari ialah sesuatu yang harus kita faham. Ini bermakna pembangunan hari ini untuk memenuhi keperluan kita hari ini haruslah sesuatu yang tidak akan memusnahkan keperluan anak cucu kita di masa hadapan. Kalaulah segala tindakan kita ambil sekarang ini dalam pembangunan akan memusnahkan alam sekitar kita dan ekosistem kita, ia menjejaskan masa hadapan anak-anak kita.

Sekarang ini di Bali umpamanya, negara Amerika Syarikat enggan menerima tahap kenaikan *emission* dengan izin, *carbon dioxide* atau Co2. Walhal Amerika Syarikat ialah mereka yang mengeluarkan Co2 yang terbesar sekali, 30% satu negara sahaja. Negara Eropah 23% daripada pengeluaran Co2. Mereka enggan oleh kerana apa? Sebab saya rasa memang atas sebab-sebab tamak dan haloba. Mereka tidak mahu memberhentikan pembangunan di negara mereka, mereka hendak berterus sesuka hati mereka.

Yang jadi masalahnya ialah soal perubahan iklim ini ialah soal globalisasi yang sebenarnya. Sebab melalui *atmospheric transportation*, dengan izin, kita juga kena. Negara-negara miskinlah yang mempunyai impak yang ternegatif sekali. Sebab jika apa jua yang berlaku, kita tidak mempunyai keupayaan melindungi diri kita daripada apa jua yang berlaku berbanding dengan Amerika Syarikat.

Dalam erti katanya ialah, seorang penulis namanya Jared Diamond dia menulis satu buku mengenai *The Collapse of Civilization* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dia mengatakan pada negara Amerika Syarikat yang bertingkah yang berlaku macam ini, sebenarnya menempah

tiket untuk mati penghabisan sekali. Mati tetap mati, akibat daripada impak *global warming*, ia sudah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat Dr. Puad.

Kita di sini harus mengambil perhatian sebenarnya. Alam sekitar kita dicerobohi Tuan Yang di-Pertua. Sungai-sungai kita dicemari dari sejak tahun 1978 kita menyanyi. Kempen 'Sayangkan Sungai' melalui nyanyian tidak menjadi Tuan Yang di-Pertua. "*Sayanglah sungai, sayanglah sungai...*" Lagi menyanyi, lagi sungai kita tercemar.

Maka kita harus mengambil tindakan yang lain. Tidak payah berkempen umpamanya, tetapi tindakan perundangan umpamanya untuk menentukan bahawa pemeliharaan alam sekitar ini akan terjaga.

#### ■ 1540

Bukit-bukit seperti saya sebutkan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kerana pembangunan kita tidak jaga alam sekitar. *Well-being* dengan izin, yang kita mencari daripada pembangunan akan akhirnya merosakkan alam sekitar dan akibatnya kita sendiri tidak akan mencapai *well-being* ataupun kemakmuran yang kita cari.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau kita melihat suasana negara kita sekarang ini yang sedang dilanda banjir, memang kita sepatutnya merasa risau dan bimbang dengan apa yang berlaku, yang selalu disebut sekarang ini ialah *global warming* ini. Namun tidak ramai orang yang mahu menghayati isu ini kerana barangkali belum terkena kepada diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke Johor menggunakan helikopter, kita pun bimbang melihat cuaca ketika itu boleh turun ke tidak boleh turun dan sebagainya, sedangkan di sana sini kita dah mula dengar air naik, hujan tak berhenti. Sesetengah orang dia tidak melihat itu sebagai satu perkara yang serius, dia bila tengok hujan dia nak buat majlis, panggil bomoh untuk alih hujan tetapi dia tidak sedar bahawa ada faktor lain yang sepatutnya dia ambil kira supaya perkara-perkara seperti ini tidak berlaku. Sebab itulah kita bimbang tanah runtuh kita masih juga buat projek di lereng-lereng bukit dan sebagainya, ini soal penguatkuasaan sebenarnya.

Isu kita sekarang ini soal penguatkuasaan, saya dah sebut bahawa kita sudah banyak undang-undang. Kita ambil contoh semalam, tujuh orang terkorban kerana isunya ialah bas ekspres brek dia tidak *sufficient* dan tujuh orang terkorban di tempat yang sering berlaku malapetaka ataupun tragedi seperti ini, yang sudah pun kita sebut banyak kali tetapi berlaku juga. Kita dah sebut banyak kali, memperingatkan kepada JPJ periksa bas ini brek dia, pemandu dia, semua dah kita sebut dah tetapi beginilah bila kita menjerit mereka buat lepas itu senyap balik. Inilah yang kita kecewa bila semalam tujuh orang terkorban atas peristiwa yang selalu kita sebut atas isu yang sama iaitu soal penguatkuasaan yang cukup lemah sedangkan peraturan dan undang-undang sudah *sufficient*, dengan izin, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu, ada orang bangkitkan tentang *driver* bas ekspres, terdiri daripada warga asing. Ini wujud tetapi tidak ada pemeriksaan yang dilakukan secara konsisten dan menyeluruh dan berulang lagi. Sebab itulah dalam isu klimaks ini, kita bimbang jika tidak ada kesedaran tentang *global warming* ini sedangkan kita pun setiap hari sekarang ini hujan dan sebagainya. Maka saya bimbang ini akan menyebabkan pembangunan yang lestari ini tidak akan berlaku dan sebenarnya akan menyusahkan dari segi masa depan kita sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Saya amat bersetuju dengan huraian dan komen yang dilakukan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi, pemantauan dan penguatkuasaan itu adalah kelemahan yang terbesar sebenarnya yang kita hadapi sekarang ini.

Oleh kerana saya melihat umpamanya Highlands Towers, tragedi demi tragedi sudah pun berlaku dan kita lihat dalam laporan surat khabar bangunan yang tinggi di lereng bukit masih juga diberi kelulusan untuk pembinaan. Ini membayangkan kepada saya satu penguatkuasaan tidak mencukupi tidak ada, satu lagi sesuatu yang tidak kenalah, apa pasai ini? Masih juga diberi kelulusan. Ini kalau kita sebut perkataan yang terdekat dalam pemikiran saya ialah *corruption!* Mungkin kah berlaku bayaran bawah meja untuk mendapat kelulusan, mungkin juga! Apa pun sebabnya, akhirnya ada mereka yang akan mendapat akibat yang malang daripada kerakusan ini.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa penerangan yang secara menyeluruh harus diadakan supaya rakyat jelata termasuk juga kita semua pemimpin meresapi, memahami, menghayati impak dan skala masalah perubahan iklim dan juga apa yang dikatakan dengan *global warming*.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato' Haji Idris.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang berucap terima kasih. Saya ingin juga menyentuh, meminta pendapat Yang Berhormat yang berucap tentang *global warming* telah diperkatakan. Sebenarnya yang membuat dunia ini ataupun planet kita ini makin panas adalah orang-orang yang telah dulu maju daripada kita seperti USA dan Eropah juga mungkin sebelah China dan sebagainya.

Oleh kerana *green house effect* dengan izin yang berlaku jika sesuatu suhu itu naik ialah 1% kalau lihat Al Gore dalam cerita dan sebagainya. Menerusi *green house effect* kesan radiasi yang memantul balik ke bumi akan memusnahkan manusia sejagat secara perlahan-perlahan. Sekali gus ketulan-ketulan ais di kutub utara juga selatan akan menjadi cair dan menaikkan air paras laut lebih tinggi.

Baru-baru ini kita dengar Yang Berhormat, kita dengar dalam beberapa siri *Discovery* dan juga *National Geography*. Bangkok mempunyai pengalaman peningkatan air laut sebanyak



empat inci setiap tahun, mereka jangka Bangkok akan tenggelam 15 tahun mungkin, kalau itu berterusan. Begitu juga Pulau Trabalu telah mengalami kesan paras air laut tenggelam.

Jadi penjenayah-penjenayah yang membuat *global warming* ini di USA yang menandatangani perjanjian Kyoto Protokol tetapi tidak meratifikasikannya dan juga beberapa negara-negara Eropah ataupun China, Korea, haruslah tanggungjawab lebih. Namun apakah peranan negara kita untuk memastikan mereka ini akur dengan kehendak Kyoto Protokol, sebab walaupun kita menjaga sungai kita, menjaga pokok hutan-hutan kita dan semuanya itu tetapi oleh kerana kesan *green house effect*, dengan izin, kita tetap mengalami risiko untuk sama-sama tenggelam dengan pulau-pulau ataupun tempat-tempat yang saya sebutkan tadi.

Tidak mustahil Malaya, Sarawak, Sabah dan Borneo Kalimantan hidup di bawah paras air laut. Mungkin kita terpaksa belajar berenang dan memakai *oxygen mask* dalam *submarine* dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Amerika Syarikat tidak pernah menandatangani Kyoto Protokol, yang tidak menandatangani Amerika Syarikat dan juga Australia tetapi Kevin Rudd sudah pun menandatangani.

#### ■ 1550

Pandangan daripada Eropah, ialah mereka *firm*, mereka tegas, akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menentukan bahawa pengeluaran karbon dioksida di udara tidak akan meningkat mengikut apa yang ditentukan iaitu 2° daripada *pre-industrial era*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pandangan atau sekiranya ia merupakan pandangan oleh sebab yang jahat-jahat, yang besar-besar penyangak itu tidak mahu melakukan sesuatu untuk menyekat penambahan pengeluaran Co<sub>2</sub>, kita harus tidak berlaku apa-apa sebab akhirnya kita akan juga mendapat impaknya, tidak. Kita harus memelihara alam sekitar kita yang terdekat dengan kita, yang mempunyai impak yang *direct* secara langsung dengan kita. Walau apa pun, kita akan terpelihara dalam jangka masa yang panjang. Oleh sebab yang datang itu adalah secara *indirect*lah sungguhpun Johor sekarang ini dilanda oleh banjir yang keterlaluan.

Memang benar Amerika Syarikat 30% daripada pengeluaran Co<sub>2</sub> adalah daripada Amerika Syarikat dan China janganlah kita marah sangat dengan China, dia hanya 2%. 2% dari pengeluaran tetapi memandangkan jumlah penduduk China dan kepesatan pembangunan di negara China, tentu sekali jumlah ataupun peratusan pengeluaran Co<sub>2</sub> akan meningkat dengan lebih tinggi tetapi China berkesanggupan untuk menentukan bahawa *green house effect* dan juga apa jua *the Co<sub>2</sub> admission* itu akan terkawal. Ini mereka yang sayangkan negara mereka tetapi proses dengan izin *desertification* di negara China begitu besar sekali sekarang ini. Menakutkan Tuan Yang di-Pertua sebab sungai hilang, perkampungan yang dahulunya kehijauan dengan buah-buahan sudah ghaib hilang oleh kerana *climate change*, *global warming*. Inilah getirnya,

saya apabila menghadiri *conference* itu Tuan Yang di-Pertua, persidangan saya rasa takut macam, adakah ini merupakan hari kiamat? Adakah kita dekat dengan hari kiamat? Namun ada yang mengatakan, *sceptic* yang mengatakan bahawa dunia ini dia boleh *adjust* sendiri sebab dahulu kita melalui *the ice age*, habis semua mati tetapi kita dapat menyesuaikan balik supaya kita dapat keadaan iklim, keadaan dunia itu dapat kita sesuaikan diri kita. Namun dahulu jumlah penduduk, berapa kerat sahaja? Sekarang 3 bilion dekat. Ini maknanya impaknya amat drastik sekali.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak katakan di sini bahawa kita harus pelihara hubungan kita antara kaum. Perpaduan itu amat penting. Kita harus juga menjaga perhubungan kita dengan alam sekitar kita. Ini dua perkara, hubungan antara kita manusia di negara Malaysia dan hubungan kita dengan alam sekitar. Ini perkara yang pokok kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dengan hujah-hujah ini Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja untuk mengakhiri saya lupa, biodiesel ini, biofuel ini, saya takut Tuan Yang di-Pertua oleh sebab berleluasanya penggunaan biofuel dan biodiesel ini, saya takut harga makanan akan meningkat. Sebab sekarang ini pun, di Amerika Syarikat dan di Amerika Selatan, harga barangan sudah pun meningkat dengan begitu sekali oleh sebab banyak daripada jagung dan bahan makanan diterjemahkan ataupun dijadikan sebagai etanol, iaitu biofuel penggunaannya. Di sini pula kita pun begitu beria-ia untuk mengeluarkan biodiesel sebab minyak kelapa sawit merupakan satu bahan yang mengeluarkan biodiesel yang terbaik sekali tetapi sekarang ini ada pula di Eropah, seperti perjuangan kita seperti perjuangan Yang Berhormat Dato' Gooi bukan sahaja terhadap makanan, terhadap penggunaan minyak kelapa sawit sebagai biodiesel pun sudah mendapat sekatan.

Di kalangan kita pula, kita takut dua perkara. Pertama, ia oleh sebab dalam keghairahan untuk mengeluarkan biodiesel kita tidak cuaikan pemakanan. Penggunaan kelapa sawit sebagai pemakanan, marjerin dan lain-lain. Keduanya, ini masa kita mengeluarkan cadangan untuk menambahkan ataupun menggunakan *renewable fuel* ini, *alternative fuel*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ramai mendapat lesen untuk mengeluarkan biodiesel tetapi sekarang jelas bahawa lesen itu digantung dan di *frame* tetapi pengeluaran tidak pun bermula. Maka mereka yang mempunyai semangat 'hangat-hangat tahi ayam' ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita tarik balik lesen mereka dan bagi kepada mereka yang sentiasa hangat dan akan sebenarnya melaksanakan apa yang dia kata, dia akan laksanakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri, saya rasa kita di sini harus mengingat kembali kepada hubungan antara kita, hubungan kita dengan alam sekitar kita. Dengan ini saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan M. Munusamy.

**3.56 ptg.**

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2008.

Saya ingin ambil kesempatan ini terlebih dahulu untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah membentangkan Bajet 2008. Bajet ini yang bertema 'Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran' adalah bajet yang sesuai kepada masa, tepat pada masanya. Dalam bajet, beliau telah menyentuh banyak perkara berkaitan dengan bagaimana kita bersama boleh membina negara termasuk juga penglibatan sektor korporat dalam pembangunan negara dan juga modal insan dan juga bagaimana kita akan menikmati kemakmuran ini. Setiap kali bajet dibentangkan, biasanya anggapan daripada penduduk ataupun rakyat Malaysia adalah naik harga, dapat bonus dan sebagainya, tetapi kali ini adalah berbeza sedikit.

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dalam perbincangan ini saya ingin cuma mengutarakan beberapa perkara sahaja. Pertama, berhubung dengan perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam yang menjadi nadi kepada struktur pentadbiran hari ini telah menampakkan perubahan. Walaupun banyak yang boleh diperbaiki, teguran Pak Lah sedikit sebanyak telah membawa anjakan baru dalam kualiti perkhidmatan yang diberikan. Saya percaya beliaulah yang paling layak memberi pandangan dan kritikan kerana di peringkat awal sebelum menceburi bidang politik sepenuhnya, beliau memulakan kariernya dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, selepas mengambil alih pucuk pimpinan negara lebih empat tahun yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita antara lain berjanji untuk memerangi rasuah dan memperbaiki sistem penyampaian awam. Tindakan susulan yang beliau ambil, kemudian cukup konsisten dengan janji itu. Ini termasuk membentuk Suruhanjaya Diraja bagi penambahbaikan perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, penubuhan Institut Integriti Nasional dan pengenalan Pelan Integriti Nasional. Kerajaan mengambil langkah menambah baik sistem penyampaiannya bagi memastikan perkhidmatan cekap dan berkualiti yang mampu meningkatkan pandangan rakyat ke atas jentera kerajaan.

**■ 1600**

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha ke arah meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Usaha-usaha ini telah menunjukkan hasil yang menggalakkan di mana tahap kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan di kebanyakan agensi kerajaan telah bertambah baik. *For the state to stay relevant, it must always place a high premium on the needs of citizen*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** *On the needs of?*

**Tuan M. Munusamy:** *On the needs of citizen*, rakyat. Tuan Yang di-Pertua, antara lain kerajaan mewujudkan pejabat perkhidmatan pelanggan dan pusat sehenti portal perkhidmatan awam menyeluruh dengan penggunaan teknologi komunikasi maklumat. Bagi memperluaskan pencapaian perkhidmatan untuk orang ramai selain meningkatkan masa tindakan.

Satu agensi penting ialah Biro Pengaduan Awam. Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya semua jentera kerajaan menjalankan peranan mereka sebaik mungkin dan juga harus sedar bahawa mereka berkhidmat untuk rakyat. Dengan pelancaran *public opinion poll* dengan izin, di bawah Biro Pengaduan Awam merupakan satu langkah penting yang akan membolehkan rakyat menyuarakan ketidakpuasan mereka mengenai mana-mana jabatan secara langsung kemudahan ini membolehkan biro tersebut mara setapak lagi ke arah pendemokrasian suara rakyat.

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap juga perlu bagi memenuhi tuntutan rakyat dan masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Kesemua usaha ini adalah bertujuan untuk memantapkan dan memperkasa peranan dan fungsi tiga institusi utama di peringkat pentadbiran daerah bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan memuaskan hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi cemerlang seperti ini menerapkan budaya untuk terus-menerus menambah baik kualiti perkhidmatan yang diberikan. *A quality drive is not on an effort but implicit in the organizations culture and business practices and processes*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa kata itu?

**Tuan M. Munusamy:** *I just quote this idea*. Terima kasih. Kecekalan mereka mengenal pasti peluang-peluang yang wujud bagi menambah baik prestasi dan kualiti perkhidmatan mendorong semua lapisan pengurusan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon maaf. Selepas Tuan M. Munusamy giliran dalam senarai saya ialah Dato' Hajah Saripah Aminah.

**Tuan M. Munusamy:** Biar saya ulang lagi. Kecekalan mereka mengenal pasti peluang-peluang yang wujud bagi menambah baik prestasi dan kualiti perkhidmatan mendorong semua lapisan pengurusan dan anggota menjadi lebih inovatif dalam tindakan penambahbaikan. Ciri-ciri kecemerlangan ini begitu nyata dalam proses-proses kerja dan begitu sistematik dan jelas dan lazimnya telah diiktiraf sebagai mematuhi standard-standard yang ditetapkan. Apa yang lebih penting kecemerlangan ini dapat diukur dari kaca mata pelanggan dan sebilangan besar menyatakan kepuasan hati mereka dengan perkhidmatan yang telah disampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi usaha ke arah meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan adalah melalui penurunan dan perwakilan

kuasa. Ini berdasarkan kepada fakta bahawa pemusatan peningkatan peringkat membuat keputusan merupakan salah satu faktor utama yang sering menghalang penyampaian perkhidmatan yang cepat dan cekap.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memutuskan supaya agensi-agensi kerajaan melaksanakan pendekatan penurunan dan perwakilan kuasa bagi memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dengan lebih cepat dan cekap. Pendekatan ini adalah selaras dengan semangat *empowerment* dengan izin yang menggalakkan penglibatan pegawai di peringkat lebih rendah untuk turut serta dalam proses membuat keputusan. Penglibatan pegawai di peringkat bawah dalam proses membuat keputusan memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan sepenuhnya ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki dalam melaksanakan tugas bagi menambah baik perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan.

Malahan Perdana Menteri kita juga sering mengingatkan saranannya berhubung dengan *delegation of power* oleh pegawai atasan kepada pegawai-pegawai lain bertujuan membolehkan keputusan dibuat dengan cepat tanpa perlu bergantung kepada pegawai atasan semata-mata. Di samping itu melatih pegawai lain untuk membuat keputusan dan mengurangkan beban tugas pegawai atasan itu dan menggalakkan *bottle neck* dalam sistem penyampaian kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun proses pemantauan harus dijalankan ke atas pegawai-pegawai di peringkat rendah ini supaya penurunan dan perwakilan kuasa ini tidak disalahgunakan oleh pegawai rendah. Ini adalah penting terutamanya di peringkat kerajaan tempatan di mana sesuatu tindakan yang melulu akan mempunyai kesan yang besar ke atas usaha-usaha yang lain. Seperti kata Perdana Menteri kita pegawai atasan perlu pandai melatih dan membimbing pegawai bawahan dalam melaksanakan tugas dan membuat keputusan.

Langkah ini amat penting untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan dan penyampaian. Saya ingin menegaskan di sini bahawa pegawai-pegawai di peringkat rendah khususnya pegawai di PBT dan pegawai di daerah-daerah khususnya pegawai-pegawai penguat kuasa perlu mengambil kaedah sensitiviti kaum, sensitiviti agama, sensitiviti budaya seseorang ataupun satu kaum sebelum menjalankan tugas-tugas. Ini adalah sangat penting supaya tidak menimbulkan perkara-perkara yang tidak diingini. Oleh itu saya berharap bahawa pegawai-pegawai atasan apabila mendelegasi mereka kepada pegawai-pegawai rendah mungkin akan mengawasi perkara-perkara seperti ini harus diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, hampir dua tahun lalu kerajaan pernah menyatakan mahu mempertingkatkan penggunaan penilaian impak sosial atau PIS, di dalam kesemua projek pembangunan. Saya ingin bertanya adakah kerajaan masih melakukan penyelidikan sama ada PIS relevan dalam konteks negara kita ini. Jika pendidikan telah dilakukan, mengapa masih tidak ada laporan yang diterbitkan untuk tatapan umum.

## ▪ 1610

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah saya bertanya Yang Berhormat akan mengambil masa agak berapa lama lagi? Bukan apa semata-mata hendak bantu Yang Berhormat Dato' Saripah Aminah kalau-kalaulah beliau hendak ke bilik air kah, mudah beliau rancang. Yang Berhormat akan mengambil masa berapa lama lagi?

**Tuan M. Munusamy:** Mungkin 20 minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Jika penyelidikan telah dilakukan mengapa masih tidak ada laporan yang diterbitkan untuk tatapan umum. PIS merupakan antara pendekatan yang boleh dikenakan untuk mengesan impak tindakan kerajaan ke atas elemen sosial, persekitaran dan secara langsung mempunyai hubungan dengan modal insan yang menghuni Malaysia. Ia merangkumi banyak unsur termasuklah bagaimana individu berinteraksi dengan persekitarannya dan membabitkan hubungan dengan nilai dan norma budaya. Sistem ekonomi, sosial, aktiviti keagamaan, rekreasi, kejiranan, institusi spiritual, cara setiap etnik bergantung pada identiti diri, ekspresi lain seperti di dalam muzik, tarian, kesusasteraan, lukisan, nilai hidup bersama masyarakat dan ciri-ciri kehidupan berkomuniti.

Yang jelas di dalam suasana hari ini yang dibanjiri dengan migrasi dan pergerakan serta pemodenan di dunia tanpa sempadan, PIS akan membantu melihat kepada kesan ke atas persekitaran menyeluruh terutama populasi akibat pembangunan atau perubahan pelaksanaan dasar. Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira jika penilaian impak sosial dibuat. Antaranya Tuan Yang di-Pertua apakah struktur atau organisasi yang ada masih boleh bertahan atau stabil dari berasaskan perkembangan semasa perkitaran tersebut akan mengalami perubahan termasuklah kesan pembangunan ekonomi, kependudukan destinasi dan sosial.

Apakah penduduk di sekitar kawasan tersebut mengalami anjakan baru dari segi pendapatan, kekayaan atau perolehan pekerjaan. Bagaimanakah masyarakat setempat mendapat pekerjaan atau diberi pekerjaan. Adakah berdasarkan kepada aktiviti mereka atau apakah kesan perubahan ke atas kehidupan mereka? Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kesan struktur juga dirujuk kepada institusi dan komunitinya terutama bagaimana masyarakat yang mendapat kesan cuba membentuk kestabilan pada organisasi komunitinya secara formal ataupun informal.

Dimensi setiap kumpulan memainkan peranan terutama melaksanakan budaya sosial dan ekonomi dan kesan ke atas setiap dimensi tersebut. Sumber kuasa dan politik juga dianggap mempunyai pengaruh ke atas kuasa formal dan informal untuk melihat kesannya. Ini kerana individu komuniti dan keluarga mempunyai faktor tertentu yang mempunyai potensi untuk mempengaruhi kehidupan mereka. Corak perhubungan antara keluarga, rakan dan persekitaran juga penting. Bagaimanakah hubungan yang berbeza dapat berhubung antara satu sama lain.

Bagaimana tanah digunakan baik di kawasan luar bandar mahupun dalam bandar atau amalan spiritual, rekreasi dan konflik yang wujud di kalangan mereka.

Bagaimana dengan perlindungan dari polis, air, sistem perparitan, elektrik, sekolah, perpustakaan, kemudahan komputer. Kesemua ini penting jika kerajaan mahu melihat perubahan dalam mentaliti masyarakat Malaysia yang acap kali dilabel sebagai mentaliti masyarakat ketiga. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu, dua perkara iaitu berkenaan dengan membasmi kemiskinan tegar khususnya di kawasan bandar. Dalam bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan bahawa program pembasmian miskin tegar terutamanya di bandar akan dilaksanakan. Masyarakat bandar akan diberi galakan untuk membeli rumah dan sebagainya.

Masyarakat miskin di bandar ini apabila hendak beli rumah menghadapi banyak masalah. Terdapat golongan miskin di kawasan bandar yang mana mereka tiada mempunyai kerja yang tetap. Kadangkala mereka kerja sambil tetapi apabila mereka mendapat rumah atau cuba untuk membeli rumah murah, mereka menghadapi masalah untuk mendapat *loan* dari bank. Apabila mereka memohon untuk pinjaman di institusi kewangan banyak pula syarat-syarat dan mereka tidak memenuhi syarat dan tidak dapat membeli rumah dan keadaan mereka untuk mendapat rumah ataupun menjauhi daripada situasi kemiskinan ini tidak akan tercapai.

Baru-baru ini pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperkenalkan satu skim untuk membantu mereka membasmi kemiskinan di bandar, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang mana banyak jenis bantuan akan diberi kepada keluarga-keluarga miskin di kawasan bandar ataupun di kawasan majlis-majlis. Satu bantuan yang akan diberi adalah bantuan sewa rumah untuk mereka yang menyewa rumah di kawasan bandar. Apa yang kita lihat memang ini bagus, kita masyarakat bandar mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah memperkenalkan pelbagai bantuan. Saya difahamkan ada lapan jenis bantuan yang akan diberi kepada keluarga-keluarga miskin di kawasan bandar.

Apabila kita sebut bantuan bagi sewa rumah, kita menghadapi satu masalah lagi iaitu golongan yang mempunyai rumah terutamanya rumah murah. Apabila mereka tidak mampu membayar ansuran bulanan ke institusi kewangan. Terdapat juga kes-kes di mana keluarga menjadi miskin, *instant* miskin, *instant poor*, miskin segera apabila terdapat kemalangan dalam keluarga yang mana kehilangan mereka yang bekerja. Ada juga ibu-ibu tunggal apabila suami mereka meninggal dunia mereka menghadapi banyak masalah.

Saya juga merayu ataupun meminta supaya pihak kerajaan menimbangkan kes-kes seperti ini supaya bantuan-bantuan juga boleh disalurkan kepada mereka supaya membantu mereka membayar ansuran rumah. Jika tidak selepas enam bulan rumah-rumah mereka akan dilelong dan mereka akan dimasukkan dalam kategori miskin tegar.

**■1620**

Satu lagi perkara berkaitan dengan bantuan ini juga, saya difahamkan bahawa bantuan kos rawatan dialisis buah pinggang juga diberi. Berkenaan dengan kos dialisis, saya tahu bahawa Yayasan Buah Pinggang Negara atau *National Kidney Foundation* memberi banyak bantuan kepada mereka yang miskin dan yang mengidap penyakit diabetes ini yang memerlukan hemodialisis dan bantuan yang diberi oleh *National Kidney Foundation* ini hanya diberi kepada mereka yang membuat dialisis di beberapa pusat-pusat dialisis dan di Johor, mereka telah mengenal pasti hanya 13 pusat-pusat dialisis yang boleh menerima ataupun yang boleh dikategorikan untuk menerima bantuan daripada *National Kidney Foundation*.

Kita hadapi satu masalah yang mana ramai daripada masyarakat kita menghidap penyakit diabetes ini dan memerlukan *treatment* ataupun rawatan dialisis dan hospital-hospital di dalam negara ini tidak mampu untuk memberi rawatan ini kepada semua pesakit-pesakit diabetes ini. Mereka perlu tunggu untuk mendapatkan giliran supaya mereka boleh membuat dialisis di hospital-hospital ini. Apabila perkara ini berlaku, ramai daripada mereka pergi ke hospital-hospital swasta dan hospital-hospital swasta ini mengenakan bayaran-bayaran yang tinggi sekali yang mana mereka yang kurang mampu dan apabila mereka memohon untuk bantuan daripada *National Kidney Foundation* ini, mereka tidak layak.

Oleh itu, saya meminta supaya bantuan bagi membuat dialisis ini dipanjangkan kepada mereka yang memerlukan walaupun mereka membuat dialisis di hospital-hospital ataupun di pusat-pusat yang dijalankan oleh pihak swasta. Satu lagi adalah berhubung dengan peranan ataupun Jabatan Kebajikan. Jabatan Kebajikan yang memberi biaya ataupun bantuan bulanan kepada warga emas dan juga ibu tunggal dan juga mereka-mereka yang memerlukan bantuan bulanan.

Dalam bajet ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi ataupun telah meluluskan supaya bantuan-bantuan bulanan ini dipertingkatkan tetapi satu masalah yang ramai penerima-penerima hadapi adalah bantuan-bantuan ini yang diberi tidak konsisten. Ertinya mereka ini tidak menerima bantuan ini setiap bulan. Sebenarnya ramai daripada mereka yang menerima bantuan ini bergantung pada amaun yang diterima daripada jabatan ini untuk menjalani kehidupan harian mereka. Apabila menghadapi suatu masalah di mana sesuatu bulan mereka tidak terima, berkumpul pula. Simpan untuk dua bulan atau tiga bulan baru mereka terima, mereka akan menghadapi banyak masalah. Saya ada mendapat banyak kes seperti ini. Apabila kita *contact* dengan pejabat ataupun Jabatan Kebajikan, jawapan adalah kita belum menerima *allocation* daripada Pusat.

Oleh itu, saya memintalah supaya perkara ini tidak berlaku supaya pihak penerima-penerima ini tidak dibebankan dengan *problems* yang di implementasi, yang dihadapi oleh pihak pentadbiran. *Problems* birokrasi ini.



**Tuan Khoo Soo Seng:** Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Saya dah dengar Yang Berhormat sebut tentang banyak jenis bantuan yang diberikan kepada orang kurang upaya. Jadi, saya fikir daripada kita berikan ikan tiap-tiap hari, adalah lebih baik kita ajar mereka memancing. Jadi selain daripada bantuan, apa lagi yang kerajaan boleh buat untuk bantu rakyat yang miskin itu untuk tingkatkan taraf hidup mereka ataupun meningkatkan pendapatan mereka. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan M. Munusamy:** Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa lebih elok kita mengajar mereka memancing daripada memberi mereka ikan setiap hari. Saya percaya kerajaan telah menjalankan banyak program bagi memberi latihan kepada mereka, memberi geran kepada mereka supaya mereka boleh menjalankan perniagaan. Pagi tadi juga kita telah dengar daripada Timbalan Menteri Kementerian Wanita dan Masyarakat bahawa pelbagai jenis bantuan diberi dan cuma saya minta supaya bantuan-bantuan ini dipertingkatkanlah, geran-geran ini dipertingkatkan supaya mereka di bandar-bandar, bukan sahaja program-program seperti ini dilaksanakan di luar bandar tetapi program ini juga dilaksanakan di kawasan bandar. Satu lagi saya boleh cadangkan bahawa kilang-kilang lebih elok mengambil mereka yang seperti ini, mereka yang miskin. Lebih elok daripada mengambil pekerja-pekerja asing. Kilang-kilang ini juga bertanggungjawab untuk membantu masyarakat tempatan.

Itu saja satu lagi cadangan supaya pihak kerajaan boleh menggalakkan ataupun memberi lebih tumpuan supaya mereka yang boleh bekerja diberi kerja di kilang-kilang dan sebagainya manakala mereka yang tidak boleh bekerja luar diberi latihan supaya mereka boleh kerja dekat rumah dan juga boleh dapat pendapatan. Biar saya teruskan satu dua perkara saja lagi. Satu lagi adalah berhubung dengan promosi yang dijalankan oleh pihak hotel. Sekarang kita dapat banyak hotel-hotel ini, PRO mereka selalu telefon kita meminta kita menjalankan promosi ini, promosi itu, jadilah ahli bagi kelab kita, kita ada promosi, ada pakej. Boleh duduk dua malam, tiga malam percuma, boleh melancong ke luar negeri dan sebagainya. Banyak, kadang-kadang sampai kita tak boleh tahan. Apabila kita kata saya sudah jadi ahli, saya tak payahlah. Dia kata, tolong rekomen kawan, tolong bagi nombor telefon seorang kawan.

Saya percaya walaupun promosi-promosi ini adalah strategi bagi mereka melanjutkan perniagaan tetapi pihak kerajaan juga perlu mengambil tindakan untuk mengesahkan supaya tidak membebankan orang ramai. Ada juga mereka yang ambil tetapi tidak menggunakan secara langsung perkhidmatan ataupun kemudahan-kemudahan yang diberi ini seperti juga peraduan-peraduan yang dijalankan melalui SMS oleh Syarikat Celcom, Syarikat Maxis. Ia ada banyak peraduan, dia kata itu, ini. Selalu kita nampak SMS, apabila kita lihat, ini banyak. Kita nak baca itu kita pun tak faham. Apabila kita telefon balik, macam-macam dia ada. Ada ini, ada itu tetapi tak tahulah, ini semua bagaimana ini boleh membantu masyarakat.

▪ **1630**

Saya rasa ini adalah dua tiga perkara. Nampaknya ramai hendak berucap lagi dan giliran Yang Berhormat Puan Saripah pula tidak ada, Saripah Aminah, bukan Saripah?...

Okey. Sebelum saya menutup, saya ingin menekan bahawa Barisan Nasional mempunyai satu sistem iaitu *well tested system* iaitu sistem Parti Perikatan lebih 50 tahun dan Parti Barisan Nasional pada masa ini, membuktikan satu bentuk formula perpaduan yang berjaya. Kita harus membina suatu masyarakat Malaysia, berminda kelas pertama atas kejayaan ini.

Modul Barisan Nasional sebenarnya berjaya mengecilkan isu perkauman malahan pihak parti pembangkang turut berusaha melahirkan pakatan yang sama tetapi gagal dan akan terus gagal. Selepas 38 berlakunya peristiwa 30 Mei yang merupakan titik hitam dalam sejarah perpaduan negara kita, haruslah dielakkan sama sekali. Batasan-batasan tertentu mesti diketahui. Ini termasuklah isu-isu sensitif yang boleh mengancam keselamatan negara. Sejarah mengajar, persediaan dan mencorakkan masa depan, sejarah menjadi inti pati pengembaraan kita. Generasi ketiga perlu mengetahui sejarah silam supaya ia tidak diulangi lagi, jika boleh memudaratkan.

Sehubungan dengan itu Rukun Negara juga boleh memainkan peranan penting khususnya kepada generasi baru sebagai mekanisme toleransi antara kaum. Semangat Perlembagaan dalam Rukun Negara menjadi legitimasi yang memandu pembangunan negara. Selaras dengan prinsip berkompromi mengikut acuan Malaysia, semangat Rukun Negara selari dengan gagasan integrasi nasional iaitu proses penyatuan pelbagai kelompok melalui satu identiti bersama dengan mengekalkan identiti etnik, nilai, agama dan kepercayaan, serta kebudayaan masing-masing, tetapi mereka menyertai sistem dan struktur politik yang sama. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sesiapa bangun? Dato' Saripah Aminah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah rahmatNya dapat saya sama-sama mengambil bahagian bagi membahaskan Bajet 2008, di Dewan yang mulia ini. Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan tahunan yang penting bagi negara iaitu bajet negara bagi tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini giliran Puan Hajah Sharifah Azizah. Kalau beliau tidak bangun, saya akan panggil Dato' Wong Siong Hwee.

**Dato' Hjh Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini kita telah menyambung ulang tahun kemerdekaan negara yang ke 50. Dalam usia setengah abad ini, negara kita telah mencapai banyak kemajuan yang membanggakan kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Dato' Wong Siong Hwee tidak bangun, saya akan panggil Dato' Omar Faudzar. Kalau Dato Omar faudzar tidak bangun, saya akan panggil Dato' Gooi Hoe Hin.

**Dato' Hjh Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Bajet 2008 ini adalah bajet pertama negara dalam kita melangkah masuk ke fasa 50 tahun kedua sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Kita harus sentiasa mengingatkan diri kita bahawa apa yang kita lakukan pada hari ini akan menjadi penentu kepada bentuk negara yang akan diwarisi anak cucu kita pada masa hadapan. Ekonomi negara terus berkembang pada kadar enam peratus pada tahun 2007 iaitu satu peningkatan berbanding pada tahun 2006. Pendapatan per kapita negara terus meningkat dari RM20,841 setahun, pada tahun 2006 dan dijangka naik ke paras RM22,345 pada tahun 2007, manakala paras inflasi negara terus berada dalam paras terkawal iaitu di bawah empat peratus.

Dalam suasana harga minyak dunia semakin meningkat naik, ini adalah kejayaan yang telah dibuktikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Syabas diucapkan, tidak mudah untuk membendung inflasi dalam suasana yang sedemikian tetapi kita yakin bahawa kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat dan sentiasa berusaha memastikan bahawa rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan harga barang yang terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu kenaikan harga minyak dunia dan subsidi minyak. Sebenarnya kenaikan harga minyak ini adalah seperti serampang dua mata. Sebagai negara pengeluar minyak, kenaikan harga minyak juga meningkatkan pendapatan negara. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, bagaimanakah peningkatan pendapatan hasil minyak ini dapat digunakan untuk mengurangkan beban kepada rakyat jelata terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan juga golongan menengah dan yang makan gaji kerana golongan inilah yang banyak terjejas dengan kenaikan harga minyak.

Kita sedar bahawa kerajaan memberi subsidi yang tinggi untuk mengekalkan harga minyak pada tahap yang ada sekarang dan pada masa ini, sedang melihat kepada struktur minyak itu sendiri. Kenaikan harga minyak yang sudah pun melebihi USD100 setong pada suatu masa dahulu, sekarang USD88 setong pada 10 hari bulan Disember yang lalu, sudah tentu memberi tekanan kepada kerajaan untuk menaikkan harga minyak sekali lagi pada masa yang terdekat ini. Persoalannya, adakah wajar kita mengekalkan subsidi minyak ini atau membiarkan harga minyak ditentukan oleh pasaran. Sesetengah pihak berpendapat sebagai negara

pengeluar minyak, kita harus mengekalkan subsidi kerana harga minyak mempengaruhi banyak kos sesuatu transaksi.

Manakala sesetengah penganalisis ekonomi pula berpendapat subsidi tidak menggambarkan situasi sebenar dan ia merupakan herotan kepada ekonomi dan mungkin akan membebankan negara apabila kita tidak lagi mampu untuk mengekalkan tahap subsidi itu.

Saya ingin bertanya, apakah pendirian kerajaan dalam isu subsidi minyak ini? Adakah kita akan melihat subsidi akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat, sehingga tidak ada lagi subsidi yang akan diberi, terutamanya apabila rizab minyak negara semakin pupus, atau adakah subsidi ini akan tetap diteruskan. Apakah formula digunakan untuk menentukan tahap subsidi yang sesuai untuk negara. Apa pun formula yang diambil pakai, kesan langsung kepada rakyat yang berpendapatan rendah harus diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedia maklum bahawa hasil yang besar dari royalti, dividen, cukai korporat dan duti import atas petroleum dari Petronas melebihi RM40 bilion pada tahun lalu. Yang menyumbangkan kepada Belanja Mengurus dan pembangunan negara. Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 2008 adalah RM128.8 bilion, manakala anggaran jumlah Perbelanjaan Pembangunan ialah kira-kira RM48.1 bilion.

#### ■1640

Perbelanjaan yang besar dalam belanja mengurus iaitu 72.8% jika dibandingkan dengan perbelanjaan pembangunan iaitu 27.2% menggambarkan saiz kerajaan yang semakin besar dalam ekonomi domestik. Saya faham bahawa peratusan perbelanjaan yang sedemikian sudah lama menjadi rangka bajet negara kerana belanja mengurus bagi beberapa sektor seperti sektor pendidikan RM35.3 bilion, kesihatan RM10.7 bilion, pertahanan RM9.8 bilion dan perkhidmatan jabatan RM10.1 bilion umpamanya adalah besar setiap tahun tetapi saya berharap dengan usaha-usaha yang dijalankan untuk menambahbaikkan sistem penyampaian kerajaan, ianya dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan tanpa kos pengurusan yang tinggi. Dengan yang demikian peratusan perbelanjaan mengurus akan dapat dikurangkan pada masa-masa yang akan datang dan peratusan perbelanjaan pembangunan akan semakin meningkat.

Antara *indicators* ekonomi terpilih, rizab negara merupakan salah satu penentu kekuatan sesebuah negara dan kekukuhan nilai mata wangnya. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia telah meningkat kepada RM345.1 bilion atau USD101.1 bilion sehingga 30 November 2007. Menurut Bank Negara Malaysia, angka ini berupaya membiayai 8.9 bulan import tertanggung dan 6.1 kali hutang luar jangka pendek. Sungguhpun demikian yang menjadi kebimbangan kita adalah mengenai pegangan kita dalam dolar Amerika. Terdapat banyak laporan yang telah ditulis oleh penganalisis-penganalisis ekonomi mengenai nilai mata wang Dolar Amerika yang semakin susut. Malah Bank Dunia meramalkan bahawa nilai Dolar Amerika akan susut 5% setahun sehingga 2008.

Saya ingin bertanya bagaimanakah kedudukan rizab antarabangsa kita terutamanya mengenai pegangan purata dolar kita berbanding dengan mata wang-mata wang lain seperti Euro, Yen, dan Pound Sterling dan juga pegangan dalam bentuk emas. *World Gold Council*, dengan izin, pada tahun 2006, menyatakan bahawa kajian *University of Glasgow* mendapati bahawa terdapatnya bukti bahawa pegangan kekayaan dalam bentuk emas dapat membendung tekanan inflasi secara keseluruhannya. Kajian ini yang dijalankan dengan mengambil kira hubungan antarabangsa antara harga emas dan nilai mata wang Dolar Amerika, mendapati bahawa pegangan kekayaan dalam emas telah dapat mengimbangi peraturan penurunan nilai mata wang dolar.

Sebenarnya penggunaan emas dan perak dalam ekonomi adalah asas kepada ekonomi Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Dan telah terbukti bahawa emas dan perak adalah nilai sebenar yang dapat mengimbangi turun naik nilai-nilai mata wang yang semakin tidak menentu pada hari ini, yang menyebabkan krisis mata wang di Asia oleh penyangak-penyangak mata wang lebih kurang 10 tahun yang lalu. Pada satu masa dahulu, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir pernah menyarankan mengenai peranan dinar emas di dalam ekonomi negara.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah terdapat usaha-usaha yang proaktif untuk menjadikan emas lebih menyerlah dalam ekonomi kita. Bagaimanakah kita boleh menjadikan emas sebagai asas kepada pembinaan sistem kewangan domestik yang lebih kukuh, kerana ia adalah asas kepada sistem kewangan Islam pada masa lalu yang telah terbukti dapat membendung kenaikan harga.

Menurut sejarah apabila mata wang disandarkan kepada emas, tidak ada masalah inflasi yang timbul. Harga sekati gula pada zaman empayar Othman adalah tidak banyak bezanya dengan harga sekati gula pada beberapa ratus tahun sebelumnya. Konsep inflasi menurut sesetengah ahli ekonomi Islam hanya timbul apabila mata wang kertas digunakan dan diburukkan lagi apabila Sistem Bretton Woods gagal dengan keengganan Amerika Syarikat pada tahun 1971 untuk mematuhi nisbah mata wang kertas dengan nilai emas yang dipegang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara Islam yang menerajui sistem kewangan Islam di rantau ini, saya rasa sudah sampai masanya kerajaan melihat kepada dinar emas sebagai sebahagian daripada sistem kewangan kita agar kita tidak terperangkap dalam krisis nilai mata wang yang pernah melanda negara pada tahun 1997 berulang lagi. Semakin ramai penganalisis ekonomi yang berpendapat bahawa emas mempunyai peranan yang penting dalam sistem ekonomi yang adil dan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu juga saya menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Rumah-rumah NUR yang ditubuhkan di awal Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ditubuhkan, ada seorang penyelia dan ada seorang kerani di Rumah NUR iaitu 10 tahun yang lalu, tetapi sekarang tinggal seorang

kerani dan masa kerjanya daripada pukul 8.00 pagi sehingga 5.00 petang. Selepas beberapa tahun kementerian ini ditubuhkan bukan pekerja-pekerja diberi naik taraf malah diturunkan taraf mereka. Elaun bulanan kurang daripada RM600, baru sahaja pegawai saya di Rumah NUR Parlimen Jelutong memberitahu RM566 sahaja elaun bulanannya. Ini adalah di bawah taraf kemiskinan. Dulu kalau bekerja 8 sehingga 5, hari ini dipendekkan pula untuk mai dua syif, 8 balik pukul 2, 11 balik pukul 5.

Saya nak bertanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kalau dah diletak kerani di situ, biarlah gajinya setaraf dengan pegawai-pegawai kerani di jabatan-jabatan yang lain. Tidak guna kita suruh orang yang mendapat diploma ataupun memegang sijil STPM, tetapi gajinya di bawah paras kemiskinan. Budak-budak ini usahlah nak dapatkan bonus, elaun pun belum tentu nak dapat bulanannya. Selalu selepas 10hb barulah elaun dibayar.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, adalah saya nak menyentuh penguatkuasaan ini. Rata-rata tugas ini dinodai oleh mereka yang telah diberi tanggungjawab untuk menjadi penguat kuasa. Kita tengok Jabatan Imigresen, pembolosan PATI di semua pintu masuk berleluasa sehingga dah menjangkau tahap berjuta pendatang tanpa izin telah membanjiri negara kita sehingga kadang-kadang bila kita pergi ke KLCC pada hari Sabtu dan minggu, kita rasa kita dok ada di Pakistan ke, di Bangladesh ke ataupun di Indonesia. Oleh sebab rakyat kita dah takut nak pergi tempat-tempat ini oleh sebab terlampau ramai pendatang tanpa izin. Boleh kata semua jabatan yang berurusan dengan orang awam telah dinodai oleh soal penguatkuasaan ini.

Adakah kerajaan terfikir untuk mengemaskinikan dan menaik taraf perkhidmatan penguatkuasaan ini ataupun dipusatkan satu jabatan penguatkuasaan agar ia dapat menjadi mata dan telinga kerajaan bagi memantau jabatan-jabatan yang saya namakan tadi? Kasihanilah kepada Yang Amat Berhormat Pak Lah, janganlah semua soal diajukan kepada beliau dan disalahkan kepada beliau apabila perkara-perkara ini berlaku.

Dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

■1650

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang bersama-sama membahaskan Belanjawan 2008. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang berjaya membentangkan Belanjawan dengan bertemakan, "Bersama Membina Negara Dalam Menikmati Kemakmuran." Belanjawan kali ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Andai kata Dato' Wong Siong Hwee tidak berminat hendak bercakap hari ini tetapi hendak bercakap esok, jangan bangun lagilah. Kalau Dato' Wong tak bangun saya akan panggil nama yang selanjutnya.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Belanjawan kali ini menjurus kepada memperkasakan modal insan bagi memantapkan misi nasional ke arah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana bertuah dilahirkan di bumi Malaysia ini dalam keadaan aman makmur, walaupun saya dikategorikan sebagai orang yang tidak berhak menerima keistimewaan orang-orang Melayu. Di sebalik kesyukuran ini, saya amat simpati terhadap beberapa pemimpin jalanan yang sehingga setua ini masih belum dapat membezakan nilai yang mana aman dan yang mana sukar untuk hidup.

Pemimpin jalanan ini rupanya sentiasa mimpi di siang hari seolah-olah seperti orang gila bayang, seolah-olah seperti orang gila talak kerana keinginan menjadi Perdana Menteri atau menjadi... [*Tepuk*]... Atau menjadi Ahli Parlimen tidak tercapai, maka cintanya kepada bangunan Parlimen sebab itulah kata orang tua-tua, "*Kalau orang bercinta ini, kalau tak dapat masuk dalam, tengok bumbung Parlimen pun cukuplah*".

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional kerana bertindak tegas terhadap kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab ini, yang telah merosakkan keharmonian dan perpaduan kaum di negara kita. Justeru, saya menyeru kepada semua masyarakat dan rakyat negara ini agar lebih bertanggungjawab terhadap negara dan bangsa dan hendaklah segala ketidakpuasan hati itu wajar disalurkan kepada pihak-pihak berkenaan bukannya dengan perhimpunan jalanan ataupun perhimpunan haram yang merugikan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membahaskan beberapa perkara dalam belanjawan ini. Saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kesihatan, dan juga Kementerian Pelajaran.

Walaupun isu yang akan saya bawa ini agak lapuk dan sering dibahaskan tapi masih lagi gagal untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin, maka saya tidak teragak-agak untuk menyuarakan ianya sekali lagi. Ini adalah berkenaan dengan masalah pembayaran nafkah anak-anak terutama apabila berlaku perceraian menjadi beban kepada ibu-ibu yang inginkan kebajikan dan kepentingan anak-anak mereka terbela. Ibu-ibu seolah-olah terpaksa meminta belas ihsan daripada bapa agar anak-anak mereka cukup makan, minum, pakaian, tempat berteduh dan boleh bersekolah.

Sikap yang berwajib yang kurang memandang serius masalah ini bukan sahaja melepaskan bapa yang menghina mahkamah, malah ibu-ibu pula yang terpaksa mengeluarkan wang dan tenaga untuk memastikan nasib anak-anak mereka terjamin.

Saya ingin menyentuh tentang isu-isu nafkah yang tertunggak dan tidak dibayar. Ada yang telah menunggu selama dua tahun, lima tahun, malah ada yang berusaha lebih daripada lapan tahun untuk mendapatkan hak-hak nafkah mereka. Bayangkanlah bagi setiap satu bulan di mana nafkah tertunda, berapa ramai wanita dan anak-anak yang menderita?

Pihak Jabatan Penghakiman Syariah Malaysia juga nampaknya memandang serius masalah ini. Cawangan Penyelidikan JKSM kini sedang dalam usaha menjalankan kajian penguat kuasa dan pelaksanaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah Malaysia bermula pada bulan Jun 2006 dan berterusan sehingga kini.

Antara punca atau masalah ini adalah kerana kelemahan pelaksanaan sehingga membolehkan bapa menghina perintah mahkamah. Sedangkan mereka tahu bahawa dalam Al-Quran sendiri menyatakan bahawa bapa harus bertanggungjawab terhadap nafkah anak-anak dan itulah kewajipan mereka dan tanggungjawab mereka sebenarnya. Hal ini berterusan kerana mereka gagal melaksana perintah yang dikenakan oleh mahkamah. Ini yang menyebabkan mereka mengambil tindakan terhadap penghinaan ini. Beban mendapatkan nafkah anak diletakkan dibahu wanita sementara prosiding berjalan, menanggung nafkah anak-anak dengan apa yang mereka ada apabila bapa tetap berdegil tidak membayar nafkah akibatnya anak-anaklah yang teraniaya.

Masalah yang ketiga ialah apabila bapa melarikan diri, bertukar tempat kerja dan tidak diberitahu alamat terkini. Sukar untuk para ibu mengambil tindakan undang-undang dan mahkamah juga tidak dapat melaksanakan perintah jika bapa tidak ditemui. Wanita kerap ditekan dengan ugutan oleh suami supaya melepaskan hak nafkah dirinya dan anak jika mahukan proses perceraian berjalan lancar. Daripada kajian kes wanita, wanita sering dinasihati oleh ahli keluarga, kakitangan jabatan agama, kakitangan mahkamah dan juga peguam mereka supaya tidak memanjangkan cerita dan turut sahaja kehendak suami.

Masalah yang seterusnya ialah wanita kurang menerima maklumat tentang hak mereka. Ramai wanita yang tidak dimaklumkan tentang prosedur dan peraturan dan peruntukan untuk menuntut hak mereka. Contohnya ramai yang tidak tahu bahawa mereka berhak menuntut *interims* semasa perceraian mereka sedang berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan masalah yang ditimbulkan dapat diatasi. Saya ingin mencadangkan supaya pihak mahkamah perlulah membantu mengurangkan bebanan mengurangkan bebanan wanita. Seharusnya mahkamah mempunyai sistem di mana pihak-pihak tidak perlu memfailkan prosiding yang baru untuk melaksanakan perintah yang diberikan. Menguatkuasakan serta merta apa yang telah diperintahkan. Mahkamah haruslah bersikap prihatin untuk menyelesaikan kes dengan secepat yang mungkin. Mahkamah perlu sensitif terhadap beban yang berganda yang dipikul oleh para ibu bahawa banyak perkara yang perlu mereka uruskan untuk membolehkan mereka hadir ke mahkamah. Contohnya pengangkutan,



kos pengangkutan, perlu membawa anak-anak, perlu orang hendak menjaga anak-anak sementara dia ke mahkamah dan sebagai lagi.

Antara masalahnya ialah bapa yang tidak membayar nafkah. Kesalahan tidak membayar nafkah adalah satu kesalahan yang serius dan semestinya dikenakan hukuman yang serius juga. Mahkamah harus tidak teragak-agak mengenakan hukuman penjara kepada bapa yang bukan sahaja tidak bertanggungjawab, malah menghina Mahkamah Syariah dan juga menghina Islam. Hukuman penjara maksimum sepatutnya diberikan kepada mereka iaitu satu bulan bagi setiap bulan nafkah yang tidak dibayar hendaklah dijatuhkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Pejabat Agama diletakkan *one-stop-center* bagi memudahkan wanita-wanita yang teraniaya diberikan bantuan dengan cara mengisi borang, memfailkan cerai, bagaimana hendak mendapatkan bantuan khidmat biro guaman, hak-hak wanita dan hak-hak harta sepencarian.

Saya juga ingin mencadangkan supaya denda suami yang sengaja tidak hadir ke mahkamah tanpa alasan yang munasabah. Saya mencadangkan suami yang dua kali ingkar hadir hendaklah terus dibicarakan dijatuhkan hukuman tanpa diminta untuk membela diri. Tindakan sengaja tidak hadir ke mahkamah untuk mengelak membayar nafkah juga merupakan satu perbuatan menghina mahkamah. Perlu diingat bahawa kesannya adalah penganiayaan terhadap anak-anak. Mahkamah sepatutnya melindungi dan menjamin hak anak-anak. Mereka berhak kepada makanan, pakaian, tempat berteduh, pendidikan, masa depan yang baik dan ini tidak boleh dicabuli.

Seterusnya saya juga ingin mencadangkan kepada suami-suami yang ingkar ini gantung perkahwinan kedua dan seterusnya sekiranya ada tuntutan di mahkamah yang belum selesai sudah tentu bapa yang tidak bertanggungjawab ini tidak layak untuk menjaga sebuah keluarga yang lain. Kita tidak mahu jumlah anak-anak yang terabai ini, teraniaya ini bertambah dari tahun ke tahun.

#### ■1700

Saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa sedikit kesunyian, sebab di bawah tajuk “Peraturan-peraturan Berbahas, 34(1)”, yang berbunyi “Seorang ahli yang hendak bercakap, hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Tuan Pengerusi, maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi”. Mungkin sebab itu saya berasa kesunyian sekali-sekala arahkanlah ucapkan kepada saya.... [*Tepuk*]

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Ampun.... [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua maklumlah saya ini IT, jadi kalau tengok lama-lama takut lain jadinya..... [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** IT itu apa?

**Beberapa Ahli:** Ibu tunggal.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, apabila cakap tentang pembelaan wanita ini, rasanya tidak boleh berhadapan sangat dengan lelaki. Marah, geram itu bertambah lagi. Namun saya percaya dan yakin, kali ini saya ikut prosedur yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian, supaya gantung lesen memandu, lesen perniagaan, pasport dan sebagainya. Seperti apa yang berlaku di Kanada, dalam kes yang berkaitan keingkaran pihak bapa yang membayar nafkah, pihak-pihak yang berkuasa berkaitan akan memberi kerjasama dengan mengantungkan permohonan lesen memandu, lesen perniagaan dan lain-lain lesen yang berkaitan dan juga mengantungkan pasport sehinggalah pihak bapa melunaskan hutang nafkah anak.

Ini hendak pergi luar negara, duit anak pun tidak bayar. Oleh itu....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Saya hendak mencadangkan satu lagi Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Belum, saya belum bagi.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Belum lagi?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum bagi laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat belum beri laluan, memang benar.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Boleh, boleh, boleh.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya hendak cadang satu lagi Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat cadangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah bagi sekelip mata menampakkan kekuasaan wanita.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya hendak mencadangkan satu lagi Tuan Sri Wanita... Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Tersasul sudah. Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan satu lagi kasi lelaki itu. Terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Kalau ikut nafsu, kalau dihalalkan oleh agama, insya-Allah kita akan buat. Oleh itu, badan-badan kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya perlu mengingatkan Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat menggunakan istilah atau ungkapan IT, kemudian dijelaskan bahawa IT itu bukan *information technology* tetapi ibu tunggal. Yang Berhormat pula ucap begitu rupa, biarlah Yang Berhormat jelaskan Yang Berhormat itu ibu tunggal, bukan kerana ditinggalkan sebab itu marah. Kena jelaskan itu, kalau tidak orang silap faham. Orang ingat sebab marah-marah ini sebab kena tinggal, tidak.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, IT saya itu semua orang tahu, keinginan tidak ada langsung, keinginan lagi sekali tidak ada langsung setakat inilah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, IT sebab kematian...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Kematian, saya balu. Saya terpanggil kerana saya merupakan seorang pemimpin wanita yang harus bertanggungjawab kepada wanita, khasnya wanita di dalam negara kita... *[Tepuk]*

Oleh itu badan-badan kerajaan, seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan perlu bekerjasama supaya dapat membela nasib anak-anak. Bapa yang tidak bertanggungjawab ini, tidak harus diberi peluang meneruskan penganiayaan terhadap anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya menubuhkan Jabatan Nafkah Anak dan juga Mahkamah Keluarga. Satu badan kerajaan khusus untuk mengendalikan perihal nafkah haruslah dikendalikan sebagai nafkah anak. Perkara ini telah pun dilaksanakan di Australia, yang mana semenjak Jabatan Nafkah Anak ini ditubuhkan daripada 25% yang membayar nafkah, ia meningkat kepada 70%. Sekarang ini 90% jumlah nafkah tertunggak telah dapat dibayar oleh rakyat Australia dengan tertubuhnya Jabatan Nafkah Anak ini. Badan ini bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Pendaftaran, Jabatan Pengangkutan, Suruhanjaya Syarikat, Jabatan Imigresen supaya dapat menjejaki bapa yang lari daripada tanggungjawab membayar nafkah.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Jabatan Nafkah ini juga harus diberikan kuasa untuk menentukan pembayaran dilaksanakan dengan mengarahkan penolakan atau memotong gaji melalui Biro Angkasa. Kalau pinjam Bank Rakyat, kita boleh potong melalui Biro Angkasa, kerana untuk kemudahan dan keselesaan kita, mengapa dengan menyelesaikan tanggungjawab seorang bapa tidak boleh kita buat melalui Biro Angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan satu Mahkamah Keluarga seperti yang ada dalam sistem Mahkamah Sivil...

**Tuan Yang di-Pertua:** Hujah yang cukup bernas. Apa yang, Yang Berhormat ulangi, kalau potongan koperasi boleh dibuat melalui Angkasa, selepas itu?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Kenapa tanggungjawab seorang bapa tidak juga boleh buat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanpa Perintah Mahkamah Syariah tidak dapat dibuat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mengapa tidak dibuat sedemikian?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu cukup bernas. Kalau kehendak Angkasa boleh dibuat, mengapa kehendak Mahkamah Syariah tidak dapat dibuat?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Tuan Yang di-Pertua puji senang sedikit hati. Sistem Mahkamah Sivil dapat membantu menyelesaikan kes-kes kekeluargaan dengan lebih efektif dan cepat. Di Australia juga, konsep Mahkamah Keluarga ini lebih mesra dan mengutamakan konsep perbincangan dan kerjasama bukan konflik dan perbalahan. Dalam hal berkaitan anak-anak kebajikan dan kepentingan anak-anak menjadi keutamaan dan seharusnya diselesaikan dengan bijaksana.

Saya yakin dan percaya, kalau perkara-perkara ini dapat kita laksanakan, wanita-wanita yang ramai tidak kahwin lagi, rasa tidak sabar hendak kahwin. Sebab selama hari ini mereka rasa takut kerana sikap-sikap tidak bertanggungjawab lelaki inilah yang menyebabkan ramai wanita tidak hendak kahwin. Bimbang teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah positif yang diambil oleh pihak JKSM terutamanya dalam penguatkuasaan bersaling, penghakiman dan perintah. Dengan penguasaan bersaling ini, perintah satu negeri boleh dikuatkuasakan di negeri yang lain. Saya berharap agar pihak-pihak yang berwajib berfikiran terbuka dan dapat bekerjasama dalam mengatur langkah yang bijak untuk menangani masalah ini. Nafkah merupakan hak asasi anak-anak. Adalah menjadi tanggungjawab negara mahkamah dan masyarakat bagi menghapuskan penganiayaan anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya masalah-masalah hakim Mahkamah Syariah wanita hendaklah diselesaikan seberapa cepat yang boleh. Walau bagaimanapun, pelantikan yang dibuat itu, hendaklah kepada calon-calon wanita yang sentiasa sensitif di atas kewujudan gender hari ini. Saya juga mengharapkan supaya Mahkamah Syariah dapat menambahkan hakim-hakim Mahkamah Syariah yang kita tahu terlalu kurang dan kadangkala kes terpaksa di tangguh kerana hakim tidak ada, hakim pergi kursus dan macam-macam dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan supaya dengan cadangan-cadangan yang saya buat ini ianya akan dapat mendapatkan kebaikan bukan sahaja kepada rakyat keseluruhan tetapi kepada anak-anak yang benar memerlukan tanggungjawab seorang bapa dan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perbincangan belanjawan hari ini, saya ingin menyentuh dalam Belanjawan 2008 ini, yang mana Perdana Menteri mengumumkan pendidikan percuma. Malangnya pendidikan percuma yang diumumkan oleh Perdana Menteri rupa-rupanya percuma dari segi pembayaran yuran yang berharga RM4.50 tetapi dikenakan berpuluh kali ganda oleh sekolah-sekolah dengan dikenakan mengikut kelas iaitu maksimumnya 'A' – RM100; 'B' – RM50; dan 'C' – RM20. Tambahan kepada yuran-yuran kokurikulum, yuran-yuran tambahan, kelas-kelas tambahan dan sebagainya.

## ■ 1710

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jadi Pengerusi PIBG lebih daripada hampir 10 tahun. Selama ini bila kita dikenakan yuran RM4.50, tidak pernah wujud yuran kokurikulum, tetapi hari ini diwujudkan yuran kokurikulum dan diminta oleh PIBG untuk meluluskan dalam mesyuarat khas yang dibuat bagi membolehkan kementerian memungut yuran tersebut. Saya tidak salahkan mana-mana pihak, mungkin ada *hanky panky* di mana-mana, kita harap perkara ini dapat dilihat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat bermaksud ini merupakan satu kesilapan?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Pada saya, itu satu kesilapan yang mungkin di antara pentadbir, pengurusannya dan di antara perancang dan juga pelaksana. Maknanya, perancang merancang supaya tidak ada yuran tetapi pelaksana telah mengubah. Maksud yang dikatakan tidak ada yuran itu. Cuma fokus kepada yuran yang RM4.50. Yuran yang tidak sepatutnya diwujudkan, diwujudkan. Mungkin demi keselesaan PIBG itu, ataupun demi keselesaan sekolah itu tetapi menjadi tanggungjawab kita sebagai pemimpin kerana kita dimaklumkan, diumumkan dalam belanjawan bahawa kali ini negara kita mesra rakyat, memberikan pendidikan percuma supaya tidak ada lagi rakyat di negara kita yang tercicir, yang tidak sekolah dan sebagainya.

Jadi kita harap supaya perkara ini diambil tegas oleh menteri berkenaan. Jangan sampai kerana ini menjadi isu yang besar kepada negara. Kita sudah tahu bahawa isu pemimpin jalanan ini satu isu yang mudah kita atasi tetapi isu tentang masalah yuran ini satu bebanan kepada negara. Saya harap kepada kementerian berkenaan akan mengambil tindakan tersebut.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Syed Ali mohon laluan dari Sharifah Azizah.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Sharifah Azizah. Saya sebenarnya tertarik, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Sharifah Azizah mengenai dengan yuran yang dikatakan telah diberi secara percuma, dihapuskan oleh kerajaan, tetapi saya hendak mintalah pandangan Yang Berhormat Senator Sharifah Azizah.

Kerajaan telah memberikan peruntukan yang begitu besar kepada Kementerian Pelajaran, khususnya kepada pendidikan di negara kita dan juga dalam perbelanjaan tersebut, kerajaan juga telah pun memberi pengumuman bahawa buku-buku teks akan diberi secara percuma kepada semua warganegara Malaysia, tidak mengira pendapatan keluarga. Jadi saya rasa kerajaan telah belanja yang begitu banyak sekali. Jadi apa yang dilakukan oleh sekolah-sekolah yang saya juga terlibat seperti Yang Berhormat juga terlibat dalam PIBG, saya terlibat

dengan banyak sekolah, maka saya melihat kutipan yang diadakan itu adalah untuk perjalanan aktiviti sekolah setahun.

Jadi kalaulah dikutip daripada satu keluarga RM50 setahun untuk ibu bapa memberi pendidikan, saya rasa perkara ini tidak begitu besar. *It is our responsible*, Tuan Yang di-Pertua, sebagai ibu bapa hendak anak dia berjaya dalam pendidikan. Kalau kita hendak tanam modal setahun antara RM50 hingga RM100, kalau kita hendak berkira dan apa yang kerajaan lakukan dengan memberi buku teks percuma, makan, susu dan sebagainya, takkanlah ini kita hendak mempertikaikan, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi saya, sebagai ibu bapa, kita harus bertanggungjawab. Janganlah se kupang pun kita tidak mahu belanja kerana kita hendak pendidikan percuma dalam negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang sekawal dengan saya. Saya membincangkan perkara ini bukan kerana yuran itu sebanyak mana, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang saya membincangkan ialah pengumuman telah dibuat. Bukan masalah ada ke emak bapa tidak bertanggungjawab untuk menyekolahkan anak tetapi pengumuman yang telah dibuat oleh kerajaan itu sendiri. Jadi saya rasa kalau di Kuala Lumpur mungkin berbeza tetapi di kawasan saya, kawasan luar bandar.

Maknanya bila dengar yuran itu tidak ada, dia sudah suka tetapi rupanya wujud yuran tambahan yang diberi kuasa mutlak kepada sekolah. Maknanya sama ada hendak buat atau tidak buat tetapi bila dikatakan diberikan kuasa kepada sekolah, sudah pasti semua guru besar merasakan bahawa mereka lebih selesa kalau ada duit lebih dalam tabung daripada untuk mencari duit lain. Jadi saya rasa kita tahu bahawa tujuan kerajaan hari ini adalah sesungguhnya ingin melentur buluh biar dari rebung.

Perancangan kerajaan untuk menyediakan suasana pembelajaran sebegini rupa pastinya dengan matlamat untuk melahirkan masyarakat berpengetahuan, bertanggungjawab, mempunyai jati diri dan melahirkan modal insan yang mampu bersaing dan memajukan negara supaya bebanan keluarga yang ada hari ini tidak sama-sama dikongsi oleh anak itu hingga *concentrate* dia, minta maaf, tumpuan dia tidak kepada pelajaran kerana memikirkan susahnya emak dia hendak cari duit untuk membayar yuran dan yuran tambahan dikenakan di setiap sekolah. Kalau anak kita lima orang...

**Dato' Azian bin Osman:** Mohon laluan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Bagi saya habis sekejap. Kalau anak lima orang, satu sekolah sudah kenakan RM50, lima orang sudah RM250. Tidak termasuk lagi buku-buku kerja tambahan yang mana kalau dulu masa saya sekolah, kita tidak ada buku kerja tambahan. Semua cikgu buat secara *cyclostyle*. Dulu *cyclostyle*, sekarang sudah ada mesin

fotostat. Lagi mudah mereka tetapi masih lagi diarahkan untuk membeli buku tersebut dalam masa yang sama pada hari kita membuat pembayaran yuran ataupun membeli buku-buku tulis, sedangkan ianya amat membebankan kepada orang yang anak ramai. Macam Datuk Syed Ali itu, keturunan dia kaya. Orang belum tahu.... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Dato' Azian.

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat berkenaan yuran tahunan ini. Yang saya tahu yuran tahunan ini ditetapkan oleh sekolah setelah berbincang dengan pihak PIBG, di dalam Mesyuarat Agung PIBG selalunya akan diputuskan berapa yuran dan sebagainya. Yang menjadi masalah kepada ibu bapa ialah kerana ramai ibu bapa kita tidak hadir mesyuarat PIBG, jadi tidak tahu apa yang berlaku. Apabila telah dipersetujui oleh pihak PIBG, baru nak bising. Jadi apa sebenarnya *responsibility* atau tanggungjawab ibu bapa ini yang tidak mahu hadir mesyuarat PIBG. Ini menjadi masalah besar kepada ibu bapa kerana mesyuarat PIBG selalunya kurang ibu bapa hadir. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** [Bangun]

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan, tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan satu persatu atau sekali gus.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya ingat satu persatu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu persatu.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Pasal saya ini, Tuan Yang di-Pertua, seorang ibu yang bertanggungjawab, jadi maknanya banyak sangat bebanan anak itu. Anak makin besar makin banyak cerita, jadi kalau banyak sangat pun tidak boleh bawa.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Subjek yang sama, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah tidak kehadiran Mesyuarat Agung PIBG. Kita belum sentuh lagi tentang maklumat yang dia dapat melalui mesyuarat agung. Okey, sentuh tentang PIBG yang kurang dihadiri. Itu kepandaian dan kecekapan, Tuan Yang di-Pertua, macam mana cara dia hendak meramaikan orang yang datang. Apa taktik dia untuk menentukan bahawa dewan yang ada itu penuh orang. Itu kepakaran Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Dato' belum jadi Pengerusi PIBG. Dia tidak tahu teknologi-teknologi itu.... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berkenaan dengan keputusan yang dibuat oleh mesyuarat agung, tidak dibuat keputusan. Yang saya bincangkan, yang saya perkatikan tidak dibuat keputusan kerana saya tidak mahu pemimpin yang saya agungkan, pemimpin yang kita tahu bahawa pemimpin yang mempunyai jati diri yang begitu kuat, teguh tetapi akhirnya kerana kesilapan kementerian, pengumuman yang dibuat itu merosakkan imej beliau sendiri. Itu yang saya hendak tekankan hari ini.

**Tuan M. Munusamy:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Cop, cop, dia dulu.... *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih. Soalannya ialah kita tidak ada yuran sekolah, kita tidak ada yuran tambahan. Semuanya *free*. Dalam keadaan semuanya percuma, adakah akan terjamin bahawa ibu bapa dia itu akan memberi konsentrasi kepada memajukan pendidikan kerana walaupun pada pengamatan saya, walaupun semuanya *free*, percuma, kebiasaannya ibu bapa yang tidak mahu mengorbankan wang kepada pelajaran anak ini, dia walau keadaan macam mana pun, dia tidak akan sanggup mengeluarkan kerana dia menganggap bahawa itu bukan prioriti dia.

▪ **1720**

Maka dia akan membelanjakan wang dia untuk rokoknya, untuk minum kopi di kedainya dan untuk kahwin duanya. Tidakkah ini seolah-olah kita tidak mahu meletakkan tanggungjawab perbelanjaan persekolahan itu kepada ibu bapa kalau kita semuanya hendak dalam keadaan percuma. Saya berpendapat bahawa kalau sekiranya ibu bapa sanggup membayar yuran sekolah, sanggup membayar yuran tambahan, ini akan mendorong dia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan lupa Yang Berhormat hanya diberi laluan.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hendak sambung sikit sahaja. Ini akan mendorong dia untuk bekerja lebih kuat lagi kerana itu dianggapnya sebagai tanggungjawab utamanya. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Manusia ini, Tuan Yang di-Pertua. Susah hendak kita cakap. Betul. Kita tengok hari ini berapa banyak kes suami yang tidak bayar nafkah kepada isteri, suami yang tidak membayar nafkah kepada anak. Ha, inilah manusia yang tidak bertanggungjawab. Dari segi ini kerajaan menyediakan kemudahan tetapi tepuk dada tanya selera bagaimana kita hendak menjadi seorang ibu bapa yang bertanggungjawab untuk menentukan anak-anak kita menjadi manusia yang berjaya. Itu tepuk dada, tanya selera, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya sudah cukup menjawab.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi kita mendengar dua pandangan. Satu, Yang Berhormat kata yuran yang ditetapkan oleh pihak pengetua ataupun guru besar ini dibincangkan dan disetujui oleh ibu bapa dalam mesyuarat PIBG. Yang Berhormat juga berkata perkara ini tidak berlaku. Bolehkah kita membuat satu cadangan supaya kementerian meminta sekolah-sekolah khususnya guru-guru besar ataupun pengetua-pengetua ini sebelum menetapkan kadar yuran itu perlu berbincang dengan PIBG dan mendapat persetujuan dengan Jawatankuasa PIBG sebelum mereka menetapkan berapa banyak perlu dikenakan bagi seseorang pelajar. Terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, itu saya ingat saya yang bertanya kementerian dan kementerian yang menjawab. Jawapan yang hendak



saya beri, saya bukan hendak berdolak-dalik dari segi keputusan PIBG. Saya maklumkan tadi bahawa macam Dato' Azian kata tadi bahawa sepatutnya sudah di bincang dalam Mesyuarat Agung. Tidak ada. Izinkan saya menceritakan apa yang berlaku sebenarnya.

Pada 4 November yang lalu semasa saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuba jimatkan masa. Setelah kerajaan buat pengumuman begitu rupa dan banyak yang faham begitu rupa dan datang pula sesuatu yang berlainan tetapi yang silapnya ia datang kerana arahan datang dari atas. Andai kata guru-guru besar pujuklah PIBG-PIBG masing-masing, "Tuan-tuan dan puan-puan, kita ini perlukan duit itu atau ini, bolehkah kita cari duit macam itu atau macam ini". Biarlah tiap-tiap PIBG-PIBG yang menentukan supaya jangan ada arahan dari atas kerana apabila arahan datang dari atas ada tanggapan bahawa ia arahan kerajaan yang sebelum itu telah mengumumkan sesuatu itu.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ini yang berlaku sebenarnya. Maknanya PIBG diminta untuk mesyuarat khas mengikut senarai yang ditetapkan. Itu sahaja. Jadi, saya rasa Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat faham apa yang saya maksudkan. Jadi bagilah peluang untuk saya beralih ke tempat yang lain pula.

Saya juga ingin mengingatkan dalam menentukan pembayaran yuran tambahan ini saya menyeru agar PIBG sekolah mengambil kira kedudukan ekonomi sesebuah keluarga agar ia dilaksanakan lebih adil dan tidak membebankan. Seboleh-bolehnya kementerian mansuhkan perkara ini. Di samping itu, disarankan juga agar cara pembayaran ibu bapa juga wajar dibayar secara fleksibel iaitu tidak semestinya dibayar di awal sesi persekolahan. Ini bagi meringankan beban para ibu bapa yang terpaksa berbelanja untuk sesi persekolahan baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang prasekolah. Prasekolah merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan pendidikan prasekolah bagi membolehkan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun memasuki persekolahan. Pendidikan prasekolah bertujuan menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan menguasai kemahiran asas dan memupuk ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat ingin menyelesaikan ucapan pada petang ini juga atau ...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Sambung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ingin sambung sehingga esok? Sila teruskan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Dalam semua aspek menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah. Bangunan prasekolah anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia terletak di kawasan sekolah-sekolah rendah. Setiap kelas prasekolah diurus oleh seorang guru dan seorang pembantu yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Gred jawatan bagi

guru prasekolah ialah DG29 atau DG41, manakala gred jawatan bagi pembantu prasekolah ialah N17 yakni setaraf dengan jawatan pembantu tadbir. Setiap kelas mestilah tidak melebihi 25 orang kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Kelayakan untuk memasuki prasekolah dikira berdasarkan pendapatan keluarga iaitu di bawah RM500.

Persoalannya, apakah murid-murid yang ada di kelas prasekolah di sekitar Lembah Kelang ini terdiri daripada mereka dalam golongan ini? Apakah rasionalnya Kementerian Pelajaran mewujudkan prasekolah sedangkan kita tahu bahawa prasekolah-prasekolah ini biasanya dikelolakan oleh KEMAS, Perpaduan dan sebagainya. Hari ini kita tahu wujudnya kelas prasekolah KEMAS kebanyakannya di kawasan-kawasan luar bandar, di kampung-kampung pedalaman tetapi pewujudan prasekolah ini di dalam bangunan sekolah kebangsaan yang kita tahu tidak semua ceruk rantau ada sekolah kebangsaan, biasanya sekolah kebangsaan didirikan di dalam kawasan bandar. Kalau saya tengok kawasan saya sendiri, di kawasan Parlimen saya, sekolah kebangsaannya semua di dalam kawasan bandar. Tidak ada yang di ceruk-ceruk kampung, di Kampung Palembang atau sebagainya tetapi hari ini prasekolah diwujudkan dalam kawasan sekolah kebangsaan. Maknanya dibangunkan satu lagi bangunan khas, diletakkan mengikut dasarnya hendakkan orang yang mempunyai gaji kurang daripada RM500 tetapi akhirnya ditempatkan untuk anak guru-guru sahaja kerana perkara ini bersaing.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua bahawa prasekolah ini dikenakan bayaran yang murah, di kawasan bandar yurannya murah! KEMAS dikenakan dengan yuran yang agak mahal berbanding dengan prasekolah yang diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran. Mengapakah ada pertindihan sebegini rupa dibuat oleh kementerian seolah-olah tidak ada lagi tempat untuk menggunakan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan. Bukankah lebih baik peruntukan diberikan itu daripada kita membuka prasekolah, lebih baik diberikan bagi kuarters-kuarters guru yang berada di luar bandar yang harus di *upgrade* kan.

Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Esok Yang Berhormat agaknya akan mengambil masa berapa lama?

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Kalau tiada sesiapa yang kacau, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, yang mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Andai kata tidak diganggu.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Andai kata tidak diganggu saya ingat dalam 10 hingga 20 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau 10 minit hingga 15 minit bolehlah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Saya tidak berani, Tuan Yang di-Pertua. Biar saya cakap lebih, masa saya kurang. Kalau saya cakap kurang nanti saya tidak cukup masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin ke Kementerian Kesihatan. Kesihatan adalah merupakan harta yang tidak ternilai kepada diri kita tetapi jarang sekali kita sedar bahawa perkara tersebut, hak untuk kesihatan, telah termaktub dan diiktiraf di bawah undang-undang hak-hak kemanusiaan. Malah kesihatan adalah perkara yang utama yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh sesebuah negara kerana rakyat yang sihat akan melahirkan negara yang lebih produktif dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Menteri Kesihatan kerana memberikan perhatian tentang bil-bil hospital swasta. Dicadangkan satu badan pemantauan diwujudkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 10 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang***